



**DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

**PENGGAL KEEMPAT**

**MESYUARAT PERTAMA**

---

**SHAH ALAM, 31 MAC 2016 (KHAMIS)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi**

**YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali, S.P.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Telok Datok)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Puan Halimatun Saadiyah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik, P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Datuk Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan, D.I.M.P. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya, D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, D.P.M.S., S.I.S.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman, D.I.M.P., A.S.A.  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, A.M.S.  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Puan Mariah Ecatherina binti Ahmad Dinar  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

### **Bentara**

Encik Abdul Khalil bin Sabiis  
Encik Mohd Redzuan bin Adam  
Encik Nilam Mersa Mansur bin Osman

### **Pelapor Perbincangan**

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**(Dewan disambung semula)**

**(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

**SETIAUSAHA DEWAN:** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Pertama Penggal Keempat Bagi Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas Pada Hari Yang Keempat 31 Mac 2016 dimulakan dengan bacaan doa.

**I. DOA**

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**TUAN SPEAKER:** Selamat pagi Ahli-Ahli Yang Berhormat semua. Kita teruskan dengan pertanyaan Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Soalan saya No. 32.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN  
(DUSUN TUA)**

**TAJUK : RANCANGAN PEMBESARAN KAMPUNG TRADISI**

32. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah benar kerajaan telah merancang untuk memberi milik tanah-tanah rizab kerajaan untuk dijadikan tapak rumah di bawah rancangan pembesaran kampung seperti contoh tanah seluas 30 ekar di Kampung Sungai Lui Batu 23?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Dusun Tua bertanyakan berkaitan pemberilikan tanah-tanah rizab kerajaan untuk dijadikan tapak rumah di bawah Rancangan Pembesaran Kampung seperti contoh tapak tanah seluas 30 ekar di Kampung Sungai Lui Batu 23. Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk memberi milikan tanah rizab kerajaan di bawah Rancangan Pembesaran Kampung. Selaras dengan Seksyen 76 Kanun Tanah Negara tanah-tanah rizab kerajaan tidak boleh diberi milik melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Dasar Kerajaan Negeri selaras dengan Pekeliling PTGS Bilangan 4/2015 - Garis Panduan Lesen

Pendudukan Sementara atas rizab kerajaan membenarkan pendudukan sementara melalui Lesen Pendudukan Sementara di bawah Seksyen 65 Kanun Tanah Negara bagi tanah rizab kerajaan yang bukan pada masa ini digunakan untuk maksud ia dirizabkan. Permohonan LPS di bawah tanah rizab hanya dibenarkan untuk tujuan seperti berikut:

1. Tapak semaian/jualan pokok hiasan
2. Tanaman kontan
3. Pondok Pengawal
4. Papan Iklan (*billboard*)
5. Tempat Letak Kereta

Lesen Pendudukan Sementara untuk tujuan rumah kediaman adalah tidak dibenarkan. Sekiranya tanah yang dipohon adalah tanah kerajaan yang boleh diberi milik, permohonan pelupusan tanah kerajaan untuk tujuan bangunan kediaman adalah tertakluk dengan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Pekeliling PTGS Bilangan 6/2011 – Garis Panduan Skim Pemilikan Tanah Kerajaan Untuk Tujuan Bangunan Kediaman Persendirian Negeri Selangor. Selaras dengan Pekeliling tersebut, permohonan perlulah pengusaha asal yang telah mengusahakan atau menduduki tanah sekurang-kurangnya tiga (3) tahun pada tarikh 1 Januari 2008. Kelulusan permohonan adalah tertakluk kepada kesesuaian *zoning* yang telah ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD). Untuk makluman, tapak yang dimaksudkan adalah zon penempatan hutan bersebelahan dengan Taman Warisan negeri Selangor dengan nombor warta GN388/27 untuk tujuan rizab hutan. Pejabat tanah Hulu Langat menerima sebanyak lebih kurang 200 permohonan yang bertindih yang mana kesemuanya permohonan telah ditolak dan tapak yang dipohon merupakan zon penanaman rizab hutan. Berdasarkan kelas kegunaan tanah blok perancangan kecil 5.3 Taman Warisan negeri Selangor, tiada aktiviti pembangunan, pertanian ataupun pembalakan dibenarkan di dalam zon guna tanah hutan melainkan *low impact nature tourism* - penyelidikan dan pendidikan. Mengambil kira kepentingan tapak tersebut bersebelahan dengan tapak yang telah diwartakan sebagai hutan simpan, sebarang permohonan perlu dikawal bagi mengelakkan ancaman kepada ekosistem semula jadi hutan tersebut. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 33.



**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(KAJANG)**

**TAJUK : SMART SELANGOR**

33. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah rasional dan matlamat gagasan SMART Selangor? Nyatakan tempoh pelaksanaannya dan apakah kesan yang dijangka daripada inisiatif ini?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Speaker dan Yang Berhormat Kajang. Untuk makluman Yang Berhormat Kajang, rasional utama dan objektif konsep *Smart Selangor* adalah untuk membawa Selangor ke arah negeri berpaksikan rakyat atau dengan izin, *citizen centric state* yang didorong oleh falsafah tadbir urus berasaskan penyelesaian pintar atau *intelligent technology*. Negeri berpaksikan rakyat atau *citizen centric state* bermaksud fokus Kerajaan Negeri adalah kepada rakyat dan masalah yang dihadapi oleh rakyat dalam kehidupan seharian mereka yang merangkumi kualiti kehidupan, pertumbuhan ekonomi, negeri yang berdaya saing ataupun *state competitiveness* kelestarian alam sekitar dan pengurusan kewangan ataupun *state finances*. Dengan falsafah tadbir urus berasaskan penyelesaian pintar bermakna Kerajaan Negeri bukan sahaja menjawab dan menyelesaikan keperluan dan permasalahan rakyat tetapi juga memberi tindak balas secara interaktif dengan cara yang cepat, berkesan dan proaktif melalui *integrated solutions* atau penyelesaian pintar yang bersepadu. Ini menuntut penglibatan aktif dan penyertaan rakyat untuk memupuk semangat perkongsian antara rakyat dengan kerajaan tentang keutamaan kepada semua isu utama di bandar dan desa dan menangani cabaran demografi dan sosial khususnya sosioekonomi.

Bagi melaksanakan gagasan ini secara objektif kita perlu merangka konsep *Smart Selangor* dengan pemikiran dan pelan strategik yang berpanjangan dan bukan semata-mata reaksi spontan yang berkesan untuk jangka masa pendek. Hanya pendekatan yang holistik akan membawa anjakan paradigma. Hari ini, asas sebuah *Smart State* di seluruh dunia berkongsi beberapa ciri yang direka untuk menghadapi *mega trend* yang menjadi penentu dan mencorakkan dunia di masa hadapan. Salah satu kesamaan tersebut ialah kewujudan *Smart City*. *Smart City* pada asasnya adalah sebuah bandar hijau yang *liveable*, sesuai didiami berdasarkan pendekatan *citizen centric* yang bersepadu untuk pembangunan bandar di mana penyelesaian teknologi maklumat dan komunikasi yang dirangka selaras dengan *internet of things*. Ini akan menentukan masa depan kehidupan peribadi, *mobility* dan perniagaan. Tumpuan akan diberi kepada pengurusan berkesan aset bandar raya yang

mempunyai kesan langsung berterusan dan mendalam kepada rakyat seperti sistem pengangkutan khususnya kawalan trafik dan pengurusan, tempat letak kereta, keselamatan, pembanterasannya jenayah dan penguatkuasaan undang-undang, hospital, pengurusan sisa, tenaga dan bekalan air, sekolah, perpustakaan dan lain-lain perkhidmatan yang berpaksikan rakyat. Fokus utama adalah untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan menggunakan teknologi bagi meningkatkan kecekapan semua perkhidmatan tersebut. Antara penyelesaian segera akan menjadi aplikasi dan program *Smart Selangor* untuk berinteraksi secara langsung dengan rakyat dan pelaksanaan pemantauan aduan yang berkesan, keperluan dan kawasan yang memerlukan tindakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.

Seluruh Ahli Yang Berhormat pasti maklum tentang pameran *Smart Selangor* yang sedang berlangsung di foyer SUK sekarang. Terdapat beberapa paparan platform dan aplikasi yang menarik sebagai contoh, wujud satu aplikasi yang menggunakan *dashboard* yang memberikan laporan pemantauan prestasi pihak berkuasa tempatan khususnya berhubung dengan permasalahan rakyat. Ini memberikan maklum balas yang membolehkan PBT meningkatkan prestasi dan memberi tumpuan beberapa bidang yang kritikal. Pada masa yang sama, *Smart Selangor* akan membantu penggunaan sumber yang lebih berkesan, membantu meningkatkan ketepatan unjuran dalam perancangan dan belanjawan. Ini boleh digunakan oleh Kerajaan Negeri untuk semua Pihak Berkuasa Tempatan. Sebagai permulaan antara elemen penting adalah perumahan rakyat, kesihatan, makanan dan pendidikan. Selain itu, kita perlu menyediakan infrastruktur keselamatan dan pengangkutan *Smart City* serta mencari penyelesaian dan aplikasi dengan kaedah yang lebih berkesan dalam usaha pemantauan jenayah dan tindak balas kecemasan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang.

**Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL:** Terima kasih Puan Speaker. Terima kasih Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Satu pelan yang bagus tetapi saya nak tanya, bagaimanakah boleh ADUN-ADUN kami ni membantu dari segi penyertaan proaktif dalam penggubalan program-program ialah ada persembahan ataupun *show* dekat foyer tu tetapi pada segi bagaimana kami boleh mengambil bahagian. Terima kasih.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Kajang. Seperti yang kita sedia maklum, ini merupakan satu inisiatif jangka panjang. Dan merupakan satu gagasan baru bagaimana Negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang maju bukan sahaja boleh meneruskan pembangunan ini dengan cara dan rentak lama tetapi menggunakan kaedah *internet of things* bagi tujuan mencapai matlamat dan gagasan *Smart Selangor*. Sudah tentulah seperti yang saya nyatakan tadi, kejayaan *Smart Selangor* ini berasaskan kepada prinsip *citizen centric*. Pendekatan yang berpaksikan rakyat termasuk Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin mencadangkan supaya setiap Ahli Yang Berhormat boleh membantu untuk

mengenal pasti beberapa pendekatan yang keutamaan bagi kawasan masing-masing kerana untuk menjayakan *Smart Selangor* ini ia memerlukan Kerajaan Negeri menentukan *priorities* dan ada beberapa yang disebut sebagai *Smart City Applications* atau *solution* yang perlu dikenal pasti. Mungkin kawasan, sesuatu kawasan itu memberi tumpuan tentang *waste management* ataupun soal trafik ataupun soal kesihatan ataupun isu mengenai pemuliharaan sungai seperti yang dibangkitkan oleh Taman Medan semalam. Jadi, dia ada keutamaan bagi setiap kawasan dan boleh Ahli-Ahli Yang Berhormat membantu di pihak PBT bagi mengenal pasti keutamaan tersebut bagi kita mencari aplikasi yang terbaik bagi mencapai dan menyelesaikan masalah yang ada di kawasan masing-masing.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Dato' Menteri Besar. Asasnya adalah rakyat sentrik. Dan mekanismenya adalah maklumat. Isunya adalah maklumat apabila ada dan boleh digunakan sebaiknya dan boleh disalahgunakan. Apakah langkah, soalan saya. Apakah langkah-langkah yang diwujudkan untuk memastikan bahawa sistem ini adalah *full proof* daripada salah guna golongan *terrorist*, ISIS dan sebagainya. Ada *network* antarabangsa. Langkah-langkah keselamatan yang telah diambil?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Jauh pandangan Hulu Kelang. Bagi saya, aplikasi yang dibina, yang sedang dibina oleh Kerajaan Negeri ini ialah memberi tumpuan kepada masalah-masalah ataupun *solutions* kepada isu-isu domestik dan tempatan. Seperti yang saya nyatakan tadi tujuan kita membina aplikasi ini ialah untuk memastikan pengurusan bandar dan negeri itu lebih efektif dan berkesan dengan menggunakan kemudahan teknologi. Kebimbangan Hulu Kelang ialah ada kemungkinan teknologi yang kita gunakan ini mungkin boleh dibolosi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan ini akan *undermine the state government* ataupun usaha yang sedang diambil oleh Kerajaan Negeri. Saya percaya aplikasi yang dibina ini telah mengambil kira isu-isu keselamatan untuk memastikan maklumat dan data yang kita peroleh itu terjamin, selamat dan akan digunakan oleh Kerajaan Negeri bagi menggubal dasar ataupun polisi bagi peringkat PBT ataupun peringkat negeri. Dan saya percaya usaha yang sedang kita laksanakan ini dapat membantu pihak PBT dan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan sebenarnya sistem penyampaian kita kepada rakyat sebab kita boleh mengukur *performance* di peringkat PBT dan dapat dipantau di peringkat negeri secara berkala dan kita juga dapat melihat bagaimana aduan-aduan yang dikemukakan oleh rakyat itu dapat ditangani dan diselesaikan dalam satu tempoh yang cepat dan pantas menggunakan teknologi yang sedia ada yang seperti yang kita bentangkan dalam *exhibition* sekarang. Kita juga dapat melihat bagaimana *trend* aduan mengikut PBT. Ada PBT

mungkin menerima aduan yang lebih banyak tentang pengurusan sisa pepejal dan sampah.

Ada PBT yang mungkin menerima aduan yang lebih banyak masalah denggi dan kesihatan. Ada PBT yang mungkin menerima banyak aduan tentang masalah jenayah ataupun masalah-masalah yang lain. Jadi, dengan menggunakan aplikasi yang sedia ada ini kita juga dapat memantau trend aduan yang dikemukakan dan mencari *solution* kepada masalah-masalah yang berkenaan. Namun, kebimbangan Yang Berhormat Hulu Kelang tadi saya jamin dengan teknologi yang kita gunakan ini cukup kuat bagi memastikan semua strata dan statistik yang diperolehi ini adalah untuk kegunaan kerajaan dan pihak PBT bagi menangani masalah yang dihadapi oleh rakyat. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Speaker. Terima kasih Dato' Menteri Besar. Perkara *Smart City* ini ialah, ye saya mesti bawa satu program yang akan ambil masa terutamanya ialah *capital investment, software, hardware* dengan *human capital* yang akan kita adakan. Adakah negeri minta semua PBT laksanakan program ini ataupun kita pilih beberapa PBT dulu untuk cuba untuk adakan program ini dan dana untuk melaksanakan program *Smart City* ini datang dari kerajaan ataupun dari PBT masing-masing?

**Y.A.B. DATO MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Seri Andalas. Ini merupakan satu inisiatif jangka panjang dan kita tidaklah terlalu *ambitious* untuk memastikan usaha ini boleh diselesaikan dalam tempoh satu atau dua tahun. Namun, kita kena bermula pada satu detik menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri bagi melaksanakan satu gagasan yang sedang rancak membangun di banyak negara-negara maju termasuk di India sekalipun telah diumumkan beberapa bandar dan bandar raya itu akan dibangunkan sebagai *Smart City*. Persoalannya sekarang di mana kita nak bermula? Perkara ini telah kita bincangkan dalam Retreat MMKN baru-baru ini dan kita mendapati sebagai permulaan kita boleh meminta pihak PBT untuk mengenal pasti beberapa TOD yang belum lagi dibangunkan supaya semua komponen *Smart Solutions* ini dapat diterapkan dan dimasukkan di dalam agenda pembangunan di kawasan yang berkenaan. Tetapi secara *parallel* ataupun secara bersama kita boleh juga memilih beberapa kawasan dalam beberapa daerah sebagai *pilot project* dan melihat kejayaan program *Smart City* menggunakan *Smart Solutions* dan kaedah *internet of things* ini termasuk soal trafik, soal jenayah, *waste management* dan kita boleh menilai kejayaan program ini di peringkat TOD dan di beberapa kawasan sebagai *pilot project* sebelum kita merencana satu usaha yang lebih besar. Dan daripada kejayaan di beberapa kawasan pilihan ini kita juga boleh

menentukan berapakah bajet yang diperlukan bagi tujuan menjayakan gagasan untuk satu tempoh yang lebih panjang dalam Belanjawan 2017. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kuang tidak hadir. Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Terima kasih Speaker. Soalan nombor 35.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR  
(HULU BERNAM)**

**TAJUK : PREMIS MAKANAN**

35. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan secara terperinci jumlah operasi penggredan premis makanan dari tahun 2014 – 2015?
- b) Berapakah jumlah premis perniagaan yang diarahkan tutup dari tahun 2014 – 2015 di Selangor?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Hulu Bernam. Jumlah operasi penggredan dari tahun 2014 hingga tahun 2015 di Selangor, pada 2014 adalah sebanyak 8,523 premis dan pada tahun 2015 adalah 7,474 premis. Yang terperinci saya akan, setiap PBT saya akan maklumkan kepada Yang Berhormat secara lisan selepas ini dan jumlah premis perniagaan yang diarahkan tutup dari tahun 2014 hingga tahun 2015 di Selangor adalah pada tahun 2014 adalah sebanyak 351 premis ditutup dan pada tahun 2015 adalah sebanyak 300 premis telah ditutupkan. Sekian, Tuan Speaker.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Terima kasih Speaker. Saya ingin EXCO nyatakan jumlah premis makanan yang ditutup tadi sudah tahu tetapi saya ingin tahu mengikut pecahan kaum. Yang ditutup dan disita. Terima kasih.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Pecahan kaum ataupun PBT?

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** PBT tetapi mengikut pecahan kaum.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Bernam, yang itu terlalu spesifik. Kalau hendak informasi tersebut kena tanya dalam soalan.

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Tak apa. Saya ingin jawapan daripada EXCO selepas ini. Tak boleh jawab sekarang.

**TUAN SPEAKER:** Seri Kembangan ada? Nanti bekalkan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya akan bagi pecahan mengikut PBT dulu kerana soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat tak ada masuk dalam pecahan kaum. Hanya menyatakan pecahan PBT sahaja.

**TUAN SPEAKER:** Apa kaitan kaum dengan makanan, gerai makanan?

**Y.B. DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Berapa ramai ya, kita tahu spesifikasinya. Itu yang saya nak tau.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan berulang-ulang. Soalan 36.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM  
(SERI ANDALAS)**

**TAJUK : STATUS JAMBATAN KETIGA KLANG**

36. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah status kerja-kerja pembinaan jambatan ketiga Klang?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABUL TALIB:** *Assalamualaikum warahmatullah hiwabarakatuh* dan selamat pagi Tuan Speaker dan terima kasih kepada Seri Andalas yang bertanyakan berkenaan dengan status jambatan ketiga Klang. Kemajuan fizikal projek berdasarkan kepada penilaian pada 4 Mac 2016 adalah berada pada tahap 68.04% (jadual) dan 67.40% (sebenar).

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Bilakah jangka siap jambatan ini? Tarikh jangka?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABUL TALIB:** Seperti mana yang kita maklum, jambatan ketiga Klang dibahagikan kepada dua fasa. Untuk fasa yang pertama ini, dijangkakan siap pada 15 Disember 2016 untuk fasa yang pertama iaitu untuk membina jambatan. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Yang kedua? Keseluruhannya bila kereta boleh jalan atas jambatan itu?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABUL TALIB:** Kedua. Terima kasih kepada Seri Andalas. Fasa yang kedua, dokumen tender sekarang ni telah pun disiapkan dijangkakan tender pada Disember 2016. Tender dikeluarkan dan *detail* berkenaan dengan tarikh siap fasa dua ini saya akan bagi kemudian pada Seri Andalas nanti. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Telok Datok.

**Y.B. TUAN LOH CHEE HENG:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya 37.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN LOH CHEE HENG  
(TELOK DATOK)**

**TAJUK : GELANGGANG SUKAN FUTSAL**

37. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah jumlah peruntukan diluluskan dalam STANCO Sukan atau disalurkan kepada Pejabat Daerah/Tanah untuk menaik taraf gelanggang futsal di Negeri Selangor?
- b) Sila nyatakan nama tempat gelanggang futsal di setiap daerah yang telah dan belum dinaik taraf.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Speaker dan Telok Datok atas soalan yang dikemukakan. Pada tahun 2015, sebanyak peruntukan RM1.12 juta telah disiapkan ataupun telah diperuntukkan oleh pihak Kerajaan Negeri daripada sejumlah RM12 juta khusus untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur Sukan Massa iaitu jenis-jenis infrastruktur sukan yang digunakan oleh pihak masyarakat terutamanya di pihak akar umbi. Daripada rekod, setelah semua projek disiapkan sebanyak RM570,869.20 telah digunakan untuk membaik pulih sebanyak 23 gelanggang futsal di 10 Pihak Berkuasa Tempatan dan dua Pejabat Daerah/Tanah iaitu Pejabat/Daerah Tanah Klang dan juga Petaling. Pada tahun 2016, kita telah meluluskan peruntukan sebanyak RM6.68 juta untuk projek menaik taraf dan membaik pulih kemudahan infrastruktur sukan. Daripada jumlah tersebut, kita telah

memperuntukkan RM2.2 juta untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan infrastruktur yang saya sebutkan tadi. Bermakna sebelum ini bagi satu pihak Dewan Undangan Negeri ataupun bagi satu pihak Pusat Khidmat Masyarakat diperuntukkan sekitar RM20,000.00 maksimum untuk menaik taraf kemudahan infrastruktur Sukan Massa ataupun rakyat ini namun pada tahun 2016, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan telah menaikkan kepada angka maksimum ataupun angka silingnya kepada RM40,000.00. Dan bagi pihak Pusat Khidmat Masyarakat boleh mengemukakan sekali lagi senarai tempat-tempat tersebut di mana saya harap semua Ahli-Ahli Dewan Negeri dan juga Pusat-pusat Khidmat Masyarakat boleh mencadangkan kepada pihak-pihak majlis tempatan ataupun PBT masing-masing yang mana kawasan-kawasan gelanggang futsal, gelanggang sepak takraw, dewan masyarakat yang digunakan untuk kemudahan sukan itu boleh dinaiktaraf dan dicadangkan. Jadi saya harapkan sekitar bulan Jun nanti kita sudah mempunyai senarai tersebut dan *Insyah-Allah* menjelang akhir tahun kita boleh laksanakan.

Untuk soalan (b), jumlahnya terlalu banyak sebab lebih 23, 24 kalau saya sebutkan satu persatu mungkin mengambil masa, jadi saya akan serahkan secara bertulis nanti kepada pihak PBT. Untuk makluman juga sebelum ditanya dalam soalan tambahan, saya nak jawab di sini kita ada peruntukan RM1.1 juta tapi hanya RM570,000.00 saja digunakan. Ini disebabkan ada dua Majlis iaitu pihak MBSA dan pihak MBPJ yang angkanya sekitar RM120,000.00. Maknanya RM60,000.00 dan RM60,000.00 tidak dapat digunakan lagi disebabkan ada proses dan kelewatan dan sedikit salah faham dan *Insyah-Allah* saya akan gunakan dan saya akan tengok lebihan pada tahun ini untuk *cover* dua Pihak Berkuasa Tempatan tersebut. Namun, kalau kita ukur daripada segi pencapaian rekod kita yang lepas 2014 dan 2013, peruntukannya yang sekitar RM800,000.00 hanya digunakan sekitar RM200,000.00 ke RM300,000.00 saja dan ini ada sedikit peningkatan dan *Insyah-Allah* daripada segi penyampaian dan pelaksanaan kita akan perkemaskan lagi. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya bangun di kerusi ini dah dua kali. Pasal peruntukan Kota Anggerik yang tak dilaksanakan dan diberitahu bahawa ada peruntukan MBSA tak digunakan. Apakah masalahnya MBSA ni?

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Masalahnya bukan MBSA tapi masalahnya definisi yang kita telah tetapkan di sini ya. Jadi, bila kita salurkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan ada silap pandangan di peringkat awal mengatakan bahawa 'Oh, ini Pihak Berkuasa Tempatan yang pada tahap Majlis Bandar Raya yang sudah mempunyai peruntukan'. Tapi tahun ini kita dah betulkan. Kita hanya menyalurkan saja kepada Pihak Berkuasa Tempatan ini untuk digunakan. Jadi, kita dah betulkan



hal itu. *Insyah-Allah* Kota Anggerik dan Batu Tiga yang akan bangun nanti jangan takut sebab kita akan cover nilai RM120,00.00 itu untuk digunakan tahun ni melalui lebih-lebihan daripada tender terbuka kita biasanya ada lebihan dan lebihan itu kita akan salurkan kepada MBSA dan MBPJ. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Meru.

**Y.B. ABDUL RANI BIN OSMAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan nombor 38.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. ABDUL RANI BIN OSMAN  
(MERU)**

**TAJUK: TABUNG BIASISWA ANAK SELANGOR DAN TABUNG SARA DIRI  
PELAJAR UNISEL & KUIS**

38. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Berapakah bilangan pelajar serta jumlah kewangan dipohon daripada UNISEL dan KUIS yang telah mendapat manfaat tersebut bagi tahun 2015? Senaraikan lengkap pemohon.
- b) Bagaimana dapat dipastikan tempoh serahan kewangan diterima lebih awal daripada kelulusan PTPN?
- c) Berapa peratuskah peruntukan telah dikeluarkan?

**Y.B. TUAN NIK AZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Yang Berhormat Meru yang kembali beraksi ke Dewan.

a) Berikut adalah bilangan pelajar UNISEL dan KUIS yang menerima Tabung Biasiswa Selangorku dan Bantuan Sara Diri bagi tahun 2015 :-

i. Tabung Biasiswa Selangorku

<b>KOLEJ</b>	<b>JUMLAH PELAJAR</b>	<b>KOS (RM)</b>
KUIS	67 orang	2.88 juta
UNISEL	41 orang	2.01 juta
<b>JUMLAH</b>	<b>108 orang</b>	<b>4.89 juta</b>

ii. Bantuan Sara Diri

<b>KOLEJ</b>	<b>JUMLAH PELAJAR</b>	<b>KOS (RM)</b>
KUIS	163 orang	187,200.00
UNISEL	299 orang	154,800.00
<b>JUMLAH</b>	<b>457 orang</b>	<b>342,000.00</b>

- b) Pada masa ini, setiap permohonan Bantuan Sara Diri akan hanya dipertimbangkan jika disertakan bersama dokumen sokongan PTPTN. Walaupun pelajar telah menerima status kelayakan, namun PTPTN mengambil tempoh masa selama dua bulan untuk memproses dan menyalur pinjaman.

Bagi memastikan pelajar menerima bantuan lebih awal daripada pembayaran pihak PTPTN, proses pembayaran Bantuan Sara Diri dilaksanakan dalam tempoh 14 hari bekerja setelah status kelayakan PTPTN dikeluarkan.

- c) Bagi tahun 2015, sebanyak RM12 juta telah diperuntukkan untuk Bantuan Sara Diri. Walau bagaimanapun, memandangkan ia baru diperkenalkan pada tahun 2015, jumlah yang dibelanjakan hanyalah 2.94% bersamaan RM352,800.00. Jumlah ini dijangka meningkat pada tahun ini berdasarkan promosi yang telah dilaksanakan oleh pihak UNISEL, KUIS dan INSPEN. Bagi biasiswa Selangorku pula kita membelanjakan RM4.98 juta yang merupakan RM4.89 juta yang merupakan 97.8% daripada peruntukan awal. Jadi prestasi dia jauh lebih baik dan kita harap kita dapat kekalkan prestasi ini pada tahun ini.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Terima kasih Puan Speaker, soalan nombor 39.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA  
(TAMAN MEDAN)**

**TAJUK: PEMBANGUNAN DAN PEMBERDAYAAN GOLONGAN OKU**

39. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah program pembangunan dan pemberdayaan golongan OKU yang telah dilaksanakan dan yang sedang dirancang oleh Kerajaan Negeri Selangor?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Taman Medan. Tuan Speaker, Taman Medan bertanyakan tentang pembangunan dan pemberdayaan golongan OKU. Pelbagai program pembangunan dan pemberdayaan golongan OKU

yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan golongan ini tidak terpinggir dan lebih dihargai oleh masyarakat. Program pembangunan dan pemberdayaan golongan OKU ini mencakupi bidang pekerjaan, keusahawanan dan pendidikan. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah mewujudkan satu program yang dinamakan Program Pemberdayaan Ekonomi bagi golongan OKU dengan melatih seramai 10 orang petugas PDK iaitu Pusat Pemulihan Dalam Komuniti bagi menjalankan kursus dan latihan menjahit agar dapat mengajar pelatih-pelatih golongan OKU masalah pembelajaran di PDK masing-masing dengan asas jahitan. Para pelatih PDK ini disediakan dengan mesin jahit dan bahan-bahan jahitan untuk menyediakan hasil produk jahitan bagi tujuan jualan dan hasil jualan akan diperoleh oleh pelatih OKU tersebut. Diharapkan dengan kemahiran yang diberi dapat sedikit sebanyak dapat membantu golongan OKU ini menjana pendapatan melalui hasil jahitan yang diusahakan. Selain daripada itu sejak tahun 2012 Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memperkenalkan Program *Job Coach* iaitu satu pendekatan sokongan pekerjaan dalam membuat penyesuaian persekitaran ataupun bidang kerja antara majikan dan golongan OKU yang berminat untuk bekerja. Mulai tahun 2015 seramai 33 orang daripada kalangan petugas PDK mengikuti Program *Job Coach* ini telah dilatih bagi membantu para pelatih OKU di PDK mendapat pekerjaan terutamanya di sektor swasta. Sehingga kini seramai 51 orang telah mendapat manfaat perkhidmatan ini. Sokongan yang diberi oleh *Job Coach* ini terdiri daripada golongan OKU kepada kategori masalah pembelajaran dan juga kategori golongan OKU fizikal masalah fizikal. Kebanyakan bidang pekerjaan yang diceburi adalah dalam bidang perkhidmatan, perhotelan dan juga peruncitan. Melalui Skim Pengembangan Hijrah pula Kerajaan Negeri telah menasaskan seramai 200 orang peminjam dari golongan OKU dengan peruntukan RM1.1 juta ini adalah bagi memberdayakan golongan OKU. Program ini merupakan satu galakan bagi membuka lebih banyak peluang kepada golongan OKU untuk menceburi bidang keusahawanan agar dapat membantu meningkatkan taraf hidup golongan OKU. Di bawah Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kebajikan pula kita telah melaksanakan Program *Job Placement* kepada golongan OKU dan Kursus Kemahiran Pembangunan OKU. Pada tahun 2015 Kerajaan Negeri telah membantu seramai 20 orang golongan OKU yang bermasalah pembelajaran dalam bidang penyediaan makanan dan masakan di peringkat sijil dengan memberikan mereka bimbingan dan latihan agar mereka boleh berdikari dan mempunyai pendapat sendiri. Setelah tamat pelajaran mereka akan ditempatkan di beberapa premis majikan yang dikenal pasti untuk bekerja dan memperoleh pendapatan sendiri. Usaha ini dapat mengurangkan bebanan ibu bapa di samping dapat membantu golongan OKU mengurus kehidupan yang lebih baik. Selain daripada itu Kerajaan Negeri juga akan menganjurkan Kursus Bahasa Isyarat Komunikasi kepada penjawat awam dan juga ahli-ahli badan bukan kerajaan. Kursus ini dianjurkan untuk memberi pendedahan dan pelajaran bahasa isyarat kepada penjawat awam untuk mudah mereka berkomunikasi berurusan dengan pelanggan daripada kalangan golongan OKU ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan dulu.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Saya ingin bertanya kepada pihak Kerajaan kalau mengikut perancangan ataupun sasaran *Smart Selangor* salah satunya adalah untuk meningkatkan kualiti hidup. Adakah golongan OKU ini termasuk dalam usaha untuk meningkatkan kualiti hidup sebab dalam apa yang dinyatakan tadi tidak pun menceritakan mungkin latihan IT supaya akses kepada maklumat kepada golongan OKU ini lebih mudah.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Taman Medan. Untuk meningkatkan kualiti hidup bagi golongan OKU ini buat masa ini mereka lebih didedahkan ataupun diberikan bantuan pelajaran di pusat-pusat PDK iaitu Pusat Pemulihan Dalam Komuniti kerana mereka mempunyai pelbagai *disabilities* dan juga tahap-tahap *disabilities* . Jadi melalui pembelajaran di pusat-pusat ini pihak PDK akan mengenal pasti yang mana para pelajar OKU ini yang boleh untuk diketengahkan dan boleh diberi peluang untuk belajar mungkin dari sudut IT dan juga pelbagai bidang yang lain.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya sama ada Jawatankuasa Teknikal OKU yang ada di setiap Pihak Berkuasa Tempatan itu masih ada untuk memastikan supaya dalam perancangan dalam sesebuah bandar itu adalah mesra OKU.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Rawang. Jawatankuasa di peringkat PBT untuk membincangkan ataupun memastikan *accessibility* di peringkat PBT ini masih lagi berjalan dan beberapa PBT telah pun melaksanakan infrastruktur untuk kemudahan para golongan OKU ini boleh *accessible* di tempat-tempat yang disediakan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Apakah kerajaan ada program untuk mengajar OKU cacat penglihatan untuk membaca Al-Quran dalam Braille dan juga membekalkan Al-Quran Braille kepada mereka?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Kota Anggerik. Pihak Kerajaan kita telah pun memberikan sumbangan berupa Al-Quran Braille kepada beberapa PDK pada tahun lepas dan ada beberapa pengajar di kalangan OKU cacat penglihatan untuk mengajar Al-Quran Braille ini. Saya akan mendapatkan siapakah, ataupun berapa ramai ke *Insyah-Allah* saya akan dapatkan untuk Kota Anggerik. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Jeram.

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** Terima kasih Puan Speaker, soalan nombor 40.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO  
(N12 JERAM)**

**TAJUK : TEMPAT LETAK KERETA BERBAYAR**

40. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Mohon senaraikan kawasan pekan dan bandar yang telah dikenakan caj bayaran tempat letak kenderaan sejak 2013 dan jumlah bayaran yang dikenakan?
- b) Senaraikan kawasan-kawasan lain yang akan melaksanakan caj bayaran tempat letak kereta dan bayaran yang dikenakan pada tahun ini?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Jeram. Senarai kawasan pekan dan bandar yang telah dikenakan caj bayaran tempat letak kereta sejak tahun 2013. Saya akan berikan maklumat tentang maklumat setiap PBT.

MBSA – 0.40 sen satu jam, MBPJ - 0.60 sen satu jam, MPK – 0.50 sen satu jam, MPAJ – 0.50 sen satu jam, MPSJ / MPS / MPKJ- 0.50 sen satu jam, MPSP / MDKL – 0.40 sen satu jam, yang lain Hulu Selangor / Sabak Bernam masih tak ada kawasan *parking* yang perlu dibayar dan secara terperinci di kawasan pekan saya akan serahkan jawapan kepada Yang Berhormat sebentar nanti. Kawasan yang akan melaksanakan caj bayaran tempat letak kereta untuk tahun ini di kawasan MBSA Shah Alam adalah kawasan perdagangan yang diluluskan PCC yang barulah ini makna kawasan baru akan dikenakan caj bayaran parkir. MBPJ tak ada, MPK -

2, MPAJ – 3, MPSJ – 16, MPS – 1, MPKJ tak ada, MPSP – 3, MDKL – 2 dan lain tak ada. Itu sahaja, terima kasih Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Jeram.

**Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO:** Terima kasih Puan Speaker. Jeram nak bertanya soalan tambahan berapa peratuskah jumlah perolehan hasil PBT dari kutipan PBT dari caj tempat letak kenderaan pada tahun 2015 mengikut PBT?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Speaker itu terlalu spesifik saya tak ada jawapan.

**TUAN SPEAKER:** Betul, soalan tambahan tak boleh berunsur spesifik nak dapatkan data ya. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker, Yang Berhormat EXCO saya juga tertarik tentang kutipan caj *parking*. Ada di seperti di kawasan luar bandar seperti Sabak Bernam ataupun Hulu Selangor yang baru-baru ini timbul di dalam surat khabar mengenai caj *parking* dan mereka mesti melaksanakan kerana ada kekangan kontrak yang ditandatangani oleh Barisan Nasional pada tahun 1990 lebih kurang macam itu. Apakah hak kuasa Kerajaan Negeri untuk mengkaji ataupun kita mesti melaksanakan kontrak tersebut. Kalau kita tidak melaksanakan kita kena bayar, apa kuasa Kerajaan?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Sekinchan. Memang kontrak penswastaaan telah ditandatangani oleh Kerajaan terdahulu pada tahun 1990-an dan memang ada isu tentang *parking* yang telah isu *parking* di kawasan Majlis Hulu Selangor yang dibangkitkan oleh penduduk kerana mereka telah tahu bahawa ada kemungkinan di Hulu Selangor akan dilaksanakan caj *parking* dan mengikut komen dari Kamar Undang-Undang bahawa memang Kerajaan Negeri ada implikasi untuk kita laksanakan mengikut apa yang kita tandatangi dalam kontrak tersebut tetapi kini Kerajaan Negeri telah meminta Majlis Daerah Hulu Selangor untuk mengkaji balik dan Kerajaan Negeri juga akan menyemak balik tentang kontrak tersebut adakah kita boleh runding balik dengan syarikat konsesi tersebut.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih. Saya nak tanya kepada EXCO, sekarang memandangkan *Smart City* yang kita mulakan untuk adakan di dalam Negeri Selangor, kontrak-kontrak lama ini yang bukan *smart*

lagi adakah kita cadang untuk batalkan kontrak-kontrak ini dan bubuh satu program yang lagi *smart* dari dulu.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Seri Andalas. Kita mesti kalau PBT yang telah melaksanakan mengikut kontrak mereka perlu diteruskan tapi untuk kawasan yang bukan dikendalikan atau diuruskan oleh syarikat konsesi tersebut PBT tersebut boleh melaksanakan bayaran secara *smart* ataupun menggunakan aplikasi melalui Internet dan juga *smart phone* untuk membuat bayaran dan saya juga dimaklumkan bahawa di kawasan MPAJ dia telah pun melaksanakan cara tersebut.

**TUAN SPEAKER:** Bukit Melawati, tidak hadir. Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 42.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE  
(BALAKONG)**

**TAJUK: TEMPAT LETAK KERETA BERBAYAR**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan perancangan kerajaan bagi menangani masalah kilang haram yang telah beberapa kali dilanjutkan tempoh pemutihan.
- b) Nyatakan jumlah kilang yang telah berjaya dalam proses pemutihan mengikut kawasan masing-masing.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Balakong. Kerajaan Negeri melalui keputusan MMKN Ke-8/2015 pada 25 Februari 2015 yang telah disahkan oleh MMKN Ke- 9/2015 pada 4 Mac 2015 bersetuju untuk melanjutkan program pemutihan kilang tanpa kebenaran ini sehingga 31 Disember 2015. Itu bermakna program itu telah tamat pada tahun lepas. Kerajaan Negeri sedang merancang satu kaedah yang baru untuk tempoh 5 tahun yang akan datang. Antara yang dicadangkan adalah pengurangan insentif secara berperingkat yang kini, saya bagi contoh seperti apa insentif yang kita bagi kepada pemohon adalah 50% diskaun ke atas premium tapi ini akan dikurangkan secara berperingkat. Ini adalah satu contoh dan juga kita akan memberi kebenaran merancang bangunan yang khas kepada bangunan kilang memang tidak boleh mengikut peraturan yang sedia ada dan kalau pemohon tidak memohon kepada Kerajaan Negeri dan tindakan penguatkuasaan akan dilakukan selepas ini. Sehingga 31 Disember 2015, sejumlah 1,283 pemilik atau pun pengusaha kilang telah memohon untuk memutihkan atau pun menukar syarat nyata tanah mereka daripada pertanian kepada industri dan

sebanyak 1,000 unit telah kita luluskan. Itu bermakna, 50% kita telah berjaya untuk memutihkan kilang tersebut. Sekian.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan dulu.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih, Tuan Speaker. Yang Berhormat EXCO, berkaitan pemutihan kilang haram atau pun kilang tanpa izin ini, saya nak tahu setakat ini apakah dasar Kerajaan Negeri selepas tamatnya tempoh pada 31 Disember 2015. Dasar yang baru untuk tahun 2016, apakah dasar yang terperinci kerana ramai daripada pengusaha datang bertanya bagaimana mereka akan kena saman ke dan sebagainya. Jadi kita nak tahu apakah dasar terkini dan terperinci.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Seperti apa saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini adalah bahawa program ini telah tamat pada tahun lepas. Kita akan mengemukakan satu dasar untuk tempoh lima (5) tahun, ya ini satu dan kita akan kurangkan insentif yang kita bagi kepada pekilang ini kerana kita sudah bagi banyak masa, lebih kurang 10 tahun kita bagi masa untuk mereka memohon kepada Kerajaan Negeri untuk memutihkan atau pun kita bantu mereka untuk mereka meneruskan operasi mereka. Tapi malangnya masih ada 1,000 lebih seperti maklumat, data yang saya dimaklumkan, masih ada 1,000 lebih yang masih belum memohon kepada Kerajaan Negeri. Itu sebab dalam inisiatif atau pun rancangan yang terbaru adalah kita perlu memberi tekanan kepada mereka supaya mereka menyegerakan permohonan mereka kepada Kerajaan Negeri atau pun Pihak Berkuasa yang berkaitan.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Saya bagi Balakong dahulu, soalan beliau.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih. Saya nak bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, di samping mempertingkatkan penguatkuasaan atau pun memberi tekanan kepada pekilang-pekilang, adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membantu penaung-penaung kawasan-kawasan pemutihan itu seperti persatuan kilang yang dipertanggungjawabkan untuk membantu dalam pemutihan dari segi kewangan kerana ada banyak yang dah menghadapi kekangan kewangan untuk menyelenggarakan infrastruktur yang belum diserahkan kepada PBT masing-masing. Terima kasih.



**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Ada pelbagai caralah saya rasa untuk kita bantu kawasan kilang yang masih belum serah infrastruktur seperti jalan, longkang, lampu jalan kepada PBT untuk kita *maintain* atau pun penyelenggaraan :-

1. Peruntukan daripada ADUN masing-masing. ADUN boleh bantu.
2. Mengikut kemampuan PBT masing-masing.
3. PBT juga boleh memohon daripada Kerajaan Negeri, daripada pihak UPEN.

Yang Berhormat, kalau ada cadangan juga boleh salurkan kepada saya dan saya akan cuba untuk bantulah. Itu yang saya boleh maklumkan. Sekian.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Terima kasih, Tuan Speaker. Apakah halangan yang dihadapi oleh kilang-kilang yang masih belum melalui proses pemutihan ini sedangkan dah berkali-kali diberi dan diberi juga insentif untuk mereka mengikut syarat-syarat yang tertentu terutama sekali bagi kilang-kilang yang mendatangkan kemudaratan kepada penduduk di sekitar kawasan mereka beroperasi yang menimbulkan risiko kesihatan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Taman Medan. Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Negeri atau pun PBT tidak akan meluluskan kilang atau kita tidak akan memutihkan kilang yang mendatangkan masalah kepada penduduk setempat. Itu adalah dasar Kerajaan Negeri, ya.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Tapi setakat ini yang saya tahu ada satu kawasan tu, waktu malam mereka mengeluarkan asap-asap yang dicemari dengan partikel berbahaya kepada penduduk tetapi masih beroperasi semenjak 2005.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Kalau Yang Berhormat boleh bagi saya maklumat terperinci saya akan mengarahkan PBT untuk mengambil tindakan. Kekangan yang dihadapi oleh para pekilang adalah salah satu contoh adalah mungkin pemilik kilang dengan pemilik tanah adalah dua (2) orang yang berbeza. Jadi walaupun pemilik kilang itu nak memutihkan atau pun nak mendapatkan lesen daripada PBT tetapi pemilik tanah masih tak boleh membuat permohonan atau pun membayar premium yang dikenakan oleh Pejabat Tanah, itu salah satu masalah yang dihadapi oleh pekilang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya rasa perancangan lima (5) tahun itu ada baik tapi saya ingin tanya dari segi pemantauan di peringkat PBT, ada tak satu jawatankuasa khas atau pun jabatan tertentu yang dipertanggungjawabkan dan apakah mekanisme berkala, maksudnya pertemuan berkala atau pun rundingan berkala dengan kilang-kilang haram ini supaya boleh selesaikan isu-isu yang tertangguh.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Jabatan di peringkat PBT yang bertanggungjawab untuk menguruskan kilang haram adalah Jabatan Bangunan. Kita tak ada satu jawatankuasa khas di peringkat PBT untuk kita khaskan untuk tangani isu kilang haram ini. Jadi kita serah kepada Jabatan Bangunan dan kita yakin bahawa mereka memang selalu menjalankan tugas pemantauan dan sebagainya kerana saya juga terima banyak aduan daripada pemilik kilang bahawa mereka terima saman, notis daripada PBT. Itu bermakna memang PBT menjalankan tugas pemantauan mereka.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN:** Terima kasih, Tuan Speaker. Soalan ke 43.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : SKIM BANTUAN TAMBANG BAS SEKOLAH**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Memandangkan program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) skim bantuan tambang bas sekolah kepada keluarga berpendapatan rendah. Bilakah skim tersebut akan dilaksanakan di DUN Sungai Pelek?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Speaker, buat masa ini Kerajaan Negeri tidak menyediakan bantuan tambang bas sekolah bagi keluarga berpendapatan rendah. Namun begitu, Kerajaan Negeri Selangor di bawah Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang memberi bantuan tambang bas sekolah kepada anak-anak pekerja ladang. Program Bantuan Sumbangan Subsidi Tambang Bas Sekolah ini merupakan salah satu daripada Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES) di mana bantuan sebanyak RM300.00 diberikan kepada setiap anak-anak pekerja ladang atau bekas pekerja ladang yang memohon bagi membiayai sebahagian tambang bas mereka melalui sokongan daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru. Sumbangan yang diberikan adalah untuk tempoh setahun bagi setiap pelajar yang memohon.

Namun begitu, skim bantuan ini adalah dikhususkan kepada anak-anak pekerja ladang yang bersekolah di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJKT) di kawasan perladangan di dalam negeri Selangor sahaja dan tidak dibuka kepada umum.

Bagi kawasan DUN Sungai Pelek, sekiranya terdapat mana-mana pelajar dari Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SRJKT) yang ingin mengemukakan permohonan, pelajar tersebut haruslah mengemukakan permohonan tersebut melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) dan menghantar permohonan tersebut kepada pejabat saya.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Seri Andalas.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Berapakah bantuan bas sekolah ini telah diberi oleh Kerajaan Negeri dan berapa sekolah telah menerima bantuan?

**TUAN SPEAKER:** Terlalu spesifik. Kota Alam Shah beri secara bertulis ya.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terlalu spesifik, ya.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah soalan seterusnya, Sabak.

**Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Tuan Speaker, soalan 44.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI  
(SABAK)**

**TAJUK : TPPA TELAH DILULUSKAN OLEH PARLIMEN MALAYSIA UNTUK  
DILAKSANAKAN**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah kesan terhadap ekonomi Selangor?
- b) Adakah Kerajaan Negeri telah melakukan pelan strategik bagi menghadapi kesan pelaksanaan TPPA?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker. Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), dengan izin telah diluluskan di Parlimen setelah dibahaskan selama dua (2) hari di Dewan Rakyat. Keputusan tersebut telah menyaksikan perjanjian tersebut telah ditandatangani pada 4 Februari 2016 oleh 12 buah negara iaitu Australia, Brunei, Kanada, Chile, Jepun, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, Amerika Syarikat, Vietnam dan Malaysia.

Kerajaan Negeri Selangor menyatakan bantahan terhadap pelaksanaan TPPA. Perjanjian ini telah melalui proses rundingan dalam tempoh lebih kurang lima (5) tahun tetapi rakyat hanya diberi masa lebih kurang tiga (3) bulan sahaja untuk memahami teks yang berjumlah hampir 6,000 muka surat dan memberi komen dan maklum balas selepas rundingan perjanjian didedahkan pada Oktober 2015.

Untuk makluman Yang Berhormat, selepas perjanjian ini ditandatangani, semua ahli TPP mempunyai tempoh 24 bulan untuk melengkapkan proses domestiknya bagi membolehkan perjanjian TPP diratifikasikan. Perjanjian TPP akan berkuat kuasa :-

- i) Apabila 12 ahli TPP telah menyelesaikan proses ratifikasi dalam tempoh 24 bulan ; atau
- ii) Sekiranya syarat (a) tidak dapat dipatuhi, ratifikasi adalah perlu oleh sekurang-kurangnya enam (6) negara yang menyumbang 85% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) secara bergabung.

Sehubungan itu, TPPA belum boleh dilaksanakan lagi dan kesan langsung pelaksanaan TPPA belum dapat dilihat dalam tempoh terdekat. Selepas menandatangani perjanjian, Kerajaan Persekutuan akan membuat beberapa pindaan kepada undang-undang berkaitan dan peraturan tertentu sebelum dapat diratifikasikan.

Namun demikian, sebagai sebuah negeri penyumbang KDNK terbesar Malaysia, Selangor akan turut menerima impak secara langsung sama seperti kesan yang akan dihadapi oleh Malaysia. Berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh Institut Kajian Strategik Antarabangsa (ISIS) dan *Pricewaterhousecoopers (PwC Advisory Services Sdn. Bhd.)*, TPPA akan memberi impak positif dan negatif seperti berikut :-

### **Kesan Positif**

- i) Memberi manfaat kepada ekonomi dengan peningkatan kepada KDNK dan import eksport yang disokong oleh pengurangan Halangan Bukan Tarif (HBT) ;
- ii) Pasaran industri automatik akan lebih berdaya saing di peringkat antarabangsa melalui permintaan dan pasaran tarif bebas daripada negara-negara TPPA seperti Kanada, Amerika dan Mexico;

- iii) TPPA dijangkakan akan mewujudkan satu (1) hingga dua (2) billion pekerjaan menjelang 2027;
- iv) Kerajaan Persekutuan telah menyatakan jaminan perlindungan terhadap syarikat bumiputera dan syarikat perindustrian kecil dan sederhana (PKS); dan
- v) Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Pelabur - Negara (ISDS) dijangka lebih baik kerana memberi kelonggaran kepada dasar-dasar Kerajaan berkaitan kawal selia, kesihatan awam, keselamatan dan perlindungan alam sekitar.

### **Kesan Negatif**

- i) Sektor yang lebih terbuka pasca – TPPA seperti *Oil & Gas* dan pembinaan akan menghadapi persaingan yang sengit;
- ii) TPPA akan memberi kesan minimum terhadap firma runcit/perusahaan kecil dan sederhana. Namun, TPPA akan meningkatkan tahap ketelusan dalam peraturan berkaitan garis panduan sedia ada yang akan meningkatkan minat pelabur asing terhadap subsektor ini. Kesannya akan berlaku persaingan sengit antara firma tempatan dan pelabur asing. Sekiranya syarikat tempatan tidak mampu bersaing, subsektor ini akan dipelopori oleh pelabur asing ;
- iii) TPPA hanya memberi impak yang kecil terhadap eksport kelapa sawit. Namun, pengilang penapisan minyak sawit menyatakan kebimbangan berkaitan permintaan asing yang tinggi terhadap minyak sawit mentah (CPO) yang mungkin mengurangkan bekalan kepada mereka. Permintaan yang tinggi juga akan meningkatkan harga CPO yang mengurangkan margin keuntungan kilang penapis minyak sawit;
- iv) Kebenaran menubuhkan kesatuan sekerja dikhuatiri memberi kesan negatif terhadap majikan ;
- v) Pelanjutan tempoh masa hak cipta harta intelek dilanjutkan daripada 50 tahun kepada 70 tahun. Pelanjutan tempoh masa ini dikhuatiri akan merugikan apabila akses maklumat akan terbantut kerana pemerolehan buku-buku teks rujukan pelajar sekolah dan universiti tidak boleh diperolehi dari sumber ketiga. Ianya akan dihalang daripada dicetak semula atau difotostat dengan kos yang murah ; dan
- vi) Walaupun Mekanisme Penyelesaian Pertikaian Pelabur - Negara (ISDS) dijangka lebih baik, namun sekiranya terdapat konflik (*misalignment*) ISDS antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri boleh mendedahkan Malaysia kepada kes tuntutan mahkamah.

Kerajaan Negeri telah menyatakan kebimbangan dan gesaan supaya Kerajaan Persekutuan mampu memelihara dan menangani isu mata wang negara, hak dan kepentingan tenaga buruh Malaysia, harta intelek negara, syarikat milik kerajaan dan memelihara pasaran perniagaan tempatan apabila TPPA dilaksanakan kelak. Kerajaan Negeri tidak memberi pelan strategik khusus bagi menghadapi kesan tindakan TPPA, namun Kerajaan Negeri sentiasa peka dan prihatin terhadap isu

kesejahteraan dan kualiti hidup rakyat. Kerajaan Negeri menyedari bahawa impak perjanjian ini terhadap kos sara hidup rakyat adalah tinggi. Sehubungan itu, Kerajaan akan terus memelihara hak dan kepentingan rakyat dengan merangka langkah-langkah seperti berikut :

1. Melaksanakan inisiatif melalui pelbagai program bantuan perniagaan bagi membantu usahawan baru dan melonjakkan usahawan sedia ada ke tahap yang lebih tinggi supaya mampu terus bersaing di pasaran yang kompetitif.
2. Meningkatkan dan mempersiapkan keupayaan rakyat Selangor kepada pekerjaan berkemahiran tinggi dengan izin *skilled worker* melalui pembangunan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET).
3. Meningkatkan sumbangan bantuan pendidikan dalam usaha kerajaan untuk membina modal insan berkualiti dan mewujudkan *talent pool* di Selangor.
4. Meningkatkan keupayaan rakyat luar bandar melalui program pembangunan keusahawanan.
5. Memperkasa sektor pertanian bagi meningkatkan jaminan pengeluaran bekalan makanan di negeri ini.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker, Soalan 45.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD  
(IJOK)**

**TAJUK : SEKOLAH AGAMA RAKYAT**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk membina sekolah menengah agama rakyat di DUN Ijok?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Tuan Speaker, Ijok bertanyakan berkaitan dengan pembangunan Sekolah Agama Rakyat. Setakat ini Kerajaan Negeri tidak merancang pembinaan Sekolah Agama Rakyat di DUN Ijok. Walaupun satu ketika dulu ada cadangan untuk membina Sekolah Menengah Agama Teknik tetapi memandangkan disebabkan oleh kekangan untuk

mendapatkan guru-guru teknik dan memerlukan kos yang tinggi pembangunan Sekolah Menengah Agama Teknik maka perkara itu telah dibatalkan. Buat masa ini Kerajaan Negeri lebih tertumpu kepada pembangunan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor yang mana buat masa ini kita ada 4 buah dan dalam perancangan kita. Kita akan membangunkan sebuah Maahad Integrasi Tahfiz Selangor di setiap daerah dan perkara ini juga menjadi perbincangan pembangunan sekolah menengah di peringkat mesyuarat LEPAI dan juga mesyuarat MKI peringkat pusat supaya pembangunan sekolah-sekolah agama ini juga adalah mempunyai pembangunan berkaitan dengan pendidikan sekolah teknik dan kerajaan Selangor juga melihat bahawa ini ada keperluan-keperluannya dan kita merancang untuk membangunkan juga Sekolah ataupun Maahad Integrasi Tahfiz Selangor yang berdasarkan teknikal kita juga melihat bagaimana kesediaan kerajaan terutamanya dalam memberikan ataupun membekalkan guru-guru teknikal kepada pembangunan tersebut. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih EXCO telah memberi penjelasan. Murid-murid di Sekolah Agama di Ijok lepas darjah 6 mereka kalau nak melanjutkan terpaksa pergi ke Jeram atau ke Kuala Selangor, dalam Kuala Selangor tak ada Sekolah Menengah Agama saya harap ini Kerajaan bila agaknya akan membina satu Sekolah Agama Menengah sebab murid-murid desa akan berjalan jauh untuk melanjutkan dalam bidang sekolah agama.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Ijok, yang dimaksudkan oleh Ijok tadi adalah Sekolah Menengah Agama, bukan Sekolah Menengah Agama Rakyat kerana Sekolah Agama Rakyat biasanya dibangunkan oleh swasta ataupun tanah-tanah persendirian. Memang Kerajaan Negeri melihat keperluan Sekolah Menengah Agama ini satu keperluan yang cukup besar dan pengalaman kita 23 buah Sekolah Menengah Agama yang sekarang ini bertarafkan sebagai (SABK) Sekolah Agama Bantuan Kerajaan yang mana kita lihat juga dia apabila kita bangunkan Sekolah Menengah Agama ini ia memerlukan kos yang juga agak tinggi selain sumber-sumber tenaga pengajar yang saya kira pada hari ini pembekuan penjawat-penjawat ataupun guru-guru ini juga memberikan kesan yang cukup besar kepada Kerajaan Negeri. Namun begitu, pihak Kerajaan Negeri masih melihat bahawa kepentingan itu dan *Insyaa-Allah* kita akan melihat bagaimana ia nya dapat dibangunkan di Negeri Selangor selain daripada Maahad Tahfiz Integrasi yang sebutkan tadi dan saya tidak dapat memberikan jawapan secara tepatnya bila pembangunan itu akan berlaku, tapi Kerajaan Negeri sudah melihat tapak-tapak yang untuk kita bangunkan Sekolah-sekolah Menengah Agama di Negeri Selangor. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Pandamaran.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Tuan Speaker, Peraturan Tetap 24 (2) saya ingin ambil alih soalan.

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(PANDAMARAN)**

**TAJUK: PERTUBUHAN JAWATANKUASA AUDIT LUAR UNTUK SETIAP KAWASAN PBT**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status pertubuhan Jawatankuasa Audit Luar untuk setiap kawasan PBT seperti yang telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Rawang. Cadangan mewujudkan Jawatankuasa Audit Luar Pengurusan Pepejal dan Pembersihan Awam Pihak Berkuasa Tempatan diputuskan oleh MMKN Ke-2/2015 yang diadakan pada 14 Januari 2015 telah disemak semula selepas mengambil kira pandangan dari sudut perundangan dan juga penubuhan cadangan penubuhan (PMC) *Project Management Company* untuk mengambil alih pengurusan sisa pepejal. Maka itu penubuhan Jawatankuasa ini kita akan dikaji semula. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Permatang.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Peraturan Tetap 24 (2) saya memohon mengambil Soalan Permatang.

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(PERMATANG)**



**TAJUK: PASIR PROJEK HORAS**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan secara terperinci kaedah pengurusan pasir dari projek HORAS?
- b) Nyatakan jumlah hasil jualan pasir dari projek HORAS?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Dengkil yang bagi pihak Permatang bertanyakan soalan berkaitan dengan pasir bagi projek HORAS. Sebagaimana yang kita tahu bahawa Kumpulan Semesta Sdn Bhd telah pun dilantik oleh Kerajaan Negeri untuk melaksanakan kerja-kerja pengorekan bagi projek HORAS 600 yang bermula pada tahun 2014. Kerajaan Negeri tidak membayar KSSB bagi kerja-kerja pengorekan yang dibuat sebaliknya nilai kerja tersebut di kontra dengan jumlah pasir yang akan dijual oleh KSSB. KSSB turut diberi permit untuk memproses dan menjual pasir yang diperolehi daripada kerja-kerja pengorekan.

Jumlah pasir projek HORAS 600 ini bermula daripada tahun 2014 sehingga Februari 2016 adalah seperti berikut :

<b>Tahun</b>	<b>Kuantiti (Tan Metrik' Juta)</b>
2014	1.99
2015	3.27
Sehingga Februari 2016	0.28
<b>Jumlah</b>	<b>5.54</b>

Terima kasih.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Terima kasih Speaker, saya ingin bertanya dengan YB EXCO benarkah ada mengatakan bahawa terdapat lambakan pasir atau stok yang begitu besar di berdekatan dengan projek HORAS. Ini juga cuba dikaitkan dengan pembatalan projek KIDEX. Saya nak maklum balas daripada EXCO sendiri sama ada terdapat stok yang besar dan ia nya ada kaitan pembatalan KIDEX. Terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Dengkil. Berkaitan dengan longgokan ataupun *stockpile* itu adalah bahagian daripada proses pengalihan pasir daripada HORAS 600, sebahagian daripada HORAS 600 dan saya tidak tahu menahu berkenaan dengan kaitan projek KIDEX.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker. Ini fasal *stockpile* pasir ini, dulu saya dah kata telah bangkitkan dia telah mencemar keadaan di masjid dan penduduk di situ, saya nak tanya bilakah Kerajaan Selangor nak menyelesaikan masalah *stockpile* yang besar sekeliling kawasan Rantau Panjang.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Ijok yang prihatin berkenaan dengan longgokan pasir yang itu saya akan rujuk dan minta supaya pihak Kumpulan Semesta Sendirian Berhad ini untuk mengatasi permasalahan itu.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Tak akanlah sampai dua tahun masih juga penduduk dicemari oleh pasir. Saya ingat ini satu tindakan yang segera sepatutnya Kerajaan Negeri menyuruh Semesta bertindak.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Ok terima kasih Ijok.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker, Soalan Nombor 48.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS  
(SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: PEMBERIAN SIJIL TAULIAH PENCERAMAH**

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Nyatakan jumlah sijil tauliah untuk berceramah di Selangor pada tahun 2015.
- b) Berapakah jumlah pembatalan sijil tauliah untuk berceramah di Selangor pada tahun 2015 dan apakah sebab pembatalan tersebut?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Sungai Burong. Sungai Burong bertanya berkaitan pemberian sijil tauliah penceramah.

- a) Jumlah sijil tauliah untuk berceramah di Selangor pada tahun 2015 sebanyak 955 orang.
- b) Jumlah pembatalan sijil tauliah untuk berceramah pada tahun 2015 seramai 4 orang. Antara sebab pembatalan tersebut adalah :
  - i. Terlibat dengan ajaran tarekat yang menyeleweng.
  - ii. Akhlak atau kelakuan yang menjejaskan status sebagai pemegang tauliah.
  - iii. Menyampaikan ajaran-ajaran yang mengelirukan masyarakat.

Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDDIN BIN LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker, apakah garis panduan yang diberi kepada penceramah-penceramah yang bertauliah supaya ia tidak menyalahgunakan ceramah tersebut selain daripada tujuan agama.

**YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Saya kira tidak ada satu garis panduan khusus cuma apabila mereka ditemu duga ini mereka diberikan beberapa maklumat dan proses temu duga sendiri sudah menyaring bahawa mereka ini sepatutnya layak. Walau bagaimanapun saya tidak nafikan mungkin dalam saringan itu ada juga perkara-perkara yang terlepas pandang tetapi ini dalam pemantauan pihak Jabatan Agama Islam Selangor yang sehinggakan pembatalan-pembatalan disebabkan perkara-perkara yang sebutkan tadi. Saya akan menyemak semula kalau mungkin ada yang saya juga terlepas pandang saya akan maklumkan kepada Sungai Burong. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sabak.

**YB TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI:** Terima kasih Tuan Speaker. Kalau mengikut kenyataan tadi menyebut bahawa ada 955 pemegang tauliah sedang kita di Selangor kita ada mempunyai lebih kurang hampir 500 masjid dan hampir 2000 surau. Makanya kalau kita mengambil ukuran itu supaya kemakmuran surau dan juga masjid itu ada sentiasa ada majlis ilmu. Maknanya paling kurang kita kena ada lebih kurang dalam 2500 pemegang apa ini tauliah penceramah yang memegang tauliah. Jadi apakah usaha apakah ini menjadi satu fokus untuk Kerajaan Negeri oleh JAIS ini memastikan kita akan mencapai paling kurang sama *parallel* dengan

jumlah surau dan masjid dan apakah usaha lain yang boleh dilakukan untuk mencapai memastikan bahawa kita mempunyai pemegang tauliah yang jumlah yang sama.

**YB DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Soalan.

**YB DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Sabak. Saya tidak mempunyai data ataupun jumlah yang sebenar yang saya sebutkan tadi itu adalah jumlah 955 orang pada tahun 2015, saya kira lebih daripada itu. Antara yang dilakukan oleh pihak kerajaan ataupun Jabatan Agama Islam adalah proses penemu duga dan juga pemberian tauliah secara berterusan dan saya tidak nafikan di mana yang disebutkan Sabak tadi keperluan yang besar dan kita akan terus menemu duga dan menambahkan bilangan mereka yang benar-benar mahu memberikan ceramah dan sijil-sijil tauliah kepada penceramah-penceramah tersebut. Terima kasih.

**YB DATUK ROSNI BINTI SOHAR:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya No.49.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN NG SUEE LIM  
(SEKINCHAN)**

**TAJUK: RUMAH SELANGORKU**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sila huraikan perkembangan terkini pembinaan Rumah Selangorku.
- b) Sila nyatakan apakah kekangan dan cabaran yang dihadapi.
- c) Sila nyatakan bagaimanakah sambutan dan kerjasama sektor swasta terhadap usaha tersebut.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera. Bismillahi rahmani rahim,* terima kasih kepada Sekinchan. Untuk makluman Yang Berhormat daripada 1 Januari 2015 hingga 15 Mac 2016 seramai 3,490 orang pemohon telah menolak tawaran Rumah Selangorku 3,490. Melalui maklum balas yang diterima daripada pemaju kebanyakan pemohon yang telah menolak tawaran tersebut adalah disebabkan pemohon-pemohon berkenaan gagal mendapatkan pinjaman bank selain tidak berminat dengan projek yang ditawarkan. Soalan kedua adalah tentang apakah usaha kerajaan untuk

membantu golongan tersebut. Bagi golongan-golongan yang tidak layak mendapatkan pinjaman bank Kerajaan Negeri telah menyediakan Skim Pembiayaan Rumah Selangorku (DANASEL) yang berkonsepkan sewa dan milik bagi membantu golongan ini membeli Rumah Selangorku Jenis A.

Kerajaan Negeri melalui anak syarikat LPHS iaitu Syarikat Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn. Bhd. (PHSSB) akan menguruskan skim ini melalui kaedah pembiayaan-pembiayaan yang merupakan satu bentuk penyewaan jangka panjang yang membolehkan pemohon bertukar status daripada penyewa kepada pemilik rumah dalam tempoh yang dipersetujui dengan memahami semua terma-terma perjanjian penyewaan dan pemilikan. Pada asalnya, program DANASEL ini hanya kita tawarkan ataupun kita lakukan kepada projek Rimbajaya dan juga di Sungai Sering dan juga Berembang Indah. Tetapi skim DANASEL ini akan mula ditawarkan kepada orang awam pada Jun 2016 untuk projek setia Alam Fasa3 di daerah Petaling dan projek Taman Putera Prima di daerah Sepang.

Selain daripada program DanaSel seperti mana yang diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar pada sidang yang lepas ketika membentangkan belanjawan Negeri Selangor terdapat program yang dinamakan program *Smart Home Buyer* di mana Kerajaan Negeri akan membeli berkongsi membeli rumah bersama rakyat dan di mana Kerajaan Negeri akan membayar 10% akan deposit dengan izin untuk mendapatkan pinjaman bank. Skim yang sama juga dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan.

Untuk soalan seterusnya, adalah semua permohonan rumah Selangorku mesti berdaftar di LPHS melalui sistem Pendaftaran Permohonan Rumah Selangorku (SPPRS). Melalui SPPRS pemohon dibenarkan membuat pilihan kawasan berdasarkan daerah dan mukim di mana projek yang dipilih akan dibina. LPHS boleh menawarkan rumah kepada pemohon yang layak berdasarkan kekosongan projek yang terdapat dalam daerah atau mukim yang dipilih oleh pemohon. Terima kasih.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Soalan tambahan

**YB TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**YB TUAN NG SUEE LIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Berkenaan dengan angka yang diberikan oleh Yang Berhormat EXCO Perumahan, berkenaan dengan 3,490 pemohon yang ditolak disebabkan oleh pihak bank, tak minat. Dalam konteks tak minat ini adakah pihak Lembaga Perumahan menyemak semula kenapa dalam permohonan yang ditawarkan, dia boleh jadi tak minat. Ini satu yang agak pelek. Terima kasih.

**YB DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Minat adalah apabila kita tawarkan. Mereka sebenarnya diberikan pilihan tentang kawasan-kawasan atau mukim untuk mereka membeli rumah tetapi kadangkala mereka mungkin tidak adakan dapat pilihan pertama, pilihan kedua atau pilihan ketiga. Jadi bermakna, apabila mereka mendapat pilihan kedua mungkin mereka menolak kerana bukan pilihan pertama mereka. Di antaranya mungkin dari segi lokasi, jauh daripada tempat kerja mereka atau jauh daripada saudara-mara merekalah. Ada seperkara lagi ingin saya tambah tadi, bahawa dari segi statistik bahawa kita telah menerima penolakan sebanyak 3,000 lebih tadi iaitu 3,490. Buat makluman permohonan yang diterima adalah 12,550 dan penawaran adalah 7,820 yang telah menerima dan yang menolak adalah 3,490. Ini bermakna jumlah yang menolak adalah lebih kurang 35%. Terima kasih.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Kampung Tunku

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Terima kasih. Sememangnya dalam era *big data* ini, data dan statistik adalah sangat penting. Selain daripada itu, mengapa kerajaan tidak menjalankan kajian ataupun *survey* mengapa mereka menolak dan juga lokasi kesukaan mereka supaya tempat yang kerajaan hendak membina rumah Selangorku ini sebaran dengan permintaan pasaran, permintaan mereka yang berminat untuk memohon dan ini akan menjadikan pembinaan kita itu akan menjadi lebih strategik. Soalannya sekarang ialah tentang *survey*. *Survey* itu sangat penting.

**YB DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Ada pemaju membuat permohonan untuk membina rumah Selangorku. Kita telah mengadakan kajian sama ada kawasan tersebut itu *viable* dengan izin untuk kita pasarkan rumah-rumah Selangorku di situ. Penolakannya bukan adalah sebab kerana tempat itu tidak *viable* ataupun tidak strategik, tetapi kepada mereka yang memohon, ia tidak strategik untuk dia sebab kerana mungkin tempat kerjanya jauh ataupun ianya tidak strategik untuk mereka yang memohon oleh kerana mungkin kerana ada faktor-faktor yang lain, jauh daripada saudara-mara dan sebagainya. Memang apabila pihak pemaju datang untuk membawa cadangan membina rumah Selangorku. Kita lihat sama ada ianya *viable* atau tidak. Malah dari segi pembinaan jenis rumah juga kita melihat sama ada ianya boleh dibangunkan atau tidak. Contohnya, ada cadangan-cadangan daripada pemaju untuk membina apartmen ataupun pangsapuri. Rumah berstrata contohnya ada di Kuala Selangor, di Ijok mungkin. Ada satu kes di mana kita tolak, kita cakap tak boleh nak buat, tak boleh nak jual rumah berstrata, kita kata kita minta buat rumah bandar ataupun buat rumah teres. Jadi bermakna memang kita mereka akan bawa kepada kita dan kita akan cadangkan, malah kita ada tolak rumah kos rendah. Kita melihat bahawa di sesuatu kawasan itu tidak akan ada market ataupun permintaan. Jadi, untuk menjawab soalan tadi, memang ada kajian dan penolakan itu bukan berdasarkan strategik ataupun tempat yang tidak strategik tetapi oleh

kerana kepada pemohon tersebut ianya tidak strategik oleh sebab-sebab peribadi mereka. Wallahualam.

**TUAN SPEAKER:** Kinrara.

**YB TUAN NG SZE HAN:** Tadi YB EXCO jawab kata bahawa jumlah penolakan itu amat tinggi, salah satu sebab adalah kerana lokasi tidak sesuai kepada pemohon. Soalan saya adalah kenapa kita tidak izinkan pemohon untuk memilih lokasi yang mereka rasa sesuai tetapi hanya benarkan mereka memilih daerah.

**YB DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Kita akan tengok, kita bagi mereka pilihanlah. Bermakna apabila 1, 2, 3 tu, ataupun, apabila kita beri kepada mereka pilihan, kita akan tawarkan dan mungkin kita akan lihat kembalilah sekiranya kalau tidak sesuai, apakah sebab sebenar. Tetapi kebanyakannya adalah, saya tidak ada statistik di sini, tetapi kebanyakannya bukan adalah dari segi penolakan, dari segi tidak minat dengan pembangunan tetapi kebanyakan masalahnya adalah dari segi pinjaman bank yang mereka tidak dapat. Walau bagaimanapun, saya melihat kembali akan cadangan Yang Berhormat bahawa kita bagi mereka peluang sekali lagi untuk membuat pilihan di tempat lain. Wallahualam.

**YB PUAN GAN PEI NEI:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat. Ye, Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Peraturan-peraturan 24(2). Saya ambil bagi pihak YB Tanjung Sepat.

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : WANG RIZAB KERAJAAN**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah jumlah rizab kerajaan pada akhir 29 Februari 2016?
- b) Adakah kerajaan mempunyai rancangan bagi menggunakan sebahagian wang rizab kerajaan ini untuk pembangunan kemudahan dewan orang ramai di kampung-kampung tradisi yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih YB Hulu Kelang mewakili Yang Berhormat Tanjung Sepat. Untuk makluman Yang Berhormat, rizab kewangan negeri terdiri daripada wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ketiga-tiga Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Secara keseluruhannya, bagi Kumpulan Wang Disatukan pada 29 Februari 2016 adalah berjumlah RM3,298.39 juta berbanding RM3,258.61 juta pada 31 Disember 2015.

b) Rizab kewangan Kerajaan Negeri Selangor akan digunakan bagi program, projek dan aktiviti untuk tujuan pembangunan negeri Selangor dan kebajikan rakyat negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor pada Dewan Negeri Selangor yang bersidang pada November 2015 telah membentangkan lima (5) strategi Belanjawan 2016 yang memberi keutamaan untuk menjana pembangunan dinamik dan organik di mana strategi ketiga Belanjawan 2016 adalah mempertingkatkan Pembangunan Berkualiti dan Inisiatif Peduli. Kerajaan Negeri komited untuk menyuntik dinamisme ekonomi, sosial dan infrastruktur di luar bandar. Fokus Kerajaan Negeri pada tahun 2016 adalah untuk melancarkan revolusi pembangunan desa dan luar bandar. Dalam konteks pembangunan desa dan luar bandar, kemudahan asas seperti dewan orang ramai boleh dipertimbangkan mengikut keperluan kampung yang berkenaan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Damansara Utama.

**YB PUAN YEO BEE YIN:** Saya nak tanya, adakah Kerajaan Negeri ada satu Pelan Strategik supaya berapakah dewan yang kita nak tambahkan di setiap daerah sebab di Damansara Utama ada, tak pernah ada dewan dibina sejak 2008.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Damansara Utama. Sebelum ini kita telah pun meminta Pejabat-pejabat Daerah dan juga pihak PBT untuk menjalankan audit di kawasan pentadbiran masing-masing bagi melihat keperluan sama ada balai raya, dewan orang ramai di kawasan masing-masing, sama ada perlu dibaiki semula ataupun dinaiktaraf dan ada kawasan seperti kawasan di Damansara yang memerlukan dewan-dewan baru supaya daripada angka dan statistik yang diperolehi ini Kerajaan Negeri boleh merancang keperluan yang perlu disalurkan kepada daerah-daerah yang berkenaan.

Untuk menjawab secara khusus di kawasan Yang Berhormat, saya akan mendapatkan maklumat daripada Pejabat Daerah Petaling dan PBT yang berkenaan dan keperluan untuk membangunkan sebuah dewan di kawasan yang berkenaan.

Baru-baru ini pun di kawasan Yang Berhormat Tuan Speaker, Kerajaan Negeri sedang menimbang satu dewan, mungkin isu sekarang yang belum selesai ialah soal reka bentuk tetapi keperluan membangunkan dewan berkenaan pada prinsipnya telah dipersetujui oleh Kerajaan Negeri.



**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**YB TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Terima kasih Dato' Menteri Besar. Adakah revolusi pembangunan desa dan bandar ini melibatkan dewan-dewan di bawah PBT yang khususnya memerlukan satu penyelenggaraan yang lebih baik terutamanya kalau di Hulu Klang yang bersempadan dengan Kuala Lumpur. Dewan-dewan di bawah DBKL sangat cantik dan indah berbanding dengan di Hulu Klang, kalau boleh jelaskan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Klang. Di bawah peruntukan yang telah diluluskan kepada pihak PBT memang ada satu peruntukan bagi tujuan yang berkenaan. Walau bagaimanapun sepastinya peruntukan itu ada kalanya tidak mencukupi bagi memenuhi permintaan beberapa kawasan dalam PBT yang berkenaan dan kita akan melihat keperluan kes *by* kes dan sekiranya ada dewan-dewan khusus yang ada di Hulu Klang yang perlukan perhatian, saya bersedia untuk berbincang dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya bagi memenuhi hasrat rakyat di kawasan yang berkenaan.

**YB PUAN TIEW WANG KENG:** Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER:** Batu Tiga

**YB PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 51.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL  
(BATU TIGA)**

**TAJUK : SKIM PENDIDIKAN BELIA**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapa ramaikah yang terlibat dan apakah perkembangan terkini skim ini?
- b) Apakah bidang-bidang kursus yang ditawarkan?
- c) Apakah ada rancangan untuk dibuka skim ini kepada golongan selain dari belia?

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Batu Tiga atas soalan yang dikemukakan. Pihak Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda yang dahulunya dikenali Pembangunan Belia telah melaksanakan satu program yang dikenali sebagai Program Diploma Belia Dalam Kerjaya Pembangunan (EKSEKUTIF) yang telah bermula pada sekitar 7 Mac 2014 di mana seramai 38 calon telah berjaya ditawarkan ke program tersebut. Walau bagaimanapun, 26 daripada 38 senarai tersebut telah mendaftar pada Semester Pertama dan daripada jumlah tersebut 20 orang pelajar yang telah menduduki peperiksaan pada Semester Pertama manakala seramai 6 orang pelajar yang gagal menduduki peperiksaan telah ditamatkan pengajian.

Pada 29 Disember 2015, Kerajaan Negeri dengan kerjasama pihak Universiti Putra telah mengadakan temu duga kali kedua yang telah dihadiri oleh 12 orang calon. Dari jumlah tersebut, seramai 8 orang telah berjaya dan ditawarkan untuk mengikuti program ini. Dengan ini sejumlah 28 orang secara keseluruhan telah ditawarkan menduduki program yang dipanggil sebagai Diploma Belia Dalam Kerjaya Pembangunan (EKSEKUTIF) di Universiti Putra Malaysia.

Soalan (b). Bidang-bidang kursus yang ditawarkan untuk pelajar sepanjang tempoh 3 tahun ataupun 6 semester sehingga menamatkan program tersebut adalah seperti berikut:

SKP 2101	Kenegaraan Malaysia
SKP 2203	Tamadun Islam dan Tamadun Asia
SKP 2204	Hubungan Eknantik
DCE 2103	Belia dan Masyarakat
DCE 2221	Gender dan Pembangunan
DCE 2284	Pembentukan Personaliti Belia dan Komunikasi
DCE 2293	Pendidikan Kependudukan dan Kekeluargaan
DCE 2311	Prinsip dan Amalan Kerja Belia
DCE 2333	Proses Pembelajaran
DCE 2410	Nilai dalam Komanwel dan Pembangunan
DCE 2421	Bekerja Bersama Komuniti
DCE 2482	Pembangunan Ekonomi dan Keusahawanan Belia

DCE 2484	Belia dan Kesihatan
DCE 2541	Kemahiran Pengurusan dan Pembangunan
DCE 2543	Perancangan, Pemantauan dan Penilaian Projek
DCE 2571	Penyelesaian Konflik
DCE 2595	Pembangunan Mapan dan Persekitaran
DCE 2764	Perancangan dan Pelaksanaan Polisi

c) Pada masa ini, Kerajaan Negeri belum lagi berhasrat untuk mengembangkan Skim ataupun program ini kerana bagi kita, kita ingin menawarkan peluang kedua khususnya kepada belia-belia bagi mereka dapat menyambung pelajaran walaupun mereka sedang ataupun ketika dalam kerjaya mereka masing-masing. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah masa pertanyaan telah tamat. Saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

### III. USUL

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya sambungan usul Menyembah Ucapan Kasih serta Menjunjung Kasih Ke atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.

**TUAN SPEAKER:** Sebelum saya meminta pihak kerajaan menggulung, saya benarkan YB Teratai 5 minit sahaja untuk habiskan ucapan semalam.

**YB PUAN TIEW WAY KENG:** Ya, terima kasih Tuan Speaker. Jadi, Teratai menyambung ucapan semalam. Kerajaan Selangor mencapai lebihan hasil RM577juta sehingga rizab negeri Selangor mencapai RM3.4billion. Rizab ini merupakan Rizab Kerajaan Selangor dengan urus tadbir yang baik dan telus dan bukannya wang berbilion yang disalurkan ke dalam akaun individu semata-mata.

Dengan berdasarkan konsep keadilan dalam pengagihan, Kerajaan Selangor menambah baik Skim Mikro Kredit dengan terma Hijrah yang diperkenalkan oleh kerajaan Selangor haruslah tidak mengenakan caj lain sepertimana caj pentadbiran. Ini kerana objektif Skim Hijrah diadakan adalah memberi kemudahan pinjaman wang tanpa faedah kepada rakyat Selangor. Dengan pengenaan caj-caj lain seperti caj pentadbiran, ini telah memberi persepsi kepada penduduk bahawa kerajaan Selangor mengenakan pembayaran tambahan atas pinjaman mereka yang merupakan beban tambahan mereka.

Mengikuti muka surat 11 (Titah Ucapan Tuanku), Program Smart Selangor bukan saja berkenaan teknologi hijau dan infrastruktur, tetapi juga tentang menangani isu-isu paling kritikal yang mana termasuklah pengangkutan dalam negeri. Kerajaan Selangor telah menyediakan 41 unit bas Smart Selangor sehingga masa kini. Akan tetapi tidak ada satunya bas Smart Selangor yang melalui kawasan DUN Teratai. Kawasan DUN Teratai tidak ada stesen-stesen LRT atau MRT lebih-lebih lagi perkhidmatan bas awam yang telah menukar laluan dengan tidak lagi masuk kawasan perumahan di kaki bukit sekitar kawasan Taman Saga, Taman Melur yang mana permintaan pengangkutan awam adalah sangat tinggi yang mana Teratai telah mengetengahkan isu dalam Dewan yang mulia ini sejak dua tahun yang lepas. Jalan-jalan utama DUN Teratai sesak setiap hari kerana penduduk-penduduk terpaksa memandu kenderaan sendiri. Barangkali, kejadian ragut berlaku terhadap penduduk-penduduk yang terpaksa berjalan dari stesen bas yang sangat jauh balik ke rumah pada sebelah petang. Oleh yang demikian, Teratai berharap Selangor dengan adanya 56 kawasan DUN bolehlah menyediakan satu bas Smart Selangor melalui kawasan DUN Teratai.

Seperti mana Teratai berbahas semalam, Tuanku telah menggunakan 178 patah perkataan yang berkenaan dengan hasrat Tuanku untuk mengekalkan kehijauan alam semula jadi di negeri Selangor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, terdapat 3 kawasan pendaki bukit iaitu Bukit Ketumbar, Bukit Saga, Bukit Apit yang mana ketiga-tiganya di bawah nama rasminya iaitu Bukit Sungai Puteh kini menghadapi risiko dikeluarkan daripada hutan simpan untuk memberi laluan kepada Lebuh Raya SUKE. Pihak pendaki gunung dan juga penduduk telah menghantar memorandum dan surat bantahan kepada pihak Jabatan Perhutanan Selangor.

Teratai juga berterima kasih kepada YAB Dato' Menteri Besar Selangor dengan bersikap terbuka atas ketersediaan mendengar suara penduduk-penduduk. Daripada titah Sultan Selangor, adalah menjadi hasrat bagi Tuanku terhadap Kerajaan Selangor untuk mendukung usaha Jabatan Perhutanan untuk menguruskan sumber hutan secara berkekalan serta mengawal hutan simpan dengan baik dengan usaha untuk merealisasikan kehijauan di Negeri Selangor. Maka Teratai menggesa Kerajaan Selangor supaya mengekalkan status hutan simpan bagi Bukit Sungai Puteh yang mana merupakan tempat tadahan air hujan serta tembok penahan semula jadi terma yang digunakan dalam titah ucapan Tuanku.

Teratai berasa sakit hati apabila alam semula jadi dirosakkan akibat daripada pemasangan menara-menara TNB. Impak besar berlaku akibat daripada penerokaan Bukit Sungai Puteh, satu-satunya hutan simpan di pusat bandar akibat pemasangan menara-menara TNB yang giat sedang dijalankan di bawah bumbung Projek Nasional Great. Flora dan fauna telah dirosakkan dengan penerokaan bukit tersebut. Haiwan-haiwan telah hilang habitat mereka sehingga masuk kawasan perumahan sekitar Bukit Sungai Puteh. Teratai terkejut apabila diberitahu keputusan

untuk penyediaan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar dan Laporan Penilaian Sosial telah dibatalkan dalam mesyuarat penilaian laluan pemasangan menara-menara TNB sebelum ini.

Walau bagaimanapun, penduduk-penduduk Teratai masih tidak berputus asa dengan menggariskan cadangan laluan alternatif pemasangan menara-menara TNB yang mana lebih kos efisien dengan pengurangan menara TNB dan dengan laluan yang lebih jauh daripada kawasan penduduk digunakan dengan tidak lagi memasang lebih daripada 5 menara TNB yang mengelilingi kawasan perumahan Taman Cheras Hartamas. Teratai berharap Kerajaan Selangor mengkaji dengan teliti atas cadangan penduduk-penduduk yang berusaha sekian lama untuk mencari laluan alternatif dengan menjadi kepentingan semua pihak. Teratai juga berharap kerajaan Selangor dapat membatalkan cadangan laluan Lebu Raya SUKE yang menerokai hutan bukit Sungai Puteh yang membebankan rakyat serta mendatangkan pelbagai masalah seperti mana yang digariskan dalam Laporan Perunding yang dibentangkan.

Selain itu, Teratai juga mengucapkan tahniah atas usaha Kerajaan Negeri yang menitikberatkan kepentingan pendidikan yang mana termasuklah menambahkan bajet untuk UNISEL. Teratai ingin merakamkan penghargaan terhadap Pejabat Tanah Hulu Langat serta Majlis Perbandaran Ampang Jaya yang berjaya mengembalikan tanah tapak sekolah di Lembah Maju yang dulunya telah disalahgunakan untuk menjual besi buruk kini telah diserap balik untuk dijadikan sebagai tapak persekolahan.

Teratai menyambut baik atas cadangan YB Kuala Kubu Baharu yang merayu Kerajaan Negeri Selangor untuk mengambil perhatian atas perpustakaan Selangor dengan kejayaan PPAAS menuju ke hala tuju *Smart Branding* (dengan izin). Teratai berharap kerajaan Selangor menyokong usaha PPAAS untuk membaiki dan menaik taraf satu-satunya Perpustakaan Komuniti Teratai yang terletak di Kampung Cheras Baru.

Akhir sekali, Teratai merayu agar kerajaan Selangor mempedulikan suara rakyat Teratai demi ke depan rakyat yang berkualiti. Teratai juga dengan ini mengingatkan bahawa bagi kerajaan persekutuan yang telah mengenakan GST pada keesokan harinya merupakan ulang satu tahun yang mana lebih daripada RM20billion yang telah dikutip yang mana penduduk Selangor tidak tahu di manakah RM29billion itu. Sama ada Kerajaan Selangor dapat atau tidak. Maka dengan ini, Teratai menyokong. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, saya persilakan pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan di atas perkara yang telah dibangkitkan. Silakan.

**YB TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Speaker dan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang telah membangkitkan beberapa perkara khususnya untuk program-program dan isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan generasi muda, sukan, kebudayaan dan keusahawanan. Daripada semakan dan maklumat yang kita perolehi, hanya satu perkara yang dibangkitkan. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Rawang berkenaan dengan kemudahan dan infrastruktur sukan khususnya untuk menangani dan juga memenuhi keperluan-keperluan masyarakat setempat yang semakin berkembang. Untuk itu saya ingin kemukakan rekod. Semenjak tahun 2012 sehingga 2016, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM10,427,504.54 untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan sukan. Berikut saya cerakinkan bagi tiap tahun dan jumlah gelanggang yang telah dinaiktaraf oleh pihak Kerajaan Negeri;-

- a) Pada tahun 2012, sebanyak 8 gelanggang telah dinaikataraf dengan peruntukan sejumlah RM230,000.00;
- b) Pada tahun 2013 sebanyak 27 gelanggang telah dinaiktaraf dengan peruntukan RM455,000.00 secara (saya bundarkan dengan angka yang lebih dekat);
- c) Pada tahun 2014, sebanyak 39 gelanggang-gelanggang telah dinaiktaraf dengan peruntukan sejumlah RM752,000.00; dan
- d) Pada tahun 2015, sebanyak 46 gelanggang untuk masyarakat telah dinaiktaraf dengan peruntukan sebanyak RM1.16juta.

Dan angka 46 ini adalah bersamaan dengan angka yang saya jawab dalam soalan Telok Datuk tadi di mana 23 daripada 46 ini adalah gelanggang-gelanggang futsal dengan peruntukan RM570,000.00.

Jadi Yang Berhormat sekalian,

Dalam masa yang sama pada tahun 2015, Kerajaan Negeri juga telah menaik taraf lebih kurang 15 projek lain dengan peruntukan sejumlah RM7.872juta. Projek-projek itu termasuklah menaik taraf Stadium Hoki Pandamaran Klang dan menaik taraf Stadium Hoki MBPJ yang pada ketika ini sedang menunggu sijil daripada Persekutuan Hoki Antarabangsa untuk digunakan bagi peringkat antarabangsa dan digunakan tarafnya ataupun diiktiraf tarafnya sesuai untuk pertandingan di peringkat *international* dan peringkat antarabangsa.

Selain daripada itu juga, ada beberapa projek-projek lain yang digunakan dalam 15 yang saya sebutkan iaitu tambahan daripada 46 dengan itu sejumlah 61 telah dilaksanakan dengan projek-projek seperti naik taraf laman sukan Taman Kanching Jaya Rawang, membaik pulih Pusat Latihan Tinju, menaik taraf Pusat Perahu Layar,

gerak kerja-kerja menaik taraf dan membaik pulih lampu limpah di Stadium Baru Salak Tinggi, menaik taraf dan membaik pulih kemudahan Skate Park di Kawasan AU5 Lembah Keramat, membaik pulih Pusat Latihan Angkat Berat Selangor di Batu 18 Kampung Jawa Hulu Langat dan kerja-kerja menaik taraf Skate Park di Taman Permainan Kampung Sungai Kantan Kajang dan juga tidak ketinggalan kerja-kerja menaik taraf trek lumba BMX di Taman Ekstrem Gua Damai Wira Damai Selayang Batu Caves. Selain itu, ada lagi beberapa projek seperti naik taraf litar lumba rakyat di Kuala Selangor dan juga menaik taraf sendiri padang bola sepak di Stadium Kuala Selangor untuk Majlis Daerah Kuala Selangor.

Justeru, dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini memang penumpuan yang kita berikan adalah untuk menaik taraf kemudahan-kemudahan yang sedia ada yang telah dibina pada masa lampau dan juga yang telah dibina pada masa kini. Ini termasuklah sebenarnya Kerajaan Negeri juga telah membina 23 gelanggang-gelanggang ataupun yang dipanggil sebagai dataran anak muda dan saya kira tahun ini dan tahun hadapan kita akan menumpukan untuk naik taraf kemudahan-kemudahan ini di samping *insya-Allah* tahun depan sebagaimana yang saya sebutkan kita sedang mengumpul cadangan-cadangan baru untuk pembinaan baru. Jadi, memang tempoh 2-3 tahun kebelakangan ini tidak ada pembinaan baru. Kali terakhir pembinaan baru dibuat ialah pada tahun 2012 iaitu pembinaan Dataran Anak Muda. Itu pun daripada Geran Selangorku yang diselenggarakan oleh MBI ataupun Menteri Besar Incorporated.

Ahli-ahli Dewan yang budiman,

Saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Kota Seni yang dibangkitkan oleh Kota Anggerik yang mengaitkan tentang landskap yang mengaitkan tentang seni reka dan salah satu daripada cadangan beliau ialah untuk menghantar pegawai-pegawai kita ke luar negara bagi meningkatkan kefahaman dan menyepadankan dengan idea-idea kontemporari bagi meningkatkan Kota Seni.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Saya sebenarnya lebih bercenderung untuk menggalakkan kota seni ini untuk memilih *sister city* ataupun memilih padanan kota mereka supaya kita boleh belajar dengan lebih dalam daripada kita menganjurkan lawatan-lawatan pada kadar 1 hingga 1 minggu lawatan tersebut. Satu hari hingga 7 hari. Kerana melalui padanan kota seperti *sister city* ini, kita dapat memahami falsafah perjalanan dan juga secara terperinci apa yang dilaksanakan. Justeru, saya juga memuji langkah yang telah dibuat oleh Majlis Bandar raya Petaling Jaya yang telah menjadikan Ahsan sebagai kota *city* mereka atau *sister city* mereka dan bila kita mengisytiharkan Petaling Jaya sebagai kota seni bagi Petaling Jaya mereka telah memadankan dengan Bandung baru-baru ini termasuk dengan gabenornya iaitu Saudara Riduan Kamil yang merupakan salah seorang arkitek yang terkemuka dan berjaya mengubah rupa

bentuk Bandung daripada kota yang agak kotor kepada kota yang gembira dan kota yang mampu untuk memberikan impak-impak seni. Jadi, Shah Alam juga sedang meneliti mana-mana kota yang berhampiran kemungkinan Jogjakarta dalam lawatan yang akan hampir ataupun beberapa kota lain di Korea dan sebagainya untuk memahami dan mendalami konsep kota seni ini supaya boleh dipraktikkan. Itu saja yang saya kira berkaitan dengan portfolio saya. Terima kasih, Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih. Silakan Sungai Pinang.

**YB DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Timbalan Speaker. Tuan Speaker dan Ahli Berhormat sekalian. Saya ucapkan terima kasih Yang Berhormat Sabak, Kajang, Kinrara, Kuala Kubu Baru dan Teratai yang telah pun membicarakan isu pengangkutan awam di Selangor semasa perbahasan. Bagi tahun 2016 Kerajaan Negeri telah menyediakan sejumlah peruntukan RM4.747 juta untuk meluaskan perkhidmatan bas Smart Selangor di kawasan pentadbiran 6 PBT khususnya keperluan di kawasan-kawasan luar bandar iaitu Selayang, Sabak Bernam, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Sepang dan Kuala Langat. Keluasan perkhidmatan ini akan melibatkan 14 buah bas dengan pecahan bilangan bas serta kos yang terlibat mengikut PBT seperti berikut:-

Majlis Perbandaran Selayang 4 buah bas, jumlahnya RM1.266 juta, di Majlis Perbandaran Sepang 2 buah bas belanjanya RM633,000.00, RM633,000.00 di Majlis Daerah Kuala Langat 2 buah bas juga RM633,000.00. Di Majlis Daerah Kuala Selangor 2 buah bas jumlahnya RM633,000.00 dan di Majlis Sabak Bernam 2 buah bas RM633,000.00 juga.

Seperti yang telah dimaklumkan sebelum ini cadangan pelaksanaan perolehan bagi menyediakan perkhidmatan bas ini adalah diadakan secara tender terbuka cadangan pada awalnya. Walau bagaimanapun terdapat isu berkaitan pematuhan kod bidang seperti yang diwajibkan oleh Kementerian Kewangan dan menyebabkan proses perlu dilaksanakan secara *request proposal*. Sekurang-kurangnya daripada 3 syarikat. Pada masa ini keenam-enam PBT yang terlibat mengadakan taklimat kepada syarikat-syarikat yang berminat dan akan melaksanakan proses penilaian teknikal dan kewangan sebelum pengoperasian perkhidmatan bas yang dijangkakan pada Mei 2006 seawal-awanya dan selewat-lewat Julai 2016.

Tuan Speaker bagi tahun 2016 juga. Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor hanya diperuntukkan sebanyak RM10 juta untuk supaya dapat memperluaskan perkhidmatan bas Selangorku di kawasan luar bandar selain perkhidmatan di kawasan yang sedia ada. Dengan jumlah tersebut, pecahan peruntukan bagi penambahan laluan bas Selangor bas *Smart* Selangor yang dianggarkan adalah seperti berikut :- A. 6 Laluan baru bas *Smart* Selangor di 6 PBT 5 juta. B. 4 laluan tambahan di MBSA dan MPSJ, 2 laluan akan ditanggung oleh Kerajaan Negeri, mana 2 laluan lagi dibiayai oleh PBT masing-masing dan



jumlahnya 2.5 juta. Lanjutan dan Cnya lanjutan, lanjutan bas Selangorku lanjutan. Ia bagi MBSA MBSA MPSJ dan pindaan laluan MPK dengan tambahan 1 bas jumlahnya RM2.5 juta. Perkhidmatan bas *Smart* Selangorku diberikan secara percuma adalah kerana ia bukan bertujuan untuk persaingan mahupun mendapatkan keuntungan. Walaupun disediakan secara percuma, masih terdapat aduan dan kebimbangan terhadap perkhidmatan bas ini akan menjejaskan perkhidmatan bas dan teksi yang sedia ada. Oleh itu cadangan bagi menyediakan bas perkhidmatan bas berbayar memerlukan satu kajian yang lebih teliti. Bagi mengelakkan lebih banyak isu berbangkit pada masa hadapan.

Untuk maklumat Yang Berhormat Kinrara, bagi pelaksanaan bas *Smart* Selangor MPSJ pada tahun 201 pada tahun 2016 ia akan melibatkan tambahan 2 laluan walaupun Kinrara mintak satu, kita bagi dua tak ada Kerajaan Negeri dalam dunia ini akan bagi ini. Laluan pertama ia daripada Hentian IOI Mall Puchong ke hentian Sunway Medical Centre, hentian BRT Center Tiga, Hentian Sunway Pyramid Mall, hentian kompleks 3C, hentian berhadapan Kolej INTI, Hentian berhadapan Subang Mall, Hentian Subang Parade Mall, hentian Aeon Big SS19 Subang Jaya, Hentian Sime Darby Medical Center, Hentian berhadapan Stesen Minyak BHP, Hentian berhadapan Kompleks 3C, Hentian bas Sunway Pyramid Mall, hentian berhadapan Sky Park Residence dan hentian Tesco Pusat Bandar Puchong. Laluan sepanjang 19km dengan keperluan 5 buah bas, lebih baik daripada cadangan oleh Yang Berhormat Kinrara.

**YB TUAN SZE HAN:** Terima kasih.

**YB DATO' TENG CHANG KHIM:** Laluan kedua, jangan ucapkan terima kasih dulu ada lagi. Laluan kedua dari IOI Mall, The Hospital Colombia Asia, Giant Bandar Puteri, IOI Mall laluan adalah sepanjang 25.4km dengan keperluan 6 buah bas. Walau bagaimanapun, laluan muktamad bagi laluan 2 ini adalah tertakluk cadangan pindaan oleh SPAD. Jadi yang dapat terbanyak daripada di kawasan Kinrara tapi itu satu laluan kosnya ditanggung oleh Kerajaan Negeri dan satunya oleh pihak MPSJ.

Dan Tuan Speaker, Kerajaan Negeri mengambil maklum akan permohonan juga akan dikemukakan oleh pihak Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor (PPAS) di mana permohonan kita buat pada pelbagai pihak bagi mendapat perkhidmatan *Smart* Selangor disediakan di laluan yang menuju ke Perpustakaan Raja Tun Uda di Seksyen 13 Shah Alam. Untuk makluman Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor, telah mengusulkan kepada Majlis Bandar raya Shah Alam untuk meneliti dan mempertimbangkan cadangan tersebut. Sebagai cadangan tambahan laluan bas *Smart* Selangor MBSA yang akan dilaksanakan pada 2016. Walau bagaimanapun pemilihan laluan adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan iaitu mengutamakan laluan di kawasan tumpuan pembangunan, perumahan padat, tiada perkhidmatan bas, tiada perkhidmatan bas awam disediakan dan menuju ke lokasi tumpuan kemudahan awam seperti sekolah, pusat kesihatan,

pejabat Kerajaan, kompleks komersial dan kompleks perniagaan. Pihak MBSA pernah menyediakan perkhidmatan bas secara percuma ke Perpustakaan Ratu bermula pada bulan April 2014 hingga Mac 2015. Satu tahun. Perkhidmatan percuma MBSA ini disediakan menggunakan bas *coaster* MBSA pada hari Sabtu dan Ahad dengan jadual perjalanan sebanyak 2 kali sehari iaitu pada pukul 10.00 pagi dan 2.00 petang bermula dari Kompleks Perniagaan Ole-Ole Seksyen 18, Pusat Bandar Shah Alam Seksyen 14 dan seterusnya ke Perpustakaan Ratu Seksyen 13 Shah Alam. Walau bagaimanapun perkhidmatan ini tidak dapat diteruskan kerana kurang mendapat sambutan daripada orang awam dan jumlah penumpang yang menggunakan perkhidmatan bas percuma ini hanya berjumlah 270 orang penumpang sahaja sepanjang tempoh beroperasi 1 tahun. Rekod penumpang yang menggunakan perkhidmatan bas *coaster* MBSA adalah seperti berikut, daripada Kompleks Ole-Ole ke Perpustakaan dan balik. Pada April pergi 12 orang balik 32. Mei yang pergi 40 balik 21, Jun pergi 13 balik 16, Julai pergi 17 balik 7, Ogos pergi 6 balik 9, September yang pergi 15 balik 30, Oktober yang pergi 5 yang balik 14, November yang pergi 10 yang balik 5, Disember yang pergi 5 yang balik 6, Januari yang pergi tak de yang balik pun tak ada, Februari pergi tak ada balik 1 orang, Mac 2015 pergi tak de balik 6 orang. Jadi berdasarkan statistik ini sekiranya perkhidmatan bas Smart Selangor disediakan di laluan perkhidmatan ke Perpustakaan RATU ini, perkhidmatan bas tersebut dijangka tidak akan mendapat sambutan serta memberikan implikasi negatif terhadap perkhidmatan bas *Smart* Selangor sekiranya perkhidmatan yang disediakan tidak dapat memenuhi keperluan dan kemudahan kepada orang ramai.

**YB PUAN LEE KEE HIONG:** Penjelasan

**TIMBALAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu mintak.

**YB DATO' TENG CHANG KHIM:** Sila-sila

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sila

**YB PUAN LEE KEE HIONG:** Saya hendak minta penjelasan masa yang tadi masa mengemukakan statistik itu ialah sebelum kita nak membina Kompleks *Parking* Bertingkat itu. Jadi sekarang ialah *parking* Kompleks itu hendak dibina dan menjejaskan tempat *parking* yang sedia ada. Jadi tiada tempat *parking*. Jadi kalau kita war-warkan tentang keadaan kemudahan tersebut, saya bukan kata laluan spesifik ke Perpustakaan tapi bersinggah termasuk di perpustakaan itu saya rasa sambutan akan bertambah baik dan tidak seteruk yang macam itu.

**YB DATO' TENG CHANG KHIM:** Memang mudah dibicarakan tapi sukar dilaksanakan. Bagaimana kita nak sediakan satu laluan yang khusus jika nak pusing ke RATU dan nak balik menjadi masalah daripada *practicality* nya. Ia dan Kerajaan Negeri akan sentiasa walau bagaimanapun akan sentiasa mengambil kira serta akan

mempertimbangkan permohonan cadangan-cadangan yang dilihat dapat memberikan impak positif kepada rakyat pada masa-masa akan datang termasuk di Kajang untuk memperluaskan kawasan laluan akan kita kaji dari masa ke semasa.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**YB TUAN LAU WENG SAN:** Untuk makluman saya mengambil bas Selangorku ke Dewan hari ini saya rasa. Pujian harus diberikan kepada Kerajaan atas inisiatif ini. Ada satu pemerhatian yang harus dikongsi iaitu tentang penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan yang akan minimum iaitu persiapan dari segi ataupun penyediaan stesen bas dan juga papan tanda yang jelas. Buat sementara waktu apa yang saya lihat ialah ada sesetengah perhentian itu yang memang sudah ada stesen tak ada papan tanda tapi ada juga banyak lagi tidak ada papan tanda malahan tidak ada stesen juga. Jadi ada keperluan di situ dan kekurangan di situ iaitu, jadi orang ramai mungkin tidak tahu bahawa yang akan ada bas Selangorku yang akan lalu berhenti di situ. Dan ini saya rasa akan dibina di situ kalau boleh dibina dan saya kira kos nya agak minimum dan ia akan menambah keyakinan orang ramai supaya mereka akan mengubah corak hidup ataupun corak pengangkutan mereka dan balik ke bas Selangorku. Terima kasih.

**YB DATO' TENG CHANG KHIM:** Terima kasih Tuan Speaker. Walaupun dengan kekurangan-kekurangan di situ oleh Yang Berhormat Kampung Tunku oleh dalam kurang dalam daripada setahun kita sudah dapat penumpang sebanyak 1 juta. Jadi saya kira satu pencapaian yang agak membanggakan. Walau bagaimanapun saya ingin memaklumkan Dewan ini sebenarnya di Jawatankuasa Tetap Pengangkutan awam kita juga menurunkan peruntukan sebanyak RM10,000.00 kepada setiap PBT yang telah pun mengadakan perkhidmatan bas Selangorku jadi mendirikan papan tanda dan tidak ada papan tanda yang begitu *detail* di Malaysia ini di mana dicatatkan semua hentian-hentian bas Selangorku ini dan saya nak ucapkan tahniah kepada Majlis Bandar raya Shah Alam di mana dengan inisiatif mereka sendiri mereka telah mendirikan hentian bas yang baru kalau Yang Berhormat sekalian keluar dari pintu di pintu besar bangunan SUK ini dan di satu yang baru dan di satu di dalam Majlis Bandaraya Shah Alam ini sekurang-kurangnya 5 telah dibina. Tapi di tempat-tempat tertentu sebenarnya tidak perlu didirikan hentian bas ini kerana masalahnya penumpang tidak begitu ramai dan sementara itu keperluan ada dan kawasan itu lokasi tidak mengizinkan jadi itu memadai kita memacakkan papan tanda tersebut. Tapi walau bagaimanapun bahawa kita akan mempertingkatkan perkhidmatan ini dan demi memperkasakan usaha memberikan perkhidmatan pengangkutan awam di peringkat PBT ini Kerajaan Negeri mengarahkan supaya ditubuhkan unit pengangkutan awam di peringkat PBT bagi setiap PBT dengan dalam penstrukturan dalam pentadbiran mereka. Iaitu tujuannya adalah untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik menyediakan infra yang lebih baik dan juga untuk membuat perancangan pada masa hadapan ada unit khas di peringkat PBT yang menguruskan perkhidmatan bukan perkhidmatan soal hal ehwal

pengangkutan awam di mana akan diletaknya pegawai daripada perancang, jabatan perancang daripada kejuruteraan dimasukkan dalam unit ini. Bererti kerja-kerja tidak lagi dipisahkan tidak lagi akan *dicentregrade* akan *diintergrade* dalam satu unit ini. Jadi bererti infra juga akan dijaga oleh unit tersebut bukan lagi di bawah kejuruteraan atau jabatan yang lain.

Tuan Speaker saya juga ingin mengucapkan terima kasih terhadap Yang Berhormat Sekinchan, Yang Berhormat Batang Kali dan Kampung Tunku yang telah membicarakan dengan mendalam dalam soal Pelaburan, Perdagangan, dalam Perindustrian dan IKS. Pada umumnya Tuan Speaker kita harus melihat dahulu perangkanya untuk kita memberi satu gambaran yang lebih jelas tentang pembangunan dan kemajuan dari segi pelaburan, perdagangan dan perindustrian di negeri Selangor ini. Mengikut perangkaan daripada Jabatan Perangkaan Malaysia bagi tahun 2014. GDP Selangor, KDNK Selangor daripada sektor perkhidmatan adalah sebanyak 59.9 peratus. Daripada sektor perkilangan yang kita bangga-banggakan selama ini sebenarnya kalau berbanding dari sektor perkhidmatan ia hanya menyumbang sebanyak 29.9 peratus, bererti di Selangor struktur KDNK nya sumbangan terbanyak datang daripada perkhidmatan. Sementara itu bagi sumbangan Selangor kepada KDNK Kebangsaan kita telah pun berjaya menyumbang sebanyak 22.4 peratus yang paling tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Yang kedua tempat kedua diduduki Kuala Lumpur dengan hanya menyumbangkan 15.1 peratus jauh perbezaan.

Tempat ketiga diduduki oleh Sarawak sumbangannya 10.1%. Lebih jauh lagi. Negeri-negeri yang lain kurang daripada 10%. Jadi kita bila melihat angka-angka ini, kita tahu di mana kekuatan kita. Oleh itu, kita melihat kembali mengkaji, menyemak kembali kepada strategi dan tindakan-tindakan yang kita ambil. Kita selama ini sebenarnya menumpukan semua perhatian dan usaha kita kepada promosi untuk perkilangan dan tidak memberikan penekanan yang sewajarnya kepada sektor perkhidmatan. Oleh itu, di pihak Jawatankuasa Tetap saya dan juga di pihak Invest Selangor kita telah pun merangka semula. Kita tidak melalaikan atau mengabaikan sektor perkilangan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Kampung Tunku. Kita tidak langsung tapi kita menambahkan usaha kita. Kita tak kurangkan peruntukan kita untuk promosi perkilangan tapi kita menambahkan peruntukan untuk sektor perkhidmatan. Itu cara kita melakukannya. Jadi bagaimana? Dulu kita dapat kalau untuk promosi sektor perkilangan kita hanya dapat RM1.6 juta dengan operasi RM5.6 juta. Tapi sekarang kita dapat lebih. Kita dapat lebih, kita dapat 10 juta lebih kita memperkembangkan sektor perkhidmatan kita jadi kita tidak kurangkan tapi kita tambahkan peruntukan kita. Jadi kita langsung tidak melalaikan.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan.

**TIMBALAN SPEAKER:** Sila Hulu Klang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Kalau ada makluman, dari sektor perkhidmatan apakah pecahan sektor perkhidmatan yang terbesar? Apakah aktiviti perkhidmatan yang terbesar?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Dia berubah-ubah. Dia berubah-ubah daripada sektor pendidikan, sektor perkhidmatan, perubatan, perumahan dan sebagainya. Tapi kita melihat, kita tahu di manakah potensi kita. Kita lihat potensi kita di mana. Oleh itu, kita telah pun menetapkan satu Visi. Mewujudkan satu Visi untuk menjadikan Selangor ini Global Trading Hub kerana di sinilah yang kita abaikan. Kita telah pun mengabaikan perkhidmatan kita. Kita mengabaikan bahawa kita mempunyai Pelabuhan Kontena yang kedua besar di Asia Tenggara selepas Singapura. Kita pun telah mengabaikan kita mempunyai pelabuhan kontena kedua belas besar di dunia. Ini kita tidak menggunakan potensi dengan sepenuhnya dan kita tidak menggunakan potensi kita kerana lokasi kita yang strategik kita tidak melihat kepada kepelbagaian budaya dan bahasa yang merupakan kekuatan kita.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Saya minta pencerahan sikit.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Pelabuhan dan prasarana itu adalah di bawah pentadbiran Kerajaan Pusat.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Bagaimanakah Kerajaan Negeri dapat memanfaatkan dalam konteks macam ini.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya. Itu kita promosikan kepada orang luar. Di sinilah lokasinya, di sinilah di Selangor inilah negerinya terletak Pelabuhan kedua besar di Asia Tenggara selepas Singapura tetapi berbanding dengan Singapura lebih murah lagi operasi kita berbanding dengan Singapura. Inilah kekuatan kita. Ini perlu kita promosikan. Kita perlu promosikan di sinilah terdapat dua lapangan terbang antarabangsa di Selangor inilah. Saya melalui pengalaman saya di luar negara bila saya tanyakan pelabur di situ pernah tak datang ke Malaysia? Pernah. Pernah pergi Kuala Lumpur? Pernah. Bila sampai memang Kuala Lumpur International Airport. Pernah pergi Pulau Pinang? Oh! Pernah, cantik tempatnya. Pernah pergi Melaka? Woi! Tempat bersejarah. Pernah datang ke Selangor? Tak pasti. Minggu lepas saya berada di Bangkok, ada seorang pelabur muda dia tanya saya, adakah Selangor ini berada dalam Kuala Lumpur? Itu jiran kita, kawan jiran kita sebab itu kita nak tukarkan strategi kita sebab kita sebelum ini tidak menyedari kekuatan kita dan ini lah yang kita promosikan. Gunakan Selangor ini sebagai platform dan kita dah mula sebut Selangor ini kita jadikannya, kita panggil Selangor ini berikan satu gelaran A, B, C – Asian Business Capital Selangor supaya dia tahu inilah tempatnya

kalau di seluruh Asia ni di Asia Tenggara ni selain daripada Singapura, Malaysia, Pelabuhan Klang. Di negara-negara Asean yang lain tidak ada satu negara yang ada pelabuhan yang besar yang boleh masuk, yang boleh bertanding dengan Malaysia.

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** Boleh tukar Pelabuhan Klang tu jadi Selangor Port?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Itu Klang. Klang masih nama Selangor saya boleh terima. Cuma saya nak tukarkan...

**Y.B. PUAN HANIZA BT. MOHAMED TALHA:** KLIA.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** *Kuala Lumpur International Airport* kepada *Selangor International Airport*. (Tepuk meja). Jadi dengan itu, kita usulkan dan kita luluskan. (Ketawa).

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Nak minta penjelasan sikit. Saya amat bersetuju dengan YB. EXCO tentang Pelabuhan Klang dan potensi Pelabuhan Klang tapi saya ada pergi Pelabuhan Klang dan nampak infrastruktur di sana masih perlu diperbaiki. Apakah yang kita boleh buat sedangkan semua jalan adalah jalan Persekutuan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Itu memang jalan Persekutuan. Itu di luar kuasa kita, di luar keupayaan kita. Oleh itu kita merayu kepada rakan-rakan kita sebelah sana tolong lah sampaikan kepada Kerajaan Persekutuan. Itu lah tempat, itulah nadi hidup kita. Itu nadi hidup, kalau Selangor hidup, Malaysia hidup. Kalau Selangor tak boleh hidup, Malaysia habis. 22.4% datangnya dari Selangor. (Tepuk meja).

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Tuan Timbalan Speaker, minta penjelasan ya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Burong minta. Sila.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya memang sangat setuju dengan saranan Sungai Pinang ni ya. Sebenarnya Kerajaan Persekutuan banyak nak membantu dalam Rancangan Malaysia Ke11 Cadangan 6 jajaran *highway* nak dibuat Selangor tapi malangnya Kerajaan Selangor ni yang menghalang. Contohnya, KIDEX ya. Nak buat KIDEX dihalang, tak dibenarkan. Ini yang jadi masalah. Jadi saya merayulah agar, sekarang kita nak merayulah pada Selangor berilah kerjasama yang baik ya daripada Kerajaan Pusat apabila buat pelaksanaan macam nak buat bomba bagilah bantu, *fasilite* sebab ini adalah merupakan kemudahan yang telah banyak diberikan. Yang tidak digunakan seharusnya kita manfaatkan sebab Selangor, negeri Selangor yang maju hah inilah peluangnya untuk

mara ke hadapan bukan kita nak kembali ke belakang dengan kita menimbalkan apa tidak ada kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Memang Kerajaan Persekutuan ada beri banyak tapi tak cukup banyak dan kita dah beri segala kerjasama yang boleh

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pinang, Seri Andalas minta mencelah.

**Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Ini, ini, ini, ini penting, saya seronok dengan kata kawan-kawan kita di sebelah sana tapi saya nak minta EXCO baru-baru ini ya Pengarah JKR ni dia *24 hours* dia kena ditukar. Pasai apa dia kena tukar? Sebab dia naik kereta dengan MB. Adakah kita yakin bahawa Barisan Nasional akan buat bersama dengan kita hah?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Begitu cepat ditukar? Saya pun belum tahu lagi. Tapi kerjasama memang diberikan sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri Selangor. Di bawah *STANDCO* Pengangkutan apabila ada permohonan daripada Pihak Persekutuan memang saya percepatkan. BRT kita pastikan luluskan tapi bertahun-tahun masih kita tunggu lagi. LRT kita luluskan dan bila ada masalah-masalah jajaran, di kawasan saya sendiri pun saya turun. Saya turun yakinkan pengundi pada saya ini perlu kita beri laluan. Itu saya tanggung risiko tau.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ini saya harap ya, terima kasih. Saya ingat Sungai Pinang ini bukan sahaja EXCO yang dipegang oleh Sungai Pinang kita harap Kerajaan Negeri Selangor ini bersungguh-sungguh dan beria-ia untuk bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan. Semalam teman kita pun ada beri contoh pembinaan apa ni, balai bomba jadi kalau bayar premium pun lebih tinggi daripada harga kos bomba itu macam mana kita nak ni mempercepatkan jadi kadang-kadang bajet ni yang telah ditetapkan, yang diluluskan oleh Kerajaan dalam RMK11 ni setakat itu, tapi bila dah dikenakan tambahan premium tanah dan sebagainya maka ini akan melambatkan pelaksanaan projek berkenaan. Jadi kalau sekiranya ada kerjasama daripada Kerajaan Negeri Selangor dilonggarkan premium macam masa Kerajaan Barisan dahulu projek-projek awam ni akan dibantu termasuklah memberikan apa jua keperluan-keperluan yang boleh. Saya harap sokongan ini, saya dah setuju dengan Sungai Pinang ni EXCO nya yang buat kerja laju tapi saya nak Kerajaan Negeri Selangor itu sendiri yang bersikap orang kata negatif.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Yang Berhormat Sungai Burong, saya mewakili Kerajaan Negeri Selangor, saya bukan wakil Federal. Jadi bila saya laju ni bererti Kerajaan Negeri Selangor laju jadi tak payah bezakan saya dengan Kerajaan Negeri Selangor. Sama. Kalau tanpa sokongan Dato' Menteri Besar tanpa arahan Dato' Menteri Besar tak kan saya boleh laju gini. Hah! Jangan pisahkan.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Saya, kita pisahkan sebab...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Cukup lah, cukup lah.

**TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Burong kejap-kejap. Sungai Pinang, Seri Andalas minta. Sila Seri Andalas.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Hah..

**Y.B. TUAN DR XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya nak minta EXCO ni, dia kata tanah premium dan sebagainya untuk laporan kan. Adakah kita yang bagi tanah kepada Kerajaan Pusat dengan premium minima dia. Dia jual untuk tanah harga yang semasa dia? Berapa keping tanah yang dia buat sedemikian.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Itu dulu banyak berlakulah tapi sekarang kita dah ada sekatan ya. Jadi saya setuju mungkin ada satu dua kes itu yang ada masalah tapi kita kena lihat keseluruhannya. Lihat secara totalnya. Secara holistiknya. Hah kita, secara umumnya kita tengok. Selangor banyak beri bantuan kalau tidak ada di mana datangnya ada lebuhraya yang begitu banyaknya di negeri Selangor sebab Selangor yang bagi tanah. Baru-baru ini ada permohonan nak buat tambahan lagi, nak buat apa tu, nak buat lebuhraya daripada Senawang sambung ke KLIA ambil tanah kita. Tak bagi *exit* tapi kita kata minta dia kata ok bagi satu *exit*, ok baru kita bagi. Mestilah, tak kan kita bagi tanah semua tak dapat. Tak boleh. Kita bagi tanah buat lapangan terbang dinamakan sebagai KLIA. Nama kan lah *Selangor International Airport*. Banyak, jadi saya minta, saya merayu. Jalan-jalan lama daripada apa tu, *highway* mana tu yang pergi ke Pulau Indah tolonglah saya bawa kereta sendiri tak boleh tahan tayar saya...

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ni, boleh minta penjelasan. Boleh minta penjelasan.

**TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Terima kasih, Tuan Timbalan Speaker dan juga Sungai Pinang. Ok. Sedar ke Sungai Pinang sewaktu KLIA itu dibina ya walaupun dia terletak di Sepang negeri Selangor tapi kerana untuk mempromosi Malaysia di negara luar oleh kerana nama KL ini dah satu dunia jadi digunakan perkataan KL. Jadi saya ingin, bersetuju tak apa ni Sungai Pinang kiranya tuan EXCO Yang Berhormat EXCO sekiranya merujuk Selangor dah terkenal nak buat promosilah Selangor bila dah kenal esok masa itulah kena tukar. Pelabuhan Klang pun boleh tukar jadi Pelabuhan Selangor. Apa lagi projek-projek mega di Selangor ini jadikan nama imej Selangor. Hah jadi masa itu. Tapi tujuan itu dahulu nak promosi sebab orang pun tak tahu Sepang...



**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Yalah. Cukup lah, cukup lah.

**TIMBALAN SPEAKER:** Cukup, cukuplah. Sungai Burung dah faham dah.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Janganlah nak dianu sangat...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Bagi peluang saya cakap. Bagi peluang tak nak cakap.

**TIMBALAN SPEAKER:** Sila Sungai Pinang.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Minta celah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Nanti dulu lah. Minta celah. Tunggulah. Belum lagi ni bagi saya bantai dia dulu lah. Saya cakap sebut aje. Nama Klang tu, nama dalam Selangor kita pakai dah beratus tahun. Pelabuhan Klang beratus tahun tak kan kita tukar. Nama Sepang beratus tahun tukar pulak KLIA, Kuala Lumpur tak boleh bukan cara itu. Lembu punya susu sapi punya nama, hah itu dia. Tempat kita, cukai masih bawah kita. Patut guna kita. Kuala Lumpur sudah dikenali dunia tak payah promosi lagi. Yang kita *promote* kan orang tak tahu kita *promote*. Yang tahu buat apa *promote*. Cukup duduk-duduk lah. Orang belum habis ni jawab.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Yalah fasal KLIA tu yang besar tu Wilayah Persekutuan. Bagi nama pada Persekutuan pun tak boleh ke?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Duduklah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Duduklah. Bagi Sungai Pinang habiskan. Cukup-cukuplah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Itu tanah kita. Kita lihat

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Selangor bagi tanah aje tapi Kerajaan Persekutuan bagi banyak peruntukan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Duduklah, duduk. Nak penjelasan saya bagi penjelasan belum habis penjelasan nak tanya, tunggu sabar dulu dah cukup umur kena sabar.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Perkara yang sama orang lain semua dah faham.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Sabar-sabar. Kita minta kawan kita sabar

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pinang teruskan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Kita dah berumur ni kena *slow* sikit (ketawa). Kuala Lumpur ia benar kita sekarang ni saya ambil contoh kita pergi Melbourne. *Melbourne International Airport*, Tulamarine. Di Tulamarine tu tempat, kekal. Dia kekal. Seluruh dunia pergi Beijing, *Beijing International Airport, Beijing* sebab ianya dalam Beijing. Dia tak ada ambil pada lain, petik Kuala Lumpur jauh 60 kilometer letak dalam Selangor. Hah!, kita minta kalau nak letak, letakkan jangan bimbang, nak tukar apa yang susah? KLIA, Selangor. Hah! Baru betul. Memberi pengakuan ya, iktiraf. Ini tanah jajahan Sultan kita Selangor ini tak taat ni.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Sungai Pinang, Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ya, ya.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Kalau nak buat promosi dalam pelancongan negeri Selangor. Bersetuju tak saya kata Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Masalahnya

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Apa ni EXCO, Yang Berhormat EXCO Sungai Pinang, tak ada masalahnya kalau nak buat *KLIA International Airport* Sepang Selangor boleh buat bubuh saja dalam promosi pelancongan Negeri Selangor

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ok lah duduk-duduk. Ok cukup-cukup.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Ini tak ada masalah.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Cukup. Tak ada masalah. Ada masalah Pusat tak buat. Bukan kita yang kontrol dia yang kontrol. Dia tak buat...

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Promosi pelancongan, jadi EXCO Pelancongan buatlah...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Apa pula pelancongan. Duduklah dulu. Duduklah.

**Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN LIAS:** Nak naikkan Selangor ini nak harapkan orang lain aje.

**TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pinang minta duduk. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Curi nama lagi, pencuri pula yang kuat suara, saya tak faham. Curi nama kita ni, ini nama kita Tourism Visit Selangor tapi....

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Cukai PBT pun bagi ni dekat PBT Majlis Perbandaran Sepang. Apa yang masalahnya. Federal belanja banyak berbilion-bilion Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Duduk dulu. Saya tak suruh, tak bagi laluan. Duduk dulu, duduk dulu. Ialah, jangan lupa cukai, cukai pendapatan daripada kita. Persekutuan mana dapat cukai pendapatan? Orang Selangor yang bagi. Nama di mana KDNK Selangor yang bagi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Majlis Perbandaran Sepang dapat banyak ni cukai.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** PBT daripada KLIA Airport

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** KLIA Airport. Itu yang menyumbang terbesar. Terima kasih.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ialah, bila duduk tanah orang bayarlah cukai. Bila duduk rumah orang, bayar sewa.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tak cukup lagi ke? Tak cukuplah tu.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tak cukup. Nama jangan curi. Rumah kita sewa orang bayar, masih namanya nama kita. Berdaftar pun nama kita.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pinang, Batu Tiga minta...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ok.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya, saya nak minta laluan Sungai Pinang sebab *confuse* sikit dengan Sungai Burong ni kan? Sungai Burong dan rakan-rakan di sana tu adalah Wakil Rakyat Selangor. Kalau ikut bin nya, kita bin Selangor. Tapi sekarang ni, patutnya kita bin Selangor jadi bin Kuala Lumpur. Jadi macam mana status Barisan Nasional di sana tu? Tidakkah sayang kepada Selangor?

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mencelah.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS:** Kita tak ada masalah, 1 Malaysia.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Kita nak menamakan Selangor sahaja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Minta laluan, minta laluan. Sekarang ni adalah *floor*

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mencelah, cuma nak bagi info..

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya panjang lagi ni..

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tak, sikit...

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Saya, ini....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya tak benarkan Batang Kali. Saya tak benarkan.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** *Your point is taken, ok. Your point is taken.*

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Cuma nak bagi *info* sahaja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Pinang sambung terus.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Eh nanti.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tidak untuk *argue*, tidak untuk *argue* info saja

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Masa input sudah lalu.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Tidak kerana ada

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ini masa saya sendiri.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kerana saya tengok ada kekeliruan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali, Batang Kali duduk, duduk.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tak bagi, tak bagi. Tak ada input lagi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Tak bagi, tak bagi. Ok, minta Sungai Pinang sambung.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Ok, saya baru cerita ni. Baru bermula mukadimah ni. Ok, sebab tu saya kata ini potensi kita, kita nak *promote* kan, nak *promote* kan Selangor ni, maka kita lihat inilah dia. Di sektor perkhidmatan dari segi perdagangan, *trading* kita tidak memberi penumpuan yang sewajarnya. Maka sekarang kita memberi penumpuan sejauhnyanya. Apa yang kita buat, ada 2 perkara yang kita sedang lakukan. Satunya, kita melihat dalam perdagangan antarabangsa akan datang adalah *e-commerce*, e-dagang. Kita lihat potensi di situ. Maka di tubuhnya *Selangor Information Technology e-Commerce Council*. SITEC. SITEC apa yang kita buat, hanya 9 bulan kita tubuhkan SITEC ini kita dah berjaya melatih 100 orang IKS untuk berniaga *online*. 100 yang kita taja, kita bagikan latihan percuma. Kita sediakan *website*, kita sediakan *apps* untuk bantu mereka berniaga di *online*, *online* niaga. 100 dah kita latih. Dah sekarang ada dah. Dulu tak de usaha ni sekarang kita buat. Dan kita sediakan SDCC Selangor Digital Creative Centre. Kita ada buat ruang untuk *start up*, untuk *makers*, *maker space*. Ada *co-working space* dengan izin supaya yang orang muda ini ada tempat dilatih, tempat untuk mereka bermula berniaga di *online*. Dan juga kepada arah inovasi. Itu yang kita buat. Itu satu sektor perkhidmatan yang kita tidak boleh abaikan.

Kemudiannya, untuk menjadikan global *trading hub*. Orang nak menarik orang datang sini macam mana? Jadi kita mulakan dengan Selangor Internasional EXCO yang kita mulakan pada tahun lepas. Dan saya telah pun mengedarkan semua letaknya di peti di luar peti surat. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mintalah sokongan untuk juga promosikan Selangor Internasional EXCO pada tahun ini 2016. Kali kedua kita lakukan. Kita dah bagi di luar. Itu yang kita cubakan dengan harapan dia menjadi tempat, menjadi satu platform, platform untuk produk-produk daripada Negara-negara ASEAN ini dapat dipasarkan melalui platform ini. Dan menjadikan platform ini juga platform perniagaan untuk produk-produk daripada luar ASEAN di sini. Ini platform disediakan. Selangor Internasional EXPO.

Dan kemudiannya kita mengharapkan pada satu hari nanti kita dapat membina satu pusat yang baru. Pusat Dagangan Dunia Selangor. Selangor Internasional, *Selangor World Trade Centre*. Itu wawasan kita. Jadi kita pun kena *promote* kan Selangor. Sebab itu saya cadangkan kena tukar nama-nama sejajar dengan, dengan wawasan ini. Ini dari segi sektor perkhidmatan yang kita cuba ya, promosikan. Kemudian untuk perkilangan, industri. Kita telah pun melantik Monash Universiti untuk membantu menyediakan satu pelan induk industri Selangor yang saya kira dalam peringkat terakhir dan walaupun belum disiapkan lagi, belum ada pelan induk yang, yang sempurna yang diterima tetapi kita sudah berunding dan telah pun menerima nasihat dan juga pandangan dan telah pun menetapkan 5 klaster, 5 bidang industri yang akan kita tumpukan iaitu bidang elektronik, elektrik, bidang *transport equipment*, bidang *machinery* dan *equipment*, bidang *life sciences*

atau sains hayat dan bidang *food and beverages*, makanan dan minuman. Itulah yang akan kita tumpukan. Dan dalam 5 klaster ini, kita memberi penumpuan yang khusus pula kepada, ada 3 bidang. Satunya kepada biotek, biotek. Biotek ni seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semasa membentangkan bajet 2016 pada tahun lepas bahawa kita akan melancarkan Selangor Biobay. Satu tapak perindustrian untuk bioteknologi yang baru. Dan untuk tujuan itu juga dan juga untuk tujuan pembangunan Bioteknologi Selangor telah pun kita, Kerajaan Negeri, MMKN telah pun menubuhkan Selangor Bio-Council untuk mengumpulkan pakar-pakar dalam bidang ini. Daripada bidang akademik, dari bidang apa ni, *research R&D*, dalam bidang *mind* industri sendiri akan kita tumpukan dalam Bio-Council ini menasihati Kerajaan Negeri bagaimana kita membangunkan Bioteknologi di Selangor ini. Dan projek yang khusus, projek yang spesifik adalah Selangor Biobay. Yang telah diumumkan akan kita lancarkan secepat mungkin dan tempatnya di Pulau Indah, Selangor ini.

Dan selain daripada tu, kita menumpukan juga kepada *Aerospace*. *Aerospace* begitu penting. Kalau masa sekarang ni mengikut keadaan sedunia, ada 3 lokasi yang terpenting untuk industri *aerospace* iaitu Mexico, 3M, Mexico, Morocco, Malaysia. Dan di Malaysia, 62% tertumpu di Selangor. 3 S pula di Selangor. Sepang, Subang, Serendah. Di Serendah inilah akan masuknya UMW yang telah pun mendapat kontrak daripada *Roll Royce* untuk membuat *fan case*. Jadi saya tak pasti ya, sama ada perangkaan yang diberikan oleh Yang Berhormat Kampung Tunku yang menyatakan 40% daripada komponen pesawat datang dari Malaysia itu saya pun telah semak dengan *Malaysia Aerospace Industri Association* yang memberitahu saya angka itu tidak tepat. Dan secara logiknya tidak mungkin

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya mohon.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ia, Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya semak dengan sebenarnya ini *info* daripada Ketua Menteri Perdagangan. *40% of the fan wing componence, the componence is from Malaysia. Fan case of course is one of the componence.*

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Jadi Yang Berhormat mestilah berhati-hati ya? Sebab mengikut teks ucapan Yang Berhormat yang diedarkan kepada saya juga ramai tidak tahu bahawa Malaysia menghasilkan 40% daripada komponen industri aerospace sedunia. Sayap sahaja. Kena spesifik. Sayap. Ia, sayap *aero airbus* datang daripada Malaysia. Kalau ditutupnya kilang di Malaysia ini, tak ada *airbus* baru sebab sayapnya datang daripada kita. Dan semalam Yang Berhormat Kampung Tunku kata jangan kita buat *fan case* saja. *Fan case* tu tiruan yang paling penting *fan case* tu dia yang menjaga enjin kapal terbang. Di dalam industri pesawat ini dia ada 4 *tear*. *Tear 1, tear 2, tear 3, tear 4*. Yang Melaka dapat *tear 4*, buat kaca tingkap. Itu *tear 4*. Tak ada teknologi yang banyak. Tapi yang dibuat di Selangor, di

Serendah *fan case*. *Tear 1*. Dan selepas tu masuk sudah tentu apa tu kilang yang besar sedunia akan datang di situ. Dan bukan itu sahaja. Sebenarnya mengikut perancangan, di kilang UMW yang akan dibina di Serendah ini walaupun hanya 20 ekar tetapi ada 800 ekar lagi akan dibangunkan sebagai *aerocity* untuk menyediakan satu ekosistem kepada pembangunan industri *aerospace* akan datang. Itu yang lebih memberangsangkan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya ingin nak bertanya adakah mungkin ataupun Selangor mempunyai potensi untuk membuat enjin kapal terbang itu sendiri, enjin Roll Royce. Yang saya kalau tak silap masih dibuat di United Kingdom kerana ini adalah komponen yang paling berharga

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** *Step by step* lah. Kena belajar dulu ya. Dulu kita hanya beli kapal terbang. Sekarang kita dah buat *fan case* lepas tu kita buat enjin lah. Takkan dia nak pindah kepada kita sedangkan itu IP dia. Bukan senang nak tu. Orang Jepun berpuluh tahun orang Jepun kat sini, R&D masih kat situ. Umpamanya Nippon Elektrik Glass. Kilang dia memang 100% kat sini. Tapi tahun lepas apabila Dato' Menteri Besar melawat ke pusatnya, ibu pejabatnya di Jepun, di Osaka, dia hanya ada pusat R&D saja. Yang lain tak ada. Kilang di sini. Itu memang harta mereka khazanah mereka bukan senang. Tapi kita kena belajar dari situ. Kita kena ikut rentaknya. Sebelum kita dapat capai ke tahap itu. Tapi setakat ini yang kita boleh lakukan adalah menarik yang terbaik ke Selangor. Oleh itu, Kerajaan Negeri dalam Invest Selangor, Invest Selangor dalam mesyuarat, Lembaga telah pun menubuhkan Selangor *Aerospace Council* dan juga kertasnya akan dibawa untuk mendapatkan keizinan daripada MMKN untuk menubuhkan secara rasminya Selangor *Aero Council* yang juga akan merangkumi semua pakar-pakar dalam industri *aerospace* ini bagi kita membangunkan industri *aerospace* ini. Dan untuk juga selain daripada itu, kita juga mengusahakan, sebenarnya apabila permohonan daripada UMW datang untuk membina kilang tersebut, mereka datang jumpa dengan Kerajaan Negeri Selangor pada bulan September yang lalu, bulan September 2015, bulan November mereka membentangkan permohonan secara rasmi dan sekarang kita dah luluskan KM, kebenaran merancang dan juga pelan bangunan bersyarat dah kita luluskan. Kerana kita hendak membantu mereka mendirikan bangunan pertama mereka siap pada Julai tahun ini juga. Ini menunjukkan efisiensi kita, kecekapan kita. Saya ucapkan tahniah kepada Majlis Daerah Hulu Selangor. Walaupun Hulu Selangor, cuma ADUN dia kena belajar sikit lagi. Hulu Selangor, kita tak, tak sangka dalam tempoh yang singkat dapat membantu meluluskan KM dan pelan bangunan. Dalam tempoh begitu singkat. Dengan mematuhi semua syarat-syarat, mematuhi peraturan. Itu mampu kita lakukan dan itu yang telah pun kita lakukan. Dan itu yang perkilangan yang kita buat.

Jadi lepas tu kita dalam perancangan untuk memperkenalkan Halal Internasional Selangor. Satu standard industri, standard halal yang sekarang hanya menunggu ya, menunggu *green light*, menunggu lampu hijau daripada Jabatan berkenaan seperti Jabatan Agama Islam untuk melihat kepada isi kandungan tersebut dan dapat kita pasarkan supaya standard, standard Halal Internasional Selangor ini dapat diiktiraf oleh sedunia sebagai satu cara untuk kita memacu, memacu industri halal ini dan menjadikan Selangor pusat industri halal sedunia. Itu yang telah pun kita lakukan selama ini. Dan ini juga dapat menjadikan satu platform untuk pembangunan industri dan perdagangan produk halal. Dan untuk ini kita kena bukan sahaja buat promosi, promosi kita kena buat. Kita buat promosi tapi kita juga menyediakan kerana dalam 2 bidang ini, iaitu bidang *aerospace* dengan bidang bioteknologi memerlukan *knowledge worker*. Memerlukan *knowledge worker*. Tapi kalau mengikut dasar, dasar pendidikan vokasional kebangsaan terlalu lambat. Kita tak boleh tunggu. Kalau kita tunggu, kedua-dua projek ini akan terbantut. Maka dengan itu kita telah pun bersetuju. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menggubal satu dasar latihan vokasional untuk Selangor sendiri yang jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Berhormat Seri Setia. Dalam saya jangka mungkin 6 bulan dapat siap kita mempunyai 1 dasar dan program latihan vokasional yang tersendiri untuk keperluan Selangor. Supaya dapat kita melengkapkan diri bila pelabur nak datang, dah ada pekerja-pekerja terlatih, dah ada *knowledge* bersama kita. Itu adalah usaha yang kita lakukan dan untuk itu kita buat promosi juga. Kita nak *promote*. Jadi terpaksa kita buat lawatan. Saya terkilan sedikit bila Batang Kali kata lawatan ada tapi tak nampak hasil. Kadang-kadang bukan senang ya. Kita bukan tunggu durian runtuh. Kita tanam durian. Tanam durian tu tujuh tahun baru nampak hasil. Tapi kita tak tanam tak ada hasil. Jadi kita kena buat. Sila.....

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Cuma saya nak tanya mengenai hasil tu jangan terlalu panjang sangat. Kalau kita kata tujuh tahun baru berbuah maksud saya tu kena kalau efisien cekap mesti cepat. Segala-galanya kata nak buat. Cepat nak dapat hasil dia. Itu yang kita maksudkan. Bukannya lambat-lambat. Orang dah tidur baru nak dapat buah dia.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Yang boleh cepat kita cepatkan. Yang tak dapat kita cepatkan jangan kita cepat, terjatuh nanti. Pokok rosak. Pokok dia perlu masa bagi baja, jangan bagi satu tan baja pada masa yang sama...duduk dulu, belum habis...kita kena ada *step by step* kena buat. Saya sebut tadi Majlis Daerah Hulu Selangor dalam tempoh empat bulan dah boleh lulus kan semua ni. Bila ada permohonan daripada Sime Darby untuk tukar zoning daripada perumahan kepada industri. Dia minta sembilan bulan kita jadi 12 bulan. Tapi tujuh bulan kita siap. Itu boleh percepatkan kita percepatkan. Ya tapi bila kita buat promosi.....

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mencelah sikit.....

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM:** Nanti dulu belum habis....



**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Sebab kita nak tengok isu lawatan tu.....lawatan dengan pencapaian tak seimbang.....

**Y.B. DATO' TENG CHANG KIM:** Duduk dulu....duduk dulu.....

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali.....

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Bukan nak cakap duit rakyat dipakai....

**TUAN SPEAKER:** Batang Kali duduk.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Dengar dulu....kalau tak tahan orang bidas jangan tanya. Ni jawab, kita nak jawab dengan baik. Nak bagi sepenuhnya. Kita buat promosi kita kena bekalkan maklumat. Bila dia berminat, dia datang lagi. Kita bagi dia maklumat. Dia minta insentif kita kaji tengok boleh ke tidak. Ada insentif di luar kemampuan kita. Hanya Kerajaan Persekutuan yang boleh bagi insentif. Kita runding dengan pihak mereka. Kita bawa mereka runding. Perlukan masa bukan serta-merta. Ada benda yang boleh buat serta-merta. Ada benda yang tak boleh. Kalau nak beranak kena tunggu 9 bulan . Sembilan bulan kena tunggu. Tak boleh tiga bulan. Haa tak boleh, itu kena sabar kena faham. 10 lawatan kita buat sebab kita buat dengan cepat. Ya tahun lepas kita lihat inilah yang dibangkitkan saya nak jawab di sini. Kita...lawatan kita untuk mempromosikan , mempromosikan Selangor dan juga memberikan maklumat terkini kepada pelabur. Kita telah pun melawat pada tahun 2015 10 lawatan dan melawat 19 buah Bandar raya iaitu Dubai, Mumbai dan Chennai di India, Osaka Jepun, Seoul di Korea Selatan, Singapura, Milan, San Francisco, Philadelphia, Manila, Bangkok, Jakarta, Quang Jo, Dong Guan, Sian Je, Nenshia, Kau Siong, Taipei. Itu yang kita buat. 19. Tahun ni tambah lagi. Tambah lagi, sasaran tahun ini kita nak kita nak lawat 24 Bandar raya. Dan setakat ini kita dah lawat enam dalam tempoh 3 bulan ini. Dan sebenarnya kita hanya mula pada akhir bulan Februari dan kita siap 6 mengikut KPI yang kita tetapkan. Untuk tahun 2016 yang telah kita lawat dan buat promosi dan berjumpa dengan pelabur-pelabur yang perspektif, berjumpa pelabur-pelabur yang sudah datang kita nak mempererat lagi hubungan silaturahim. Kena kita lawat dia, yakinkan kita....*we take care of you*...ha...kita nak jaga dia juga. Kita lawat, kita cuba jumpa dengan Dewan Perniagaan, Persatuan dan sebagainya. Dan kita dah lawat Sydney, Melbourne, Perth, Soul dan Ho Chi Minh City, Bangkok setakat ini. Selepas Dewan ini kita akan pergi ke Singapura, San Francisco, San Diego, Bouston, Dubai, Tokyo, Fakuoka, Nagoya, Beijing Swenchuan....18. Setakat Jun.

Jangan ingat ikut tu sedap. Tak sedap. Setiap bandar raya paling banyak 2 malam kita berada di situ. Itu pun padat. Satu hari sekurang-kurangnya minimum 2 program. Kadang-kadang 3 sampai 4 program satu hari. Bukan senang. Pegawai Invest Selangor. Setiap bulan hampir 2 minggu di luar negara. Kita boleh tahan. Y.B. belum tentu boleh tahan. Boleh tahan rungutan isteri ke tidak. Saya boleh tahan. Pegawai kita tahan. Saya rasa Dengkil dengan Batang Kali belum tentu boleh tahan. Itu yang kita buat. Kita nak sampaikan mesej kita maklumat kita dengan seberapa cepat yang mungkin. Dengan seberapa luas yang mungkin. Promosi ini namanya. Bukan sahaja promosi. Promosi kemudian kita kena pujuk. Sebab itu Tuanku telah bertitah kita kena ada pegawai yang dapat meyakinkan mereka. Sebab itu kita dalam perancangan untuk meminjam pegawai kita yang kita nampak ada potensi ada keupayaan untuk membantu kita. Kita pinjam daripada jabatan kita untuk membantu kita. Segala-galanya adalah untuk kepentingan rakyat Selangor. Tak kira penyokong kerajaan ataupun pembangkang. Jadi kita merayu lagi pada pembangkang kita bisiklah pada menteri kita bisiklah kepada Kerajaan Persekutuan bantu Selangor kerana Selangorlah Malaysia dapat bersama dengan kita, bersama dengan rakyat terus maju ke hadapan. Kalau tanpa Selangor Malaysia tak ada harapan. Selangor dengan pimpinan kerajaan yang sedia ada ini akan membuat harapan yang lebih cerah kepada Malaysia.

Ada sikit lagi...sikit lagi....sabar. Ini tak sabar lagi ni....ha...dan Tuan Speaker saya kira yang akhir sekali adalah .....

**Y.B. TUAN DR. YAAKUB BIN SAPARI:** Speaker, soalan

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik minta. Sila Kota Anggerik

**Y.B. TUAN DR. YAAKUB BIN SAPARI:** Y.B. EXCO, saya dapati industri Kreatif ini punya nilai yang sangat tinggi. Apa usaha kerajaan untuk menarik atau masuk industri kreatif di Malaysia di Selangor *creative industry*.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Untuk kreatif industri ini kita telah pun menubuhkan *Selangor Digital Creative Centre* di bawah SITEC. Makna kita menyediakan *co working space*. Kita menyediakan ruang untuk *makers*. *Makers space*. Kita menyediakan latihan. Jadi sekarang ini SDCC yang terletak di ICT ini sudah menjadi satu pusat yang amat menarik perhatian dalam Lembah Klang ini. Selain daripada sebelum ni ada di Putrajaya, sekarang kita mendahului negeri-negeri lain dalam usaha kita untuk mendapatkan bakat-bakat untuk menceburi dalam bidang ini. Dengan memberi latihan juga memberi bantuan seperti yang saya sebutkan tadi bantuan daripada kita memberi latihan, menyediakan perbelanjaan untuk *website*, dan juga kita menyediakan juga studio dan sebagainya. Termasuk *maker space*. Kita sediakan *3D printer*, kita sediakan *laser printer* dan sebagainya. Bukan *laser printer*, *laser cutter* dan sebagainya.

**Y.B. TUAN DR. YAAKUB BIN SAPARI:** Saya dapati ramai warga Selangor ni minat filem Korea sekarang ni. Jadi apa usaha Selangor nak membawa filem-filem, menaiktaraf filem-filem yang nampak supaya Selangor ke depan dalam industri filem.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Filem tu tak perlu kita bawa, memang dah masuk. Jadi usaha itu kita kena melalui sistem pendidikan kebangsaan. Itu lebih penting kerana kita hanya ada satu UNISEL. UNISEL sudah penuh tangannya dan beberapa projek yang telah pun diamanahkan ke UNISEL termasuk dalam pembangunan Bioteknologi telah pun kita melantik juga UNISEL, wakil UNISEL sebagai salah satu agen yang akan membantu kita dalam aspek ini. Dan juga kita telah pun melantik UNISEL untuk membantu kita menggubalkan dasar latihan vokasional untuk Selangor. Jadi untuk itu kita perlu bantuan daripada Persekutuan. Kita minta rayu lagi kepada Kerajaan Persekutuan. Jadi akhir sekali Tuan Timbalan Speaker diperingkat dalam negeri pun kita banyak melakukan program-program *engagement*. Kita menjemput Dewan Perniagaan, Dewan Perniagaan Melayu, Dewan Perniagaan Islam, Dewan Perniagaan Cina, India dan sebagainya untuk bersama kita dalam segala aktiviti yang kita anjurkan termasuk lawatan ke luar negara, kadang-kadang kita jemput mereka. Dan di peringkat *engagement* juga terlibat dengan Dewan Perniagaan ataupun *Community* perniagaan luar negara yang berada di Selangor ini. Dato' Menteri Besar sendiri juga buat *luncheon talk* bersama-sama dengan komuniti pelaburan luar negara di sini. Dengan keadaan jadual yang begitu ketat Dato' Menteri Besar sendiri bawak juga. Dan untuk lawatan yang penting juga sebab EXCO ni tak cukup berat kena bawa berat, *heavy weight*. Kita bawa juga Dato' Menteri Besar untuk meyakinkan dia datang. Bulan depan kita juga telah merancang supaya Dato Menteri Besar dapat mengetuai rombongan kita ke Jepun kerana...itu belum, akan diusulkan. Itu Jepun sebenarnya adalah pelabur asing yang paling penting untuk Selangor. Bukan Singapura, Singapura dah nombor 3 dah. Paling penting adalah untuk....kalau ikut perangkaan tahun 2015, pertamanya Jepun. Seperti tahun-tahun sebelumnya. Kemudian Korea sudah naik, Netherland sudah naik. Itu juga harus kita memberi penumpuan dan ini kita akan teruskan usaha-usaha ini untuk memastikan bahawa jenama Selangor inilah yang akan dapat kita pertingkatkan dan juga dapat kita mempertingkatkan industri kita kepada *supply chain* yang lebih tinggi lagi, ditempatkan lebih tinggi lagi. Sekarang ni kalau kita hanya menumpukan kepada industri *labour incentive* maka kita akan terlibat dalam satu keadaan yang amat mendukacitakan. Kita kena pergi Hi Tech, kita kena pergi *High Value* dan *up skill* daripada segi *Supply chain* tersebut. Jadi saya berharap dapat sokongan daripada Y.B sekalian untuk bersama dengan Kerajaan Negeri dan memajukan terus membangunkan Selangor sebagai Negeri Termaju di Malaysia ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih Y.B. Sg. Pinang, saya persilakan Y.B. Kota Alam Syah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU a/I VERAMAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih kepada Ahli-ahli Y.B. yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan jawatankuasa yang diamanahkan kepada saya disepanjang perbahasan menyembah terima kasih serta menjunjung kasih ke atas DYMM Sultan Selangor. Isu yang telah diketengahkan oleh Y.B. Hulu Kelang iaitu penubuhan *Selangor Hindu Endowment Board* dengan nama singkatan SHEB. Dari seawal 2014 lagi pihak saya telah usahakan untuk penubuhan SHEB dengan mengadakan beberapa mesyuarat bersama pihak-pihak yang berkaitan seperti kumpulan yang menggelarkan diri mereka sebagai *protect community of SHEB*, Malaysian Hindu Sanggam, Malaysian Hindu Darmadangram, Malaysia Hindu Youth Organisation, beberapa tokoh Hindu daripada Selangor, Y.B. Sivarasa, dan Y.B. Chandramohan. Juga telah mengadakan mesyuarat lanjutan beberapa kali dengan UPEN untuk membawa kepada MMKN. MMKN telah membincangkan tentang cadangan penubuhan SHEB dan setelah mengambil pandangan Kamar Penasihat Undang-undang negeri dan pandangan Kamar turut dipersetujui oleh Jabatan Peguam Negara bahawa setakat punca kuasa untuk menubuhkan SHEB bukan di bawah kuasa Perundangan Negeri tetapi sebaliknya terletak di bawah punca kuasa Perundangan Persekutuan.

Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama Jadual Ke-9 Perlembagaan Persekutuan secara jelas menyatakan bahawa kuasa perundangan untuk menggubal satu undang-undang bagi maksud menubuhkan SHEB ialah merupakan Eksekutif Kerajaan Persekutuan dan bukannya Kerajaan Negeri. Memandangkan kuasa untuk mentadbir hal berhubung *Hindu Endowment* ialah Kuasa Persekutuan. Namun begitu MMKN telah mencadangkan kepada saya agar satu badan yang alternatif yang berkaitan dikaji agar dicadangkan kepada Kerajaan Negeri bagi menjaga kebajikan dan pengurusan kaum beragama Hindu dan tempat ibadat mereka. Maka pejabat saya kini telah mengadakan beberapa mesyuarat bersama dengan pihak-pihak yang berkaitan untuk mencapai suatu muafakatan yang baik dan jelas dalam mencadangkan satu badan alternatif yang dapat elakkan isu pertindihan kuasa dengan kerajaan Pusat. Diharapkan dalam masa terdekat dapat pihak pejabat saya bawa draf ke MMKN. Dalam pada itu pejabat saya juga telah menulis surat kepada pejabat Perdana Menteri untuk ulasan berhubung hasrat kerajaan dalam penubuhan SHEB di mana pihak pejabat saya telah masih menunggu, menanti jawapan. Perlu juga di masa ini saya juga ingin merujuk kepada titah DYMM Sultan bahawa baginda telah menyatakan negeri Selangor mempunyai kepelbagaian bangsa, budaya dan bahasa. Rakyat bebas mengamalkan kebudayaan mereka. Selagi tidak merosakkan perpaduan yang ada. Baginda juga berkenan kepelbagaian ini menjadi satu unsur bagi negeri Selangor mencapai kemajuan dan kejayaan yang lebih cemerlang lagi.

Tuan Timbalan Speaker, Yang Berhormat Taman Medan, telah membangkitkan isu berkaitan berkenaan tapak rumah ibadat bukan Islam khususnya kuil yang tidak mendapat restu dari Institusi-institusi Kerajaan Negeri dan kegagalan

penguatkuasaan ke atas mereka. Perlu diingatkan di sini sejarah pembangunan Taman Medan yang merupakan bekas ladang dan kawasan perlombongan yang telah diduduki begitu ramai kaum Hindu sebelumnya. Sekiranya dalam pembangunan kawasan tersebut disediakan dengan tapak-tapak yang sesuai dari awal mungkin masalah yang berkaitan tempat ibadat haram ini dapat dielakkan. Namun begitu dari masa ke semasa Kerajaan Negeri juga mengawal dan mengambil tindakan secara tertib dan mengambil kira sensitif semua pihak dalam menjaga dalam mengambil tindakan terhadap rumah ibadat selain Islam. Rumah Ibadat selain Islam yang baru atau akan dibina perlulah mendapat kebenaran daripada Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam iaitu melalui permohonan pewartaan tanah di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara yang perlu dipohon kepada pihak Pejabat Tanah dan Daerah di kawasan masing-masing. Dan permohonan Kebenaran Merancang di bawah Seksyen 21 Akta 172, Akta Perancangan Bandar dan Desa oleh pihak pengurusan dan ataupun persatuan agama kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk sebarang pembinaan struktur rumah ibadat.

Merujuk kepada Mesyuarat Hal Ehwal Selain Islam Bil.7/2015 telah memutuskan pihak Pejabat Tanah dan Daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan, perlu mengambil tindakan serta-merta, pengeluaran notis mengikut undang-undang dan Akta yang berkuat kuasa kepada mana-mana pembinaan tanpa kebenaran yang sedang dibina. Bagi rumah ibadat yang tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak Pejabat Tanah dan Daerah serta Pihak Berkuasa Tempatan perkara ini akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Hal Ehwal Selain Islam dan akan dikenakan tindakan penguatkuasaan mengikut Garis Panduan yang telah diluluskan oleh MMKN Ke 4/2015 bertarikh 29 Januari 2015 iaitu Garis Panduan Tatacara Penguatkuasaan Ke atas Rumah Ibadat Selain Islam dan tempat penyembahan dibina tanpa kebenaran di Negeri Selangor. Tuan Timbalan Speaker,

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Saya ingin mencelah

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Apa yang Taman Medan bangkitkan adalah Kuil-kuil yang telah pun dipanggil untuk memberi penjelasan dan EXCO sendiri telah mempengerusikan mesyuarat tersebut. Dan telah mengenal pasti kuil-kuil yang maknanya tidak boleh diteruskan lah kewujudan mereka dan lawatan ke tapak bersama dengan wakil Pejabat Daerah dan Tanah juga telah dilakukan, tapi sehingga hari ini tidak ada dikeluarkan notis atau apa-apa tindakan jadi itu yang sebenarnya permohonan daripada Taman Medan bukannya Kuil-kuil yang telah mendapat kebenaran dan mendapat kelulusan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Taman Medan, seperti yang telah saya nyatakan memang saya telah mempengerusikan dan jumpa memang ada wakil daripada pejabat Yang Berhormat Taman Medan pun ada. Saya

telah menyatakan beberapa tempat ibadat memang perlukan tindakan segera telah pun dinyatakan dalam mesyuarat itu. Pejabat Tanah dan juga wakil daripada MBPJ memang ada dalam mesyuarat tersebut, maka itu adalah tugas mereka untuk membawa perkara ini dalam Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam. Dalam pada itu juga ada juga rumah ibadat yang bertukar kuil yang ada sejarahnya saya telah pohon agar MBSA mahupun Pejabat Tanah Daerah Petaling supaya mencari satu tapak yang sesuai.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker,

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Saya dapati pembinaan rumah-rumah ibadat bukan Islam bertaburan dan agar sukar bagi PBT untuk memusnahkannya dan ia akan jadi isu besar dari segi politik. Apa pandangan EXCO supaya kita ada Enakmen Khas untuk mengawal rumah pembinaan rumah-rumah ibadat bukan Islam dan juga hukuman-hukuman yang sesuai kerana pelanggaran kepada peraturan ini.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Saya setuju dengan sebenarnya terima kasih kepada Yang Berhormat Kota Anggerik, terima kasih saya sebenarnya itu sebab adalah usaha untuk menubuhkan SHAEB Selangor adalah untuk mengawal pembinaan rumah ibadat selain Islam khususnya kuil. Namun begitu kami masih lagi menunggu memang tidak ada Enakmen yang khas tapi bagaimanapun perlulah diingatkan ini adalah sebab sejarah pembangunan sesuatu kawasan seperti khususnya seperti Kota Anggerik itu sendiri adalah Sungai Renggam, Estate Sungai Renggam dulu, semua adalah di....

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Minta penjelasan

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO saya bersetujulah ada setengah-setengah kawasan bahawa penganut-penganut ataupun penduduk-penduduk kaum India merupakan sebahagian daripada sejarah kawasan pembangunan sejarah kawasan tersebut. Jadi apakah pandangan ataupun apakah adakah kerajaan mempunyai apa-apa perancangan untuk membenarkan ataupun memberikan tanah yang telah tanah kerajaan yang telah digunakan untuk membina kuil di kawasan-kawasan tertentu. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Balakong, sebenarnya perlu diingatkan kita sudah ada Jawatankuasa yang Khas seperti Hal Ehwal Selain Islam, dalam hanya daripada 2013 hingga kini kita telah meluluskan sebanyak 52 tapak untuk kuil sahaja ya, saya kurang pasti tentang tiada maklumat yang khas tentang gereja dan juga Tokong Cina, bagaimanapun memang usaha kerajaan

adalah untuk menyelesaikan perkara-perkara begini. Keadaan yang ditujukan kepada saya dalam sekarang adalah ketaburan yang terlalu banyak. Memang kita akui ada berlaku taburan yang begitu banyak sebab tidak ada perancangan yang khusus sewaktu dibangunkan kawasan-kawasan khususnya daripada kawasan seperti perlombongan mahupun estet-estet yang dulu perladangan. Maka itu yang saya telah memberi tahu sebelum ini kaedah bagaimana permohonan dan juga penguatkuasaan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri sebelum ini ya telah pun dibacakan. Saya kembali kepada Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya minta...

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sri Andalas minta. Sila Sri Andalas

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya ingat Kerajaan Negeri jangan bagi kepentingan kepada kuil-kuil Hindu sahaja yang dibenakan sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab kita kena tanggungjawab kepada semua tempat ibadat. Pasal itu saya bersetuju dengan Kota Anggerik sahaja untuk order Enakmen bukan sahaja kepada kuil Hindu tetapi kepada semua tempat ibadat yang telah dibenakan tanpa kelulusan Kerajaan Negeri untuk ada syarat dan sebagainya. Keseluruhannya holistik *approach* untuk tempat-tempat ibadat negeri Selangor kena dikaji oleh kerajaan dan untuk dapatkan satu penyelesaian yang munasabah yang saya fikir itulah yang lebih sukar dibuat oleh Kerajaan Negeri dan jangan bagi tumpuan sahaja kepada kuil Hindu sahaja tetapi sebagai satu syarat baru untuk keseluruhan tempat ibadat dalam negeri Selangor. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Sri Andalas, memang tidak dinafikan masalah bukan sahaja untuk kuil hindu juga kepada gereja, Tokong-tokong dan juga Tokong Buddha dan juga 'Taoism'. Berkenaan tentang Enakmen yang diperlukan pada masa kini Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam memang dapat selesaikan banyak isu-isu yang telah dibangkitkan yang dibawa oleh Pejabat Tanah dan juga Majlis Perbandaran. Namun begitu, dengan cadangan yang begitu dikatakan sebagai Enakmen untuk merangkumi semua pihak saya percaya itu satu cadangan yang baik mungkin dapat kita bawakan dalam Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam dan seterusnya ke MMKN ia perlu ada kajian yang menyeluruh. Baik Tuan Timbalan Speaker, saya kembali kepada isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Rawang. Pihak JPBD Selangor telah mengeluarkan satu laporan berkaitan keperluan perkuburan negeri Selangor sehingga tahun 2060, keperluan perkuburan sehingga tahun 2060 diunjurkan berjumlah 1,902.88 hektar. Dari jumlah tersebut keperluan perkuburan Islam adalah 71.16 peratus, dan selain Islam adalah 28.84 peratus, tahap kecukupan tapak perkuburan di negeri Selangor adalah seperti berikut seperti:

“di MBSA saya merujuk kepada PBT ya, MBSA perkuburan Islam mencukupi sehingga 2043 dengan perkuburan bersepadu, bagi bukan Islam mencukupi melebihi tahun 2060. Bagi MBPJ tidak mencukupi bagi orang Islam tidak mencukupi dari tahun 2010 lagi dan bagi bukan Islam tidak mencukupi dari tahun 2010 lagi. Bagi MPSJ bagi orang Islam tidak mencukupi dari tahun 2010 dan bukan Islam tidak mencukupi dari tahun 2010. Bagi MPK tidak mencukupi sehingga 2033 bagi orang Islam dan tidak mencukupi dari tahun 2010 lagi bagi bukan Islam. Bagi MPAJ tidak mencukupi dari tahun 2010 lagi bagi orang Islam dan tidak mencukupi juga dari tahun 2010 bagi bukan Islam. Bagi MPKj mencukupi untuk orang Islam sehingga tahun 2021, dan mencukupi untuk orang bukan Islam melebihi tahun 2060, MPSp mencukupi sehingga tahun 2060 dengan perkuburan bersepadu untuk orang Islam, dan mencukupi juga sehingga tahun 2060 dengan perkuburan bersepadu bagi orang bukan Islam. Bagi MPS tidak mencukupi dari tahun 2010 lagi bagi orang islam namun begitu mencukupi untuk orang Islam sehingga tahun 2056. MDKS mencukupi sehingga tahun 2047 bagi orang Islam tidak mencukupi melebihi tahun dan mencukupi untuk orang bukan Islam melebihi tahun 2060. MDHS mencukupi sehingga tahun 2053 bagi orang Islam dan mencukupi melebihi tahun 2060 bagi orang bukan ilam. MDKL mencukupi melebihi tahun 2060 bagi orang Islam dan juga mencukupi untuk orang bukan Islam sehingga tahun 2060. MDSp bagi orang Islam mencukupi dan melebihi tahun 2060 dan juga mencukupi sehingga tahun 2060 dengan perkuburan bersepadu. Bagi menampung keperluan tapak perkuburan Kerajaan Negeri telah mewujudkan tapak perkuburan Wilayah Bersepadu pada masa kini. Salah satu tapak cadangan tersebut terletak di daerah Sepang seluas 100 ekar”.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B PUAN GAN PEI NEI:** Mohon mencelah...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ya, Rawang.

**Y.B PUAN GAN PEI NEI:** Jadi sebenarnya untuk ucapan saya adalah untuk aspek yang tidak mencukupi itu jadi apa pendekatan yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri dan boleh tak saya tahu macam mana kriteria ataupun unjuran yang digunakan untuk tetapkan supaya maksudnya untuk tetapkan tempat itu cukup atau tidak cukup.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Yang Berhormat Rawang, seperti yang telah saya nyatakan tadi memang setiap PBT kita telah



mendapati ada telah ada cadangan yang khusus dan juga telah mendapati mereka juga sudah merasai ketidakcukupan ini. Maka setiap rancangan melebihi 100 ekar *and above* memang ada rancangan yang khas dan juga syarat-syarat khas dikenakan untuk supaya mereka mengkhususkan satu tapak ataupun satu kecukupan tanah untuk menjadikan sebagai tapak perkuburan. Dalam pada itu juga Kerajaan Negeri juga merancang, merancang tapak perkuburan bersepadu seperti yang adalah seperti di Sepang baru-baru ini dan juga dalam AC yang baru mesyuarat yang lalu kami juga ada membawa satu lagi perkara dekat Gombak ya ada perancangan yang khusus sedang dari masa ke semasa. Ini adalah daripada rancangan dan juga saranan daripada JPBD yang dibuat. Terima kasih. Saya kembali kepada...

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya ingin mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sri Andalas, bagi tak...

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Saya ingat Kerajaan Negeri kena buat satu kajian memang dalam perancangan Smart Selangor kita tidak cukupi tanah di dalam negeri Selangor dan kita kena ada alternatif yang kita kena gunakan dan bukan sahaja untuk berikan tanah kita kena tengok kalau boleh kita nak benakan *Crematorium*, *Crematorium* dan mengadakan kaum-kaum semua untuk sebab tanah tidak cukup lama-lama tanah ni tidak cukup so kita kena adakan satu pendidikan dan juga tengok macam mana Kerajaan Negeri boleh bersama-sama dapat mengurangkan menggunakan tanah dan ada alternatif sebagai *Crematorium* saya mintak kerajaan untuk buat satu kajian dan bawak kepada dewan lah ya. Sekian. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Seri Andalas

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya mintak Kota Alam Shah sambung petang. Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian jam menunjukkan 1.00 petang, saya tangguhkan sidang sehingga jam 2.30 petang.

**( Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari )**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN SPEAKER:** *Assalamualaikum* dan Selamat Petang. Dewan disambung semula. Saya mempersilakan Kota Alam Shah.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Tadi ada cadangan ataupun

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF:** Tuan Speaker nak tahu kourum. kourum cukup

**TUAN SPEAKER:** Ya. Berapa yang cukup? Saya kira cukup. Sambung Kota Alam Shah

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Tadi ada cadangan sebenarnya daripada Seri Andalas. Bahawa perlu ada semua premium untuk semua pihak saya percaya kita tidak dapat membuat perkara itu tanpa mengambil kira *sensiviti* dan kemahuan agama masing-masing ya. Tadi saya ada sebut memberitahu daripada JPBD yang mana ada satu rancangan khusus unjuran telah dibuat sehingga 2060. Maka Kerajaan Negeri Selangor sedang dan telah merancang dengan begitu teliti sekali untuk mendapatkan tapak perkuburan yang mencukupi untuk semua pihak. Berdasar itu juga saya mendapat maklumat tambahan. Berdasarkan piawaian satu hektar tapak perkuburan bagi setiap 120, 000 orang penganut dan unjuran mengikut etnik yang disesuaikan dengan pembahagian peratusan penganut. Keperluan kasar tanah perkuburan sehingga tahun 2060 bagi kesemua kawasan PBT di Negeri Selangor di anggara berjumlah 225.22 hentar. Daripada jumlah keperluan bagi tanah perkuburan Islam ialah 1,324.05 hektar. Manakala perkuburan lain-lain agama adalah sebanyak 700.01 hektar. Ini adalah maklumat terbaru daripada JPBD

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Ya

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Boleh saya sentuh isu antara isu yang ditimbulkan oleh SHIP ialah tentang pengurusan tanah kubur. Selain daripada cadangan dan abdomen induk adakah cara lain boleh dilaksanakan untuk menguruskan tanah perkuburan tanah induk.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Y.B. Hulu Kelang. Saya memang kagum dan keprihatinan Y.B. Hulu Kelang yang sentiasa menanyakan tentang kebajikan dan juga kebaikan tentang orang kaum India dan juga kaum

Hindu. Memang SHIP ini bukan *they are not stop yet* (dengan izin) Tuan Timbalan Speaker seperti yang saya nyatakan di atas nasihat-nasihat dan juga ulasan daripada Kamar Undang-Undang kita telah menanggungkan ataupun saya sendiri telah menulis kepada Perdana Menteri dan juga khususnya kepada Datuk Mah Siew Keong yang menjaga Hal Ehwal Bukan Islam Jabatan Perdana Menteri saya masih menunggu jawapan. Selain daripada itu juga seperti yang saya nyatakan saya telah memanggil ramai pihak-pihak yang terlibat dalam melaksanakan satu lagi urusan untuk menubuhkan jawatankuasa yang lebih merangkumi semua aspek-aspek seperti kubur tadi. Dan juga seperti yang melibatkan penguatkuasaan ke atas kuil dan juga rancangan kuil yang akan datang ya. Walau bagaimanapun saya difahamkan Seri Andalas tidak begitu gembira dengan satu khas kuil sahaja. Tapi walau bagaimanapun saya percaya kita perlukan apa itu pendekatan yang lebih dekat kepada isu-isu kuil ini sebab mereka yang paling banyak masalah yang kita nampak di seluruh Selangor sekarang. Dengan itu Timbalan Tuan Speaker.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan minta.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Saya ada sedikit isu berkenaan dengan kuil juga. Di mana Y.B. Kota Alam Shah adalah bertanggungjawab dalam hal ini. Saya hendak tanya ada aduan satu isu kuil di tanpa izin di Bukit Rimau di mana satu pembangunan situ dan Kerajaan Negeri telah mengambil pendekatan untuk memberi mengarahkan pemaju memperuntukkan 10,000 kaki untuk tapak kepada kuil tersebut. Saya hendak tahu bagaimana status terkini penyelesaian kuil tersebut. Sampai ke hari ini 2014 sehingga kini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Y.B. Sekinchan. Walaupun isu terpencil tapi walau bagaimanapun saya rasa saya boleh menjawab perkara tersebut. Itu bukan sebenarnya bukan 10,000 kaki persegi ya. Ia hanya adalah 200 kaki persegi. Satu kuil yang sangat kecil ya sebab ada sejarah khasnya telah diluluskan dalam MTES pada tahun 2014 supaya kuil ini dipindahkan namun begitu pihak MBSA tidak begitu bekerjasama saya percaya. MBSA adalah tugas MBSA yang membawa isu ini kepada untuk keruntuhan. Walau bagaimanapun, saya telah dalam MTES MMKN *admin* MMKN telah bersetuju supaya kuil itu dipindahkan ke tapak yang dikatakan 200. Tapi pada sama itu sehingga kini saya nampak isu ini tidak dapat diselesaikan sebab:

1. MBSA tidak bergerak dari situ walau ada kelulusan.
2. Pihak kuil pada sama itu tidak didaftarkan ya. R.O.S . Persatuan mereka tidak didaftarkan.

3. Apa yang kita nampak tidak ada komunikasi yang dibuat di antara mereka. Sehingga ke hari ini pihak pemaju suka sangat mencari sini sana. Pergi mencari lobi sana lobi sini daripada datang berjumpa ke pejabat saya. Saya syorkan pihak pemaju tersebut datang ke pejabat saya. Saya beralah kepada isu berlainan sekarang.

Tuan Timbalan Speaker. Kerajaan Negeri sentiasa peka dan memandang serius akan masalah kemiskinan di negeri Selangor. Dalam bersama-sama membasmi kemiskinan secara total dan efektif Kerajaan Negeri melalui perbagai Jawatankuasa Tetap serta Jabatan dan agensi sentiasa bergiat membasmi kemiskinan menangani masalah kemiskinan melalui pelaksanaan perbagai program bantuan. Program-program bantuan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri seperti Program Bantuan Rumah Prihatin, Program Bantuan *Blue Print* Membasmi Kemiskinan. Program Merakyatkan Ekonomi di Negeri Selangor seperti Hijrah Selangor, Tabung Anak Pekerja Ladang, Program Skim Usia Emas, Skim Kesihatan Wanita, Tabung Warisan Anak Selangor, Hadiah Anak Masuk Universiti, Insentif Perkahwinan Belia dan berbagai-bagai lagi program bantuan yang diharap berupaya menghasilkan impak positif berkesan terhadap taraf dan kesejahteraan hidup rakyat secara berterusan. Serta mengurangkan kadar kemiskinan di negeri Selangor. Terima kasih kepada Batu Tiga yang bertanya mengenai unjuran pendapatan bulan dan tahun rakyat di negeri Selangor. Sebagai makluman Kerajaan Negeri kini sedang dalam proses akhir untuk muktamadkan pendapatan garisan kemiskinan Negeri Selangor yang terkini melalui kadar kemiskinan mengikut kadar daerah dan kaum serta penempatan pendapatan garis kemiskinan bagi Negeri Selangor yang dilaksanakan oleh Universiti Selangor (UNISEL) dan Universiti Tuanku Abdul Rahman. Justeru itu, penerangan umum berkaitan dengan pendapatan isi rumah penduduk di Negeri Selangor statik ikut daerah dan kaum serta paras kemiskinan kini dijangka dapat di kajian tersebut. Tuan Timbalan Speaker bagi merujuk kepada Y.B. Tanjung Sepat memang tidak dinafikan rata-rata bekas pekerja ladang daripada ladang rakyat miskin yang tegar yang tidak mampu memiliki rumah yang sempurna mahupun tanah. Kerajaan Negeri mempunyai syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk pemilikan tapak tanah kepada rakyat Selangor untuk mendirikan rumah. Permohonan tanah juga perlu melalui prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Merujuk kepada pertanyaan Y.B. Tanjung Sepat berkenaan pekerja ladang di Taman Perumahan bagi pekerja ladang Bukit Gadung dan Taman Bukit Untung. Ia adalah merupakan perkara yang baru dibangkitkan dalam jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang hanya dalam sidang ini. Di sini saya memohon Y.B. Tanjung Sepat mengemukakan apa-apa dokumen ataupun maklumat yang berkaitan untuk membolehkan Jawatankuasa Tetap Pekerja Ladang merangka dan membantu dalam menyelesaikan permasalahan yang timbul bagi membela nasib ladang tersebut. Ya

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Ulasan

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat meminta. Silakan Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN Ir. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Yang Berhormat *STANDCO* ladang saya ingin menanyakan daripada Yang Berhormat adakah *STANDCO* Yang Berhormat telah pun membuat sesuatu kajian sedangkan masalah kebajikan pekerja ladang ini khusus berkaitan dengan perumahan ladang ini telah pun acap kali ditimbulkan. Dalam sidang Dewan saya percaya kalau *STANDCO* Yang Berhormat membuat kajian secara menyeluruh di Negeri Selangor ini kebanyakan ladang-ladang yang telah pun mempunyai kerja-kerja ataupun yang telah pun memberhentikan atau melaksanakan skim perumahan. Perumahan ini nampak yang teratur daripada segi fizikalnya. Tetapi mereka ini bila dah tidak bekerja ladang ditawarkan rumah mereka ini dapat rumah dalam keadaan rumah dibeli. Dan rumah-rumah sebahagiannya telah pun selesai dibayar hutang-hutangnya Cuma pihak PBT tempatan dia tidak mampu untuk menyelenggara kawasan perumahan tersebut akibat daripada tidak selesainya rumah tersebut dengan kata lain tidak mempunyai sijil layak menduduki. Iaitu tanah hal ehwal tanah itu tidak selesai rumah dibeli tetapi tapak rumah tersebut itu tidak selesai disebabkan tidak ada penyelesaian akhir tentang isu tanah berkaitan.

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Terima kasih Y.B. Tanjung Sepat yang begitu prihatin kepada masyarakat pekerja ladang. Perlu diingatkan pembinaan rumah kita ada yang dipanggil *ELB BOT is it line bot* setiap permohonan yang baru sehingga tahun 2013 hinggalah ke tarikh akhir ini banyak juga program-program dan juga projek-projek perumahan bersama kita telah tetap dengan syarat-syarat dengan ketat. Namun projek-projek sebelum ini ya sama dengan apa yang berlaku tahun ke sebelum dan juga ke sebelum kerajaan Pakatan kita dapati memang berlaku seperti Dusun Durian ya walaupun tanah itu tidak diberi rumah yang sedang dibina terbelengkalai tanah juga telah dijadikan sebagai tanah rizab Melayu lepas itu Kerajaan Negeri kita pula datang perlu digazetkan balik. Memang itu berlaku isu-isu begini. Walau bagaimanapun saya dalam hal khususnya begini saya telah berbincang dengan institusi Persatuan Ladang dan juga banyak pihak-pihak yang berkaitan dan juga peguam-peguam yang ada *knowledge* (dengan izin) tentang masalah-masalah begini telah juga ada saraan daripada parti PPSB yang mana mereka yang pada masa ini *champion* (dengan izin) juga satu enakmen yang khas yang mewajibkan perumahan tersebut untuk tiap pembangunan apa-apa perladangan. Perkara-perkara ini sedang dikaji kita menunggu kesesuaian dan juga di dalam rangka-rangka supaya membawa kepada

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Mohon penjelasan perkara ini.

**TUAN SPEAKER:** Tanjung Sepat

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN:** Terima kasih Tuan Speaker. Seperti maklumat masalah-masalah ini adalah merupakan perumahan yang sedia ada yang sudah tentu mereka menduduki perumahan-perumahan ini sudah begitu lama ada kawasan-kawasan yang diduduki seolah-olah dilihat memang merupakan suatu kawasan perumahan teres yang cantik tetapi oleh sebab mereka ataupun pemaju dahulu tidak menyelesaikan masalah dengan baik sehingga tanah itu tidak dapat dipindah milik kepada penghuni atau penduduk tempatan maka perkhidmatan yang sepatutnya ditawarkan oleh PBT di kawasan-kawasan perumahan seumpama itu tidak ditawarkan. Jadi saya hendak mencadangkanlah dalam kesempatan ini supaya Y.B. *STANDCO* menjalankan suatu kajian ataupun kajian tindakan khusus sebagai sampel kes ambil beberapa taman di seluruh Selangor banyak taman-taman perumahan khususnya seumpama itu pekerja-pekerja ladang ambil dan selesaikan secara fokus. Dan kita mengharapkan sebelum tahun 2008 ini sekurang-kurangnya ada satu atau dua kawasan-kawasan perumahan ini kita dapat mampu diselesaikan. Jadi kalau kita masih dapat dalam kajian sudah lapan tahun kita berada dalam Dewan ini membincangkan masalah sama kajian-kajian satu perkara yang saya rasa kita memerlukan tindakan yang lebih positif

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tanjung Sepat. Tanjung Sepat harus memahami ya. Itu adalah selepas pembinaan kalau isu-isu timbul adalah kalau hanya kalau ikutkan seperti CF dan sebagainya. *STANDCO* perumahan adalah yang apa itu yang berkuasa dalam hal tersebut. Kalau kita ada positif kita ada banyak di bawah *STANDCO* perladangan di mana kita telah mengekalkan perumahan seperti Bukit Raja ya seperti Dusun Durian yang baru itu sahaja dalam MMKN perlu kita gazetkan juga kita telah memberi satu premium yang baik kepada pekerja ladang dan kita juga kekalkan di Semenyih khususnya Ladang Dusun Durian, ladang denudi di mana kita kekalkan juga rumah dan pembinaan sedang berlaku. Tapi kita hanya dapat syarat kan setakat di situ sahaja. Saya punya *STANDCO*, *STANDCO* seterusnya adalah *STANDCO* Perumahan di mana berlaku seperti CF dan juga ketidakpatuhan oleh pemaju tersebut. Ini adalah melibatkan PBT bersama *STANDCO* Perumahan nanti saya percaya anda boleh menanyakan kepada *STANDCO* Perumahan. Dengan itu saja isu-isu yang ditimbulkan, isu-isu yang berkaitan tentang *STANDCO* yang ditimbulkan.

Tuan Timbalan Speaker bagi isu yang berkaitan dengan Taman Permata Dengkil yang juga yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dengkil jangan risau Menteri Besar akan menjawab nanti. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Alam Shah. Saya silakan Yang Berhormat Sementa.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Assalamualaikum warahmatullahitaalawabarakatuh dan Salam Sejahtera. Saya

mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam Perbahasan Ucapan Titah Duli Yang Mulia Tuanku Sultan Selangor pada kali ini.

Yang Berhormat Sekinchan telah pun membangkitkan isu pembinaan Hospital Tanjung Karang yang mana ia telah tertangguh sejak sekian lama tetapi pihak Permatang telah pun memberi sedikit maklum balas maka di sini saya ingin menjelaskan bahawa projek pembinaan Hospital Tanjung Karang dijangka bermula pada penghujung 2016. Kini ia dalam proses pelantikan kontraktor dan Surat Setuju Terima akan dikeluarkan pada akhir bulan ini oleh pihak Jabatan Kerja Raya. Projek pembinaan Hospital Tanjung Karang ini dijangka siap pada tahun 2016. Peruntukan pembinaan hospital ini di bawah RMK 11 adalah sebanyak RM269 juta. Hospital ini meliputi keluasan sejumlah 40 ekar dan pihak Kerajaan Negeri sentiasa memberikan komitmen dan memberikan bekerjasama agar hospital ini segera dapat segera dapat dibina dan dengan sejumlah 40 ekar ini premium nominal untuk hospital ini adalah sebanyak RM10.00 sahaja dan ini lah komitmen Kerajaan Negeri. Seterusnya jumlah...

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekinchan minta, sila Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Berkaitan dengan Hospital Tanjung Karang, tadi saya dengar jawapan tadi akan mula pada penghujung tahun 2016. Siap bila, agak keliru tadi tak dengar.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI:** Ok, untuk memastikan ia dapat disiapkan dijangka pembinaan ini siap pada tahun 2019, jadi kita mengharapkan pihak kerajaan pusat meneruskan projek ini dengan baik dan kita harap pada tahun 2019 ia dapat beroperasi dan dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk di koridor utara Negeri Selangor iaitu di daerah Sabak Bernam, di daerah Sungai Besar dan di daerah Tanjung Karang dan juga di daerah Kuala Selangor. Jadi ini lah harapan seluruh rakyat Selangor untuk melihat Hospital Tanjung Karang ini dapat direalisasikan pada 2019 nanti.

**Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL:** Mohon mencelah. Mohon penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BT. ISMAIL:** Saya nak tanya kepada pihak kerajaan, apakah kerajaan Selangor mempunyai wakil di dalam memastikan bahawa pembinaan apa ni hospital-hospital ini berjalan dengan lancar, sebab kita tidak mahu sebagaimana yang berlaku semasa pembinaan Hospital Shah Alam ia tertangguh dan beberapa kali tertangguh jadi melibatkan masyarakat. Mereka tidak tahu ia masalah *federal*

ataupun negeri tetapi akhirnya Kerajaan Negeri yang terpaksa menjawab banyak perkara tentang perkara ini. Jadi soalan saya tentang perlunya ataupun kena ada satu wakil atau kerajaan di dalam *Board of Directors* pembinaan hospital-hospital ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI:** Terima kasih Batu Tiga. Pihak Kerajaan Negeri buat masa ini saya sendiri tidaklah menjadi wakil bagi pihak Kerajaan Negeri untuk berada bersama di dalam memastikan pembinaan hospital ini siap dalam jangka yang ditetapkan namun mungkin pihak Dato' SUK boleh meminta kepada pihak KKM untuk berada atau bersama dalam jawatankuasa tersebut. Seterusnya Bukit Gasing juga menyatakan tentang hal pembinaan hospital awam untuk daerah Petaling. Daripada Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri Selangor pada 15 Disember 2015, pihak Jawatankuasa Perancang Negeri Selangor telah membuat keputusan untuk tidak meneruskan cadangan tapak hospital awam di tanah seluas 15 ekar milik Kontena Nasional disebabkan oleh kos pengambilan balik tanah yang terlalu tinggi kerana kawasan itu adalah *prime land* di kawasan Petaling Jaya. Kerajaan Negeri sebaliknya telah menetapkan satu tapak hospital awam disediakan di dalam kawasan pembangunan tanah RRI PJU4 di mana pihak Fasa Land Sdn. Bhd diminta untuk membuat Serahan Balik Tanah untuk diwartakan sebagai hospital awam. Daripada keputusan mesyuarat MBPJ yang menyatakan bahawa bersetuju menukar Zon Guna Tanah Kemudahan Awam, hospital awam kepada Perniagaan dan Perkhidmatan, kepada Tetuan Kontena Nasional Berhad Lot. PT577 dan sebahagian Lot. PT578, Jalan Kelang Lama, Petaling Jaya. Jadi kita rasa ini adalah satu sebenarnya hospital awam di daerah Petaling di kawasan Petaling Jaya Selatan sangat ada keperluan di situ disebabkan oleh populasi ataupun penduduk yang begitu tinggi dan padat yang memerlukan perkhidmatan kesihatan yang baik dan juga memerlukan hospital. Namun oleh sebab kos tanah yang tinggi saya kira pihak Kerajaan Negeri terpaksa mencari tanah lain yang agak jauh daripada kawasan tersebut.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Mohon mencelah. Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Saya ucapkan terima kasih, sekurangnya di kawasan MBPJ akan ada satu hospital awal walaupun di kawasan pembangunan RRI iaitu di PJU4 ini agak jauh di utara bahagian pentadbiran MBPJ, saya mewakili Bukit Gasing di bahagian selatan bersama Taman Medan, dan bersama Seri Setia, kawasan Kinrara, kawasan Subang Jaya. Kawasan ini tidak ada satu hospital awam walaupun di dalam lingkungan 5 DUN yang saya telah sebut mungkin telah mencecah beratus ribu penduduk di sana dan ada banyak pembangunan flat kos rendah penduduk kurang berkemampuan di sana. Kalau mereka nak pergi ke hospital awam, Hospital Shah Alam, Hospital Kuala Lumpur sangat jauh. Saya harap lah Kerajaan Negeri Selangor akan saya faham kos tanah mahal tetapi kena lah



usahakan cari sebidang tanah yang boleh diambil alih. Banyak tanah kosong di Petaling Jaya, banyak industri dah pindah keluar. Pemaju mereka daripada industri mereka nak tukar kepada pembangunan bercampur, kita mungkin boleh beli satu daripada tanah tersebut untuk ditukar menjadi hospital dan mungkin Kementerian Kesihatan kena melakukan tanggungjawab mereka untuk membekalkan hospital kepada penduduk di Petaling Jaya, Subang Jaya dan Kinrara. Kenapa Kementerian Kesihatan tidak membiayai kos pengambilalihan tanah? Jadi saya harap EXCO Kesihatan, Kerajaan Negeri Selangor akan lawan untuk hak penduduk kawasan saya kawasan Bukit Gasing, kawasan Taman Medan supaya dapat satu hospital awam untuk memenuhi keperluan kesihatan mereka.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI:** Terima kasih Bukit Gasing. Sebenarnya inilah hasrat Kerajaan Negeri dan hasrat kita semua untuk memastikan kesihatan awam, kesihatan rakyat negeri Selangor ini dijaga dengan sebaiknya sebab itulah kita memerlukan hospital-hospital ini walaupun di daerah Petaling kita ada PPUM tetapi itu bukanlah hospital awam yang boleh memberikan perkhidmatan percuma kepada rakyat. Jadi saya sangat bersetuju dengan cadangan daripada Bukit Gasing untuk kita memastikan pihak Kementerian Kesihatan melaksanakan atau membina satu lagi hospital awam di daerah atau di kawasan daerah Petaling yang padat penduduk ini. Seterusnya...

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Ini mungkin satu cadangan, kalau sekiranya tidak dapat dibina sebuah hospital awam di kawasan PJS mungkin boleh difikirkan boleh untuk dibuka sebuah Klinik Kesihatan Tahap 1 yang kapasitinya lebih besar berbanding dengan Tahap 3 yang sedia ada di Taman Medan sendiri yang menampung, sepatutnya dia hanya memenuhi kapasiti 300 pesakit tapi setakat ini dia sudah melebihi 3 kali ganda kalau tak silap seribu lebih. Jadi kalau tak ada hospital awam, sekurang-kurangnya ada Klinik Kesihatan Tahap 1 yang boleh menampung kapasiti yang lebih besar.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI:** Terima kasih Taman Medan. Insya Allah kita mengambil maklum tentang perkara tersebut dan untuk makluman Taman Medan, beberapa klinik-klinik kesihatan sebenarnya telah pun ada di Taman Medan, di Kelana Jaya, di Puchong dan juga di Seri Kembangan. Jadi kita mengharapkan ia dapat menampung perkhidmatan kesihatan untuk rakyat di persekitaran tersebut.

Yang Berhormat Balakong menyentuh isu pewartaan tanah bagi tujuan kebajikan. Buat masa ini Pejabat Tanah dan Galian Selangor (PTGS) belum lagi menerima permohonan daripada pengusaha-pengusaha Pusat Jagaan Kebajikan bagi tujuan tersebut. Pihak Pusat Penjagaan Kebajikan dan sekiranya mereka berminat untuk

mendapatkan pewartaan tanah untuk pusat kebajikan mereka perlu menyerahkan hakmilik di bawah Seksyen 197 Kanun Tanah Negara 1995 dan seterusnya dirizabkan bagi tujuan kegunaan awam di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan pewartaan tanah untuk Pusat Jagaan Kebajikan sekiranya terdapat permohonan. Jadi mereka perlu memohon dan perlu menepati syarat-syarat yang ditetapkan. Sehubungan dengan itu....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Balakong minta.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya rasa mungkin Yang Berhormat EXCO kurang faham apa yang saya cadangkan. Kalau nak kata serah kan tanah persendirian untuk diwartakan saya rasa itu tidak menjadi masalah. Sekarang masalah dia banyak yang tidak mempunyai tanah terpaksa sewa rumah untuk mengusahakan Pusat Kebajikan dan apabila mereka masuk ke tempat tersebut, kejiwaan tu akan buat bantahan. Jadi itu dah menimbulkan pertelingkahan antara penduduk dengan pengusaha pusat jagaan. Jadi apa yang saya cadangkan adalah seperti tapak-tapak tadika ke, tapak rizab balai polis, rizab balai bomba, apa kata kalau kerajaan ataupun PBT ataupun Pejabat Tanah wartakan tanah sebagai Rizab Pusat Jagaan Kebajikan. Jadi sesiapa yang berminat nak jalankan ataupun dan mengusahakan pusat kebajikan boleh lah berbincang dengan kerajaan dengan cara mungkin JV ke *joint venture* dengan cara menyewa tanah tersebut dengan kerajaan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT. ALWI:** Ok, terima kasih Balakong. Saya kira mungkin EXCO yang lain boleh membantu saya menjawab persoalan tersebut. Seterusnya...

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya mohon maaf EXCO sebab saya amat berminat dengan projek hospital oleh National Kontena itu. Saya pertama ingin bertanya berapa banyak harga sebenarnya yang diperlukan untuk mengambil laih tanah tersebut sekiranya EXCO ada jawapan saya memohon sangat supaya diberi.

Yang kedua saya merasakan bahawa tanah itu tetap akan digunakan untuk tujuan yang lain. Jadi mungkinkah apa-apa peluang yang ada oleh kerajaan Selangor untuk menggunakan tanah itu se maksimum yang boleh untuk tujuan perubatan dan kesihatan. Tanah itu sangat besar dan saya percaya tidak semua perlu dibangunkan untuk tujuan komersial dan walaupun ianya digunakan untuk tujuan perubatan masih juga projek ini boleh dijalankan secara usaha sama dengan pihak swasta. Malahan sekarang kita lihat Hospital Kerajaan ada *public wing* dan *private wing*. Jadi saya kira ini kita tidak sepatutnya berputus asa begitu awal. Jadi saya mohon tanya Yang Berhormat EXCO.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI:** Terima kasih Kampung Tunku, saya tidak ada nilai yang sebenar tentang harga nilai tanah untuk 15 ekar tanah milik *Container National* tersebut. Namun mungkin bukan kita berputus asa tetapi mungkin kita boleh mencari tanah lain yang berdekatan atau pun di persekitaran tersebut sekiranya ianya sememangnya bernilai sangat tinggi yang mana ianya memerlukan kos yang lebih kepada pihak Kerajaan Negeri untuk mengambil alih tersebut. Kita mungkin boleh cari tanah lain yang bernilai lebih rendah yang boleh kita gunakan sebagai tapak hospital untuk kawasan tersebut. *Insyallah* tidak maknanya kita tak ada mungkin boleh ada pilihan-pilihan yang lain.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Nanti kejap, minta duduk dulu, semua duduk, duduk dulu.....

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Beri laluan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya nak beri ingatan kepada rakan Yang Berhormat Sekalian, ini adalah sesi pengulungan dari pihak kerajaan terhadap apa dibangkitkan oleh Yang Berhormat pada sesi semalam, kalau ada perkara baru atau pun terlalu spesifik kepada tempat Yang Berhormat sekalian saya rasa Keadilan tidak akan beri peluang kepada EXCO menjawabnya. Berilah Keadilan EXCO untuk menjawab isu yang telah bangkitkan semalam. Saya silakan Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, pembinaan hospital ini kita kena mengambil kira *consider alot of factors*. Dulu macam saya pun Ahli Lembaga Pantai Hospital Berhad, kami telah buat banyak hospital di Semenanjung Malaysia.

- 1) *Location*
- 2) Sakit yang akan datang dan
- 3) *Infrastructure*

Kalaulah Yang Berhormat tadi kata di RRI land dekat Kota Damansara itu berhampiran dengan Hospital Sungai Buloh maknanya buat apa membazir. Kita kena buat satu hospital walaupun murah tetapi kalaulah tempat tak sesuai atau pun enggan pesakit datang tak memadai sebab kalau kita sekarang kawasan itu akan pergi ke Sungai Buloh dekat sepuluh minit, lima minit akan sampai jadi kalau buat satu hospital di RRI saya ingat itu membazirkan duit.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI:** Terima kasih Ijok, sebenar itu adalah cadangan daripada pihak Jabatan Perancang Negeri Selangor. Mungkin apabila isu ini ditimbulkan pihak Jabatan Perancang akan melihat semula tentang perkara ini. Seterusnya .....

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Gasing nak mencelah.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Ini isu asas yang saya bawalah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sekejap, sekejap EXCO menjawab perkara yang dibangkit Balakong tadi kemudian dipanjangkan ke Ijok saya benarkan sedikit ke Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Berbalik kepada apa yang dikatakan oleh sahabat saya Ijok. Betul Hospital Sungai Buloh sangat dekat dengan tanah RRI itu mungkin boleh dijual tanah tersebut dapat duit dan beli tanah. Saya bagi ini sebagai satu *option*, kita kena praktikal di mana keperluannya. Kita perlu ingat dan perlu membuat apa yang perlu supaya penduduk di kawasan PJS ini mendapat kemudahan. Saya menyambut baik apa yang dikatakan oleh EXCO tadi untuk mengusahakan mungkin *Container* tak sesuai satu lagi tanah yang lebih sesuai, tapi bolehkah kita tetapkan dalam masa 6 bulan ini kita berusaha mencari dan kalau nak tubuhkan satu jawatankuasa untuk mencari tapak yang sesuai, saya bersedia untuk membantu kerana ini isu sangat penting untuk saya dan penduduk di kawasan saya. Kita boleh membantu untuk mengenal pasti lokasi yang lebih sesuai supaya dapat dijayakan hospital ini.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI:** Saya menyambut baik saranan dan juga cadangan daripada Bukit Gasing, saya kira semua para pegawai ada di sini untuk merekodkan untuk bersama-sama melihat tentang perkara ini.

Seterusnya saya teruskan kepada Damansara Utama yang menyebut tentang Pusat jagaan kanak-kanak. Damansara Utama menyentuh tentang isu pusat jagaan kanak-kanak yang mana setakat ini 14 pusat jagaan kanak-kanak telah diwujudkan di premis-premis Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri menyedari akan keperluan mewujudkan lebih banyak pusat-pusat jagaan kanak-kanak terutamanya di pangsa-pangsa puri kos rendah yang mana ini dapat membantu kepada wanita-wanita yang bekerja dan juga yang ingin mendapat tempat jagaan untuk anak-anak mereka dalam *affordable* dalam harga yang mampu oleh mereka. Jadi dalam penyertaan oleh Dato' Menteri Besar dalam belanjawan 2016 memangnya Kerajaan Negeri sedang dalam usaha melaksanakan dan kita juga melaksanakan satu mesyuarat jawatankuasa untuk membincangkan *affordable childcare center* ini yang mana ianya memang sebenarnya sangat perlu untuk kita melaksanakan ketika ini. Saya juga mengalu-alukan Yang Berhormat Damansara untuk sama-sama terlibat dalam merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri untuk mewujudkan *affordable childcare center* ini. Ianya masih dalam peringkat perbincangan dan masih belum muktamad dan ada masa lagi untuk sama-sama berbincang dan bagaimanakah cara yang terbaik untuk memastikan ianya dapat dilaksanakan. Kampung Tunku juga .....

**TUAN SPEAKER:** Berbangkit tentang Damansara Utama dulu.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Apa yang saya bangkitkan kali ini bukan *childcare* sidang yang lalu, sidang ini adalah *work place childcare*. Saya nak tahu bagaimana

adakah satu pelan untuk Kerajaan Negeri supaya lebih insentif kepada Syarikat-syarikat mendirikan *work place childcare their own* syarikat.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI:** Terima kasih Damansara, buat masa ini Kerajaan Negeri belum ada merangka satu insentif untuk diberikan kepada mana-mana Syarikat yang melaksanakan *childcare* di tempat kerja mereka tetapi kita boleh mengambil maklum perkara ini dan kita akan meneliti tentang perkara ini.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bagi Teratai.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Dan di perbahasan saya juga nak tanya Kerajaan Negeri

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Saya bagi Teratai, Damansara Utama ucap, sila teruskan cakap

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Ah....okay dan Kerajaan Negeri bahawa bilakah yang Kerajaan Negeri boleh memenuhi Manifesto PRU 13 bahawa semua bangunan agensi Kerajaan Negeri boleh ada fasiliti *childcare* ini?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI:** Terima kasih Damansara Utama buat masa ini masih belum ada perancangan namun kita telah pun ada 14 buah pusat jagaan kanak-kanak di premis-premis Kerajaan Negeri. Apa yang dibangkitkan oleh Damansara Utama masih jauh lagi untuk kita laksanakan tetapi kita sedang ke arah tersebut. *Insyah-Allah* apabila kita dapat menubuhkan atau pun *affordable home childcare center* ini kita boleh memikirkan tentang perkara tersebut.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Teratai minta. Ia Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya ingin nak tanya Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan *working childcare* ini yang mana sekiranya terdapat ke tidak cukupan tempat untuk taska seperti ini, adakah Kerajaan Negeri Selangor bersedia untuk membesarkan lagi ruang untuk pusat asuhan kanak-kanak yang mana saya difahamkan bahawa bagi pusat asuhan kanak-kanak ini bagi Kerajaan Selangor adalah tidak mencukupi jadi adakah Kerajaan Selangor bersedia untuk membuat satu kajian semakan terhadap keperluan pegawai-pegawai kerajaan atas permintaan asuhan kanak-kanak ini. Sekian, terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI:** Terima kasih Teratai, kita bersedia dengan cadangan daripada Teratai dan saya akan duduk dan berbincang dengan Teratai dan Damansara Utama selepas sidang DUN nanti, *Insyah-Allah*.

Saya teruskan dengan cadangan daripada Kampung Tunku yang mana Kampung Tunku sangat prihatin untuk melihat dan memastikan dasar-dasar seperti peruntukan, adakan peruntukan undang-undang untuk melindungi dan memperkasakan wanita. Buat masa ini dasar-dasar sedia ada namun kita pihak

Kerajaan Negeri melaksanakan satu kajian orang kaji selidik bagi mendapatkan maklum balas kepada wanita-wanita yang bekerja di pejabat-pejabat Kerajaan Negeri ini untuk kita mendapat maklum balas berkaitan dengan kemudahan-kemudahan yang disediakan, dasar-dasar berkaitan wanita dalam kalangan penjawat awam dan juga mungkin berkaitan dengan infrastruktur yang sesuai untuk wanita. Jadi kita akan dapatkan dulu kaji selidik tersebut dan kita akan bentangkan nanti.

**TUAN TIMBA,AN SPEAKER:** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Saya berasa bahawa terima kasih kepada EXCO dan juga Speaker bahawa kajian ini seboleh-bolehnya sebaiknya diperbesarkan kerana saya kira apa yang kita perlukan ialah perlindungan dan bantuan kepada kaum wanita yang bekerja di swasta. Memandang sebenar untuk kakitangan awam kerajaan sudah pun ada fasiliti-fasiliti walaupun agak minima tapi sudah ada untuk mereka. Saya kira kajian ini kalau boleh juga boleh dijalankan dan boleh melibatkan *stakeholder* seperti FMM, seperti MTUC seperti di *what you call it* Kesatuan Sekerja Pekerja-pekerja Bank dan sebagainya yang ada Kesatuan sekerja atau pun pihak-pihak pelabur dan sebagainya supaya kita boleh menjalankan soal selidik atau pun penyelidikan yang lebih jitu, jadi saya kira kalau setakat kakitangan awam kerajaan yang itu pun tidak melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri sahaja dan barangkali kerajaan tempatan pun tidak terlibat kerana ia setakat SUK, Pejabat Tanah dan sebagainya jadi saya memohon supaya cadangan ini diteliti.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BT ALWI:** Terima kasih Kampung Tunku. Kita akan meneliti cadangan daripada Kampung Tunku tersebut dan Insya-Allah apabila kajian selesai maka kita boleh melihat satu dasar wanita di tempat kerja di premis kerajaan dan mungkin dengan cadangan daripada Kampung Tunku kita juga boleh berpanjangan ke premis-premis atau pun di tempat swasta yang lain. Dan ini adalah bagi kita mengenal pasti untuk apakah perkara-perkara yang boleh kita laksanakan bagi memberi perlindungan dan menggalakkan lagi guna tenaga kerja wanita dalam sektor pekerjaan ini. Kampung Tunku juga ada menyentuh tentang cuti bersalin selama 6 bulan oleh satu Syarikat namun untuk Kerajaan Negeri belum bercadang untuk melaksanakan cuti bersalin 6 bulan ini memandangkan cuti bersalin 90 hari adalah daif bagi Kerajaan Negeri pada ketika ini dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sehingga kini hanya 30 orang penjawat awam yang mengambil manfaat cuti selama 90 hari yang ditawarkan oleh pihak Kerajaan Negeri.

Seterusnya Batu Tiga yang begitu prihatin, saya mengucapkan terima kasih pada Batu Tiga yang prihatin dalam membangkitkan pelbagai isu-isu berkaitan kebajikan untuk ibu tunggal. Batu Tiga juga menyarankan agar mewujudkan skim khas bagi ibu tunggal. Buat masa ini Kerajaan Negeri belum lagi dalam ke arah tersebut tetapi saya kira cadangan daripada Batu Tiga itu sangat baik dan sangat bernas cumanya mungkin tentang apa yang disebutkan oleh Batu Tiga untuk memberikan penjagaan untuk anak yang mana ianya sangat penting kepada ibu tunggal yang mungkin

dalam kes-kes yang baru diceraikan ataupun kehilangan suami, maka keperluan untuk tempat-tempat untuk penjagaan anak-anak mereka ini perlu ada. Jadi satu sistem sokongan kepada para ibu tunggal yang bekerja ini sangat penting dan buat masa ini seperti yang dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kehakiman Syariah Selangor yang mana pihak Jabatan Kehakiman Syariah Selangor dari segi penjagaan anak kemudian dari segi kewangan memberikan bantuan kewangan kepada ibu tunggal yang mana di bawah Jabatan Kehakiman Syariah Selangor terdapat satu program yang dinamakan program SBSK iaitu Sistem Bantuan Sokongan Keluarga. Dalam SBSK pengurusan bantuan sokongan kewangan diberikan dan dilaksanakan dengan cara memberikan nafkah pendahuluan sementara kepada ibu tunggal tersebut dengan maksimum selama enam bulan berdasarkan perintah yang dikeluarkan oleh mahkamah. Nafkah pendahuluan sementara ini kebiasaannya diberikan kepada anak yang menjadi mangsa kegagalan pembayaran nafkah oleh si bapa sama ada dalam perkahwinan atau selepas penceraian berdasarkan hukum syarak. Jadi ini adalah termaktub untuk wanita-wanita Muslim yang mendapatkan perintah mahkamah daripada mahkamah syariah. Pihak BSK juga pihak JAKIS juga melalui seksyen bahagian sokongan keluarga ini juga mengambil inisiatif dengan menyediakan perkhidmatan BSK transit. Perkhidmatan BSK transit ini merupakan bantuan perkhidmatan penginapan sementara yang disediakan kepada pihak yang berkelayakan, ini termasuk pembiayaan kos perbelanjaan, pengangkutan dan makan, minum terhadap pihak yang kurang berkemampuan. Khususnya ibu tunggal yang mempunyai prosiding kes di Mahkamah Syariah di Selangor. Jadi ini antara yang telah pun dilaksanakan oleh pihak Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor namun pihak Kerajaan Negeri melihat cadangan ini adalah satu cadangan yang baik untuk kita membantu ibu-ibu tunggal yang memerlukan terutamanya ibu-ibu tunggal yang tidak mempunyai pendapatan dan tidak mempunyai tempat tinggal. Jadi saya juga membuka ruang kepada rakan-rakan, ahli-ahli yang berhormat untuk kita boleh membincangkan tentang perkara ini bagaimana kita boleh sama-sama membantu ibu-ibu tunggal ini. Terima kasih. Oh satu lagi..

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya ingin mencelah.

**TUAN SPEAKER:** Batu tiga minta, YB Sementa.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Terima kasih. Saya dengar dengan teliti apa yang dicakapkan oleh ataupun yang dijawab oleh pihak EXCO. Apa yang dibuat di bawah BSK itu ataupun di bawah jabatan kehakiman itu hanya saya rasa beberapa peratus daripada jumlah wanita yang memang memerlukan perkhidmatan yang sama sebab isu yang diangkat itu hanya mereka yang dalam kes mahkamah yang ada perintah. Tetapi ramai ibu tunggal di luar itu sebenarnya ibu tunggal yang memerlukan bantuan yang sama tetapi mereka tidak ada tempat untuk diberikan perhatian dan sebagainya. Sebab itu saya menimbulkan perkara ini supaya pihak EXCO mengambil mungkin pendekatan yang sama tetapi dalam kaedah yang berbeza. Ya. Iaitu yang dibuat bukan pada mereka yang hanya ada perintah

mahkamah tetapi kepada wanita yang memang memerlukan bantuan yang tidak ada tempat untuk mengadu dan untuk kita pergikan, untuk mereka pergi. Sebab itu saya sebut daripada awal semalam data itu amat penting, supaya kita boleh tangani mereka sebaik mungkin. Jadi saya mohon kalau boleh pihak EXCO jawab apakah saranan-saranan yang saya cadangkan itu akan dibuat satu penelitian yang khusus dan akhirnya ada satu skim khas untuk ibu-ibu tunggal ini. Itu soalan saya.

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI :** Ok, terima kasih Batu Tiga. Sebab itulah saya menyebutkan tadi bahawa kita akan duduk bersama dan berbincang dan kita mungkin boleh melihat satu keputusan yang terbaik untuk membantu ibu-ibu tunggal yang memerlukan ini. Dan mungkin pihak Kerajaan Negeri bersedia untuk mewujudkan skim khas bagi ibu tunggal ini tetapi ini bergantung kepada perbincangan ataupun keputusan terhadap cadangan yang dikemukakan, Insya-Allah. Tentang, Batu Tiga menyebut tentang portal ibu, untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, portal ibu ini dibangunkan oleh pihak YAWAS. Pada ketika ini ianya dalam ianya telah tidak aktif lagi namun pihak jawatankuasa wanita akan membuat ataupun mengemaskinikan portal ibu ini dan juga kita akan memulakan proses pendaftaran baru terhadap ibu-ibu tunggal melalui pusat-pusat khidmat masyarakat dan juga melalui pusat wanita berdaya di DUN masing-masing kerana saya memaklumi bahawa di DUN masing-masing memang ramai ibu-ibu tunggal yang datang yang ingin tahu apakah yang mereka boleh dapat daripada pihak Kerajaan Negeri. Jadi saya kira telah sampai masanya untuk kita meletak ataupun kita mengutip data-data ibu tunggal ini untuk kita lihat apakah yang terbaik yang boleh pihak Kerajaan Negeri buat untuk membantu ibu-ibu tunggal ini. Seterusnya yang terakhir tentang khairat kematian ahli TAWAS yang disebut oleh Batu Tiga. Saya ingin memaklumkan daripada pihak YAWAS, bahawa bermula 2013 YAWAS tidak lagi bekerjasama dengan AmBank dalam pembukaan akaun sijil simpanan tetap AmBank TAWAS. Disebabkan kekangan yang dialami oleh pihak bank. YAWAS telah menggantikan sijil simpanan tetap atau SST AmBank TAWAS dengan mengeluarkan penyata simpanan TAWAS yang bernilai RM1,500 dan ia diuruskan oleh pihak YAWAS. Khairat kematian YAWAS ini adalah manfaat tambahan di bawah Skim Tabungan Warisan Anak Selangor yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri oleh ahli TAWAS yang meninggal dunia sebelum mencapai usia 18 tahun. Ibu bapa boleh menuntut sumbangan bernilai RM1,500 ini di pejabat YAWAS apabila ahli TAWAS tersebut meninggal dunia sebelum usia 18 tahun. Walau bagaimanapun manfaat ini boleh dituntut oleh waris untuk kematian ahli TAWAS yang berlaku selepas 1 Mac 2014 berdasarkan keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah YAWAS Bil.4/2013. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya mohon.

**TUAN SPEAKER:** Satu lagi, silakan.



**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Saya mohon. Saya mohon, saya tak berapa faham tentang apa yang disebut sebab kalau ikut di dalam edaran yang diberikan oleh pihak YAWAS ini penerimaan kalau ianya bukan satu saya sebut semalam ianya bukan satu *compulsory* maknanya satu *optional* satu benda yang pilihan kepada ibu bapa kalau mereka tidak mencarum tambahan mereka bila kematian seseorang anak itu sebelum berumur 18 tahun mereka hanya mendapat RM100. Sedangkan saya cadangkan semalam kalau boleh skim khairat kematian ini dimasukkan bersekali. Maknanya walaupun ianya meninggal sebelum berumur 18 tahun mereka masih lagi mendapat RM1,500 sebagaimana yang kita janjikan kalau dia berumur 18 tahun. Jadi sekarang ini kalau meninggal RM100 sahajalah dia dapat. Jadi itulah sebenarnya saya tanya, apakah mungkin kita boleh bersekalikan dan masukkan skim ini salah satu skim yang bersekali bukan lagi skim yang berasingan.

**YB PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI:** Terima kasih Batu Tiga. Sebenarnya itulah yang disebut tadi bahawa manfaat ini iaitu pemberian sebanyak RM1,500 kepada ahli TAWAS yang meninggal dunia sebelum berusia 18 tahun, ibu bapa mereka layak mendapat skim ini. Dan juga ini hanya berlaku kepada mana-mana ahli TAWAS selepas 1 Mac 2014. Kalau yang sebelum 1 Mac 2014 tidak dapat diberikan skim tersebut pembayaran tersebut. Jadi untuk yang akan datang selepas 1 Mac 2014 ini maknanya ianya berkuat kuasa.

**TUAN SPEAKER:** Terima kasih Yang Berhormat Sementa. Saya persilakan Yang Berhormat Chempaka.

**YB DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera, Selamat Petang. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Saya nak mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat - Yang Berhormat sekalian yang telah menyentuh isu-isu perumahan yang di antaranya adalah Yang Berhormat Sekinchan, Yang Berhormat Kota Damansara, Yang Berhormat Kinrara dan Kampung Tunku. Tentang persoalan jumlah ataupun statistik Rumah Selangorku yang telah dibina yang dibangkitkan oleh Kota Damansara, setakat ini yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar di bawah skim insentif pembinaan rumah Selangorku adalah sebanyak 13,421 unit daripada rumah atau jumlah tersebut yang dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar sebanyak 8,133 unit adalah dalam pembinaan ataupun pihak pemaju telah memulakan kerja-kerja pembinaan. Dan daripada jumlah 13,421 itu sebanyak 5,288 unit yang belum lagi dimulakan pembinaan dan *Insyaa-Allah* akan dimulakan selepas ini. Dan projek-projek lain rumah Selangorku yang dalam pembinaan adalah selain daripada yang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar adalah sebanyak 3,933 unit. Oleh yang demikian jumlah besar rumah Selangorku yang sedang dibina hari ini adalah sebanyak 12,066 unit. Walau bagaimanapun terdapat lebih kurang 10,528 unit yang telah mendapat kebenaran merancang tetapi

sekarang ini dalam proses untuk mendapatkan permohonan ataupun kelulusan pelan bangunan. Dan *Insyaa-Allah* ini juga akan termasuk di dalam jumlah ataupun sasaran rumah Selangorku yang akan dibina di negeri Selangor menjadikan keseluruhan jumlah besar yang kita harapkan ataupun kita sasarkan yang akan dibina sebelum 2018 adalah sebanyak 22,000 unit. Berkenaan dengan penawaran rumah Selangorku seperti mana yang saya umumkan sebentar tadi bahawa keseluruhannya yang telah kita tawarkan adalah sebanyak 7,584 unit yang telah kita tawarkan kepada rakyat. Ini berbanding dengan keseluruhan permohonan sebanyak 12,550 permohonan yang telah memohon. Dan 7,584 telah ditawarkan. Daripada jumlah tersebut seperti mana yang telah diumumkan tadi iaitu 3,490 pemohon telah menolak dan ada pembetulan sikit iaitu jumlah yang menolak adalah sebanyak 46% dan jumlah yang menerima adalah sebanyak 4,085 pemohon. Ada juga dibangkitkan sama ada kenapa mereka menolak. 70% adalah oleh kerana tidak dapat pembiayaan bank dan 30% adalah oleh kerana sebab lain yang di antaranya adalah tidak memilih rumah ataupun lokasi yang telah ditawarkan kepada mereka. Kota Damansara juga telah membangkitkan isu tentang DanaSel. Untuk makluman Yang Berhormat, projek perintis bagi skim DanaSel melibatkan dua projek iaitu RKR Rimba Jaya dan RKR Sungai Sering. Setakat ini bagi RKR Rimba Jaya sebanyak atau seramai 96 orang peneroka bandar telah dipanggil untuk ditemu duga dan daripada jumlah tersebut 71 telah hadir untuk temu duga dan 34 telah berjaya untuk ditawarkan skim dana sel ini. Dan daripada jumlah tersebut pada 28 Mac yang lepas 14 orang telah menerima atau mengambil kunci dan yang selanjutnya 20 orang yang selebihnya seramai 20 orang akan menerima kuncinya pada bulan April. Sememangnya Kerajaan Negeri hendak membuka skim dana Sel ini kepada lebih ramai mereka yang memerlukan pembiayaan dan seperti mana yang saya umumkan bahawa mulai Jun 2015 ia akan dibuka untuk projek Setia Alam Fasa 3, di dalam Daerah Petaling dan Taman Putera Prima, Sepang. Berkaitan dengan projek Dana CELL yang dikatakan bahawa ia lambat dalam memproses pemprosesannya, saya telah juga berbincang dengan pihak lembaga, mungkin kita perlu menambah kakitangan, staf, untuk memastikan bahawa duit yang diperuntukkan dapat kita gunakan untuk memberikan pinjaman kepada rakyat yang amat memerlukan.

Seperkara lagi adalah tentang program *Smart Sewa*. *Smart Sewa*, kita telah memperuntukkan, bukan *Smart Sewa*, *Smart Home Buyer*, yang seperti mana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar semasa sidang belanjawan yang lepas. Iaitu memang kita telah memperuntukkan sebanyak RM10 juta. Hasrat asalnya adalah boleh kita nak lebihlah. RM20 atau RM30 juta. Pejabat saya bersama Lembaga Perumahan, kita cubalah untuk kita dapatkan penambahan kepada akan, apa ni, pembiayaan untuk skim Selangor *Smart Home Buyer* ini. Memandangkan sekarang ini ramai menghadapi masalah untuk mendapatkan sewa. Seperkara lagi yang telah dibangkitkan oleh Kota Damansara adalah tentang projek terbengkalai. Ingin saya menegaskan di sini bahawa statistik projek terbengkalai ini bergerak dari masa ke semasa. Oleh sebab seperti mana kita punya kriteria, untuk projek terbengkalai adalah apabila ia melangkau tarikh yang sepatutnya ia

diserahkan menurut *Sales and Purchased Agreements*, dengan izin. Jadi bermakna bahawa, kalau ia lepas daripada tarikh yang sepatutnya ia diserahkan, ia dikira sebagai terbengkalai ataupun sakit. Itu sebab tarikh ataupun jumlahnya tidak statik tetapi ia bergerak dari masa ke semasa. Sepertimana yang telah diumumkan semalam bahawa setakat ini yang terkini, kita ada jumlah projek terbengkalai, yang masih terbengkalai ialah 115 dan jumlah unit adalah 25,374. Kalau kalau tanya saya dua bulan atau tiga bulan lagi, kalau ada projek yang lambat, maka jumlah ini juga akan bertambah ataupun ada projek diselamatkan, jumlah ini juga akan berkurangan. Ada dibangkitkan oleh Kota Damansara tentang masalah PPR, kenapa tidak dibina PPR di Selangor. Kenapa Kerajaan Negeri tidak bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan. Ingin saya nyatakan di sini bahawa saya telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Keputusan Majlis Perumahan Negara pada 18 Januari 2016, yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Perumahan iaitu Dato' Halimah Mohamad Sadiq. Di mana saya telah mengutarakan, kenapa tidak dibina PPR di negeri Selangor, dan kita memohon supaya ia dibina di Selangor. Sebenarnya, kementerian pun menghadapi masalah dengan negeri-negeri lain. Di Negeri Selangor tak masalah, Cuma tak datang bina saja.. Negeri-negeri lain, Menteri atau Timbalan Menteri, dalam mesyuarat tersebut, 18 Januari, merayu kepada negeri-negeri lain supaya mempercepatkan kelulusan tanah untuk membina PPR, bukan negeri kita sahaja. Bukan, maknanya bukan walaupun parti yang sama tetapi nak dapat kelulusan tanah pun payah, di negeri-negeri lain. Ini diutarakan oleh Menteri, Timbalan Menteri Perumahan sendiri. Dan dalam mesyuarat tersebut, saya *offer*, tawar, bahawa Kerajaan Negeri kita bersedia untuk menyediakan tanah untuk bina PPR, projek perumahan rakyat. Dan saya berharaplah supaya kalau Kota Damansara, baik dengan Menteri yang terlibat, bolehlah bisikkan kepada menteri kita tak ada masalah. Kita boleh bagi tanah untuk mereka bina PPR di Negeri Selangor. Seterusnya Kinrara, membangkitkan tentang skim..

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BIN BOHAN:** Mencilah... mencilah sedikit.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BIN BOHAN:** Okey, tanah yang di *offer* oleh Kerajaan Negeri untuk nak dibina PPR itu adakah lokasinya, lokasi yang strategik ataupun nak dibina kawasan luar bandar yang tidak mempunyai keperluan untuk....

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Bermakna kita kena duduk dengan Kerajaan Persekutuanlah. Sebab mesyuarat akan datang pada hari Isnin lepas, pada hari Isnin depan, tapi malangnya di Kota Kinabalu kalau di Sarawak boleh kita pergi. Sebab kita boleh buat dua kerja. (GELAK) Tapi di Kota Kinabalu, jadi bermakna bahawa kita akan bangkitkan lagi. Tak ada masalah bahawa kalau mereka datang ke Selangor nak buat PPR, kita tak ada masalah. Jadi bermakna kita boleh, kita boleh buka ruang perbincangan. Kinrara telah membangkitkan tentang bina dulu baru jual. Ataupun pun BKJ ini. Kerajaan Negeri memang amat berminat tentang perkara ini

dan mungkin kita perlu lihat bagaimana kita boleh *offer* atau tawar, dengan izin. Tawarkan insentif untuk bina dulu baru jual. Sebab kita pernah tawarkan insentif untuk rumah, membina rumah *Selangorku*, ataupun Rumah Mampu Milik. Akibat dari penawaran tersebut kita ada 22,00 unit yang telah dipersetujui untuk di bina oleh pemaju. Mungkin kita perlu fikirkan apakah insentif yang di dalam *within the powers of the state government*, dengan izin, dalam ruang lingkup kuasa Kerajaan Negeri, kita mungkin kita boleh fikirkan bagaimana kita nak beri insentif kepada pemaju untuk bina baru jual. Seterusnya, Kampung Tunku telah memohon,,,

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Mohon penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kinrara minta penjelasan.. Sila Kinrara.

**Y.B. TUAN NG SZE HAN:** Adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji sama ada kita boleh masukkan syarat ini ke dalam kebenaran merancang?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Dari segi BKJ ini, kita sebenarnya ada banyak, apa ni, pemaju yang agak *hot sale*, apabila kita hendak buat, bina baru jual. Sebab adalah masalah *bridging loan*, masalah kewangan dan sebagainya. Tetapi kita bincangkan, ataupun kita kaji dan kita lihat, mungkin bukan sesuatu yang mandatori tetapi sebab sepatutnya yang boleh menguatkuasakannya adalah Kerajaan Persekutuan, kementerian. Tetapi Kementerian telah menangguhkan pelaksanaan *Build* dan *Sell*, ini. Tetapi di bawah Kerajaan Negeri, yang kita nak lihat adalah sebagai satu insentif seperti mana kita bagi insentif untuk rumah *Selangorku*, di mana kita, antara insentifnya adalah kita mengurangkan premium dan kita mengecualikan *Development Charge*. Dan juga kita bagi peningkatan kepada densiti Jadi mungkin inilah insentif-insentif yang boleh kita beri kepada mereka atau pemaju yang hendak bina kemudian baru jual.

Seterusnya Kampung Tunku telah membangkitkan dari segi kuota bumiputera. Ingin saya umumkan di sini kuota bumiputera adalah berdasarkan *blueprint* perumahan, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor. Dan ia sebenarnya sedang kita kaji semula tentang banyak perkara. Dari segi *blueprint* tersebut dan draf awalnya, Insya-Allah akan siap pada awal tahun 2017. Iaitu selepas itulah baru ia dilaksanakan. Memang kajian menyeluruh akan dilakukan, tentang perumahan, bukan tentang kuota bumiputera tapi tentang hal-hal lain. Kampung Tunku juga telah membangkitkan tentang tanah *British American Tobacco* di Seksyen 19, Petaling Jaya, sebanyak 500 kaki persegi. Memang betul ia merupakan suatu peluang bagi kita untuk mewujudkan mungkin satu pembangunan yang bersepadu bukan sahaja rumah mampu milik sahaja. Dan seperti yang dicadangkan, kalau boleh PKNS boleh melihat akan cadangan ini. Dan *Insya-Allah* kita akan majukan kepada PKNS ataupun kepada anak-anak syarikat ataupun GLC yang lain untuk kita lihat satu kajian sama ada *viable* atau tidak ataupun boleh kita buat satu projek di situ dapat

meningkatkan stok rumah mampu ke dalam pasaran. Saya rasa itu sahaja yang dibangkitkan.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Penjelasan..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Kampung Tunku minta penjelasan. Sila.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN:** Ada satu perkara, saya tidak sebut kuota bumiputera, saya sebut kuota kaum, tak semestinya bumiputera. Yang kedua, tanah BAT adalah satu tanah yang sangat penting. Sama juga dengan tanah *National Contena*. Dan saya juga memohon Yang Berhormat EXCO untuk juga melihat tanah *National Contena* ini, tadi kita sebut panjang, bahas panjang tentang tanah ini. Hakikatnya ialah kita perlu menggunakan setiap inci peluang yang kita ada itu untuk memperkaya *land bank* kerajaan khususnya di kawasan-kawasan bandar yang telah pun dimajukan. Termasuk cadangan untuk membuat usaha sama, JV dengan pemaju-pemaju swasta. Untuk mengurangkan kos kerajaan dan pada masa yang sama memajukan agenda kerajaan. Jadi ini hasrat saya.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Ia adalah tanah swasta, bermakna Kerajaan Negeri, ialah sebagai kalau anak syarikat atau GLC untuk masuk, ia kena *viable* ia. Kena mendapatkan pulangan kepada syarikat. Ia bukan satu program sosial. Jadi bermakna yang ini, mungkin syarikat-syarikat lain pun akan masuk. Bermakna bahawa GLC kita perlu *compete* atau bersaing dengan syarikat-syarikat tersebutlah. Jadi saya minta maaf, tadi sebab yang saya melihat balik akan *hansard* ataupun nota daripada Yang Berhormat, adalah kuota kaum. Kuota kaum ini adalah sebenarnya bukan sahaja di negara kita tetapi di Singapura pun ada satu program HDB, *Housing Development Board*, ada kuota dipanggil EIP, ataupun *Ethnic Integrated Program*. Jadi bermakna ini kita akan lihat apabila kita kaji semula akan *blueprint* perumahan Negeri Selangor. Ianya bukan sahaja dari segi kuota tetapi perkara-perkara lain juga akan kita lihat dan kita kaji. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Mohon.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Gasing minta, sila.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih, Yang Berhormat. Saya juga telah membangkitkan sedikit isu perumahan. Mungkin tertinggal. Berkenaan pangsapuri perkhidmatan. Saya membangkitkan dua isu. Yang pertama, saya mencadangkan kerajaan mensyaratkan semua pemaju kena jual mengikut syarat HDA, *Housing Development Act*. Sebab banyak hari ini tidak jual mengikut HDA. Dan terdapat banyak-banyak isulah, kalau mereka tak ikut HDA. Seperti *outbroken probation* diberi tanpa CCC dan tanpa pangsapuri siap. Seperti satu projek *Avenue The Louvre* di Petaling Jaya, di kawasan saya. Dan yang kedua, yang saya bangkitkan ialah berkenaan masalah bil air, bil TNB yang taraf komersial untuk

pangsapuri perkhidmatan. Sedangkan mereka, macam di kawasan di Petaling Jaya, tak ada pilihan lagi. Tak ada pangsapuri biasa, semua pangsapuri perkhidmatan masa ini.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Bukit Gasing. Memang pangsapuri perkhidmatan sekarang ini, EXCO telah membuat keputusan pada awal tahun ini, untuk menggantung kelulusan semua pembangunan pangsapuri perkhidmatan. Dan negeri-negeri lain pun juga menggantung, contohnya di, kalau tak silap saya di Melaka dan negeri lain juga turut menggantung. Kita gantung untuk enam bulan, sampai bulan Jun ini, di mana kita akan siapkan satu *guidlines*. Jadi bermakna mungkin kita akan masukkan sekali perkara tersebut. Yang mungkin akan, yang kita *target* atau sasaran kita akan dapat dikuatkuasakan pada akhir bulan *Jun*. Tetapi, Kerajaan Persekutuan sememangnya nak buat *guidlines* baru. Iaitu akan diumumkan pada awal tahun hadapan. Iaitu akhir bulan Disember. Tetapi dari segi pangsapuri perkhidmatan, di antara selain daripada perkara-perkara yang telah dibangkitkan tadi adalah pangsapuri perkhidmatan sekarang digunakan sebagai kediaman. Dulu ia digunakan sebagai transit sahaja untuk orang yang mungkin datang untuk jangka masa yang pendek. Tetapi ia digunakan sebagai kediaman, masalahnya kalau menurut kepada atau peraturan yang ada. Katalah, suatu pangsapuri perkhidmatan boleh memuatkan 10,000 penduduk. Tetapi oleh sebab, ia statusnya adalah *commercial*, dengan izin, bermakna dia tak payah buat, ada banyak kemudahan awam yang mereka tak perlu patuhi. Sekolah tak perlu, banyak yang tak perlu patuhi. Jadi sekarang apa yang kita lakukan adalah kita nak pastikan bahawa ia dipatuhi. Sebab kita tak payah cerita lainlah, maknanya *don't lie body* lah. Bermakna bahawa ia adalah tempat tinggal tetap bukan transit sahaja. Kenapa pemaju nak guna ataupun nak bina pangsapuri perkhidmatan, sebab kalau kita pakai di tanah komersial, mereka boleh menggunakan *plot reissue*, *plot reissue*, tapi kalau mereka bina di tanah kediaman atau kediaman, zon kediaman, atau perumahan, mereka kena guna *density*. *Density* boleh bina lebih kurang maksimum 70. Tapi kalau komersial, mungkin sampai 100, 70 unit satu ekar, kalau komersial, kalau perumahan. Tapi kalau di kawasan *commercial*, mereka boleh bina sampai 150 hingga 180 unit satu ekar. Itu sebab ramai pemaju-pemaju yang nak bina *service apartment*. Bukannya sebab dikatanya nak *provide service* pada mereka yang duduk di situ, bukan. Tetapi mereka hendak peningkatan *density*. Jadi bermakna kita, yang penting sekali kita hendak supaya kemudahan-kemudahan dan dari segi mereka yang duduk di sana, dari segi kadar, kapasiti, air, cukai pintu, cukai segala-segala cukai semuanya akan meningkat sebab ianya bukan kediaman. Jadi ini kita buat dalam kita punya *guidlines* *Insyallah* kita siap pada akhir bulan Jun ini.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Terima kasih atas penjelasan. Saya jangkakan *guidlines* itu untuk projek barulah untuk yang akan datang. Tapi bagaimana dengan pangsapuri perkhidmatan yang banyak, tengah dibina dan siap dibina? Boleh tak paling kurangnya, disebabkan air sekarang di bawah kawalan kita,

kita tukarlah saja tarif mereka daripada komersial kepada kediaman, dan tidak perlu tunggulah.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Air bolehlah tapi TNB itu kita kena bincanglah. Sebenarnya ada tempat-tempat, saya dah terima, dan pejabat saya pun ada terima. Di mana ada tempat-tempat yang merupakan rumah kedai, komersial juga tetapi digunakan sebagai kediaman. Jadi mereka minta kadar kediaman. Dan dalam kes tersebut kita seperti mana kita ada satu kes yang kita kendalikan, kita minta pengesahan daripada Majlis bahawanya ia digunakan sebagai kediaman. Jadi, insya-Allah. Ada dua perkara, yang pertama adalah kita punya *guidlines* akan siap pada bulan enam, dan akan dikuatkuasakan selepas itu, walaupun Pusat akan siap tahun lepas. Ini biasa, sebab Selangor sentiasa mendahului Pusat. Jadi, jadi bermakna bahawa. Yang Kedua, dari segi bil air dan bil-bil lainlah, kita akan cuba supaya rakyat tidak terbeban. Dengan kadar yang tinggi oleh kerana ia di atas tanah komersial. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Yang Berhormat Chempaka, macam kuliah perumahan pula. Silakan Yang Berhormat Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Pertamanya, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih kepada Sabak, Balakong, Kampung Tunku, Sungai Air Tawar, Hulu Kelang, Selat Klang, Batang Kali yang membahaskan isu-isu yang berkaitan portfolio di bawah hal ehwal Agama Islam dan juga pembangunan luar bandar. Sabak Bernam membangkitkan isu berkaitan pertembungan mazhab yang agenda kepada Zionis bahawa pertembungan di kalangan, di kalangan umat Islam itu sendiri. Saya kira seperti mana yang saya jawab tempoh hari, kita tidak menolak kebarangkalian pertembungan mazhab ini ada kaitan antara, ini adalah ada kaitannya dengan unsur-unsur Islam. Saya kira lihat mungkin dalam Al-Quran sendiri dan firman Allah SWT dalam surah Al-Bakarah dalam ayat 120 ada menyatakan perkara ini. Kebimbangan Kampung Tunku berkaitan dengan militan yang ada di Selangor ini sebenarnya dekat Jabatan Agama Islam sendiri, Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JAIS yang secara umumnya melaksanakan penyelidikan dan pembangunan berkaitan isu-isu teras agama iaitu yang melibatkan ajaran sesat dalam akidah. Saya melihat institusi yang berkaitan memang menjadi fokus utama kita juga sama ada dalam kerjasama dengan bahagian penguatkuasaan ataupun dengan Kementerian Dalam Negeri dalam hal ini supaya akhirnya Negeri Selangor ini juga kita dapat memantau dan mencegah gerakan-gerakan militan sejak awal lagi. Hulu Kelang juga ada membangkitkan perkara cadangan untuk mendekati ataupun berdialog serta melakukan aktiviti dakwah untuk mengikuti ajaran sesat atau tidak sebelum diiktiraf. Yang mana JAIS menjalankan sesi penjelasan ataupun mengeluarkan Notis Arahan Hadir bagi pengesahan pendapatan individu ataupun yang diragui. Hasil penjelasan tersebut dijelaskan dan dibentangkan dalam penguatkuasa pengawalan akidah JAIS. Selain itu program pembangunan seperti majlis dialog, seminar isu akidah, forum,

penjelasan sentiasa diadakan dari masa ke semasa mengikut keperluan, sesuatu isu di sesuatu tempat bahkan kepada kumpulan-kumpulan tertentu dan juga diadakan program-program dialog kecuali kalau kumpulan-kumpulan itu jelas bertentangan maka kita akan mengambil tindakan-tindakan yang mungkin dilihat agak drastik. Sabar Bernam ada membangkitkan juga berkaitan perkampungan asnaf, yang mana tapak cadangan yang dicadangkan semasa Yang Amat Berhormat sendiri melawat Sabak Bernam tempoh hari, tapak berkeluasan lebih kurang 50 ekar untuk dibangunkan sebagai perkampungan asnaf. Di mana ini juga saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku apabila melihat Majlis Agama Islam bersama Lembaga Zakat Selangor membangunkan perkampungan-perkampungan asnaf sama ada di Perlis ataupun di Kelantan. Kenapa tidaknya dengan kekuatan ini, tapak-tapak yang baik dapat dibangunkan. Dan saya kira dengan tempat tapak-tapak ini *Insyah-Allah* yang baik boleh dibangunkan dan saya kira dengan cadangan ini *Insyah-Allah* di peringkat Majlis Agama Islam Selangor dan Lembaga Zakat Selangor *Insyah-Allah* kita akan bangunkan perkampungan asnaf tersebut. Sabak juga membangkitkan berkaitan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor, Bagan Terap yang mana ini juga sebagai fokus kepada Kerajaan Negeri yang mana Yang amat Berhormat Dato' Menteri Besar sendiri mahukan maahad tahfiz ini sebagai salah satu contoh Maahad Tahfiz yang ada di negeri Selangor sudah tentulah peruntukan-peruntukan yang agak besar. Sebenarnya kita telah memperuntukkan dan pembangunan kita lakukan terutamanya apabila berlaku pemindahan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor ini daripada Sungai Lang di ILDAS ke Bagan Terap. Kedai Smart Selangor yang dicadangkan oleh Sabak yang dikatakan membelanjakan RM8 Juta hingga RM9 Juta. Saya kira itu satu pembangunan yang besar dan mungkin Kerajaan Negeri akan lihat tetapi kalau kita hendak pengiktirafan Smart Selangor ini sebagai menggantikan kedai-kedai PLB yang ada mungkin tidak menanggung kos yang begitu besar, insyah-Allah kita boleh bangunkan di bawah peruntukan pembangunan luar bandar. Masjid yang dicadangkan ialah Masjid Sabak Bernam kita akan ada besar kemungkinan pembangunan yang berlaku di Sabak Bernam. Bagaimana kemungkinan di Sabak Bernam sekiranya ada keperluan maka boleh juga kita bangunkan di sana. Isu yang dibangkitkan oleh Balakong, berkaitan masjid dan surau ya, peruntukan baik pulih pembangunan diagihkan sama rata tiap DUN. Saya kira peruntukan baik pulih diberikan mengikut vot terbahagi kepada masjid, SRA dan surau. Peruntukan baik pulih ini mengikut keutamaan berdasarkan kepada keadaan bangunan dan premis tersebut, keselamatan dan keperluan bagi setiap premis tersebut. Untuk makluman ahli-ahli, ahli-ahli yang dimulihkan bahawa peruntukan masjid kalau kita lihat pada tahun 2015 berjumlah RM44.1 Juta pada tahun ini untuk pembinaan baru dan pada tahun 2016 RM33 Juta. Peruntukan untuk bina surau sebelum ini memang tiada tetapi pada pembentangan Bajet 2016 pada tahun lepas ada peruntukan sejumlah RM2.5 Juta untuk pembangunan surau baru. Manakala untuk baik pulih ya, sebenarnya pada tahun 2016 kita peruntukkan sejumlah lebih kurang RM5 Juta tetapi bagi tujuan baik pulih masjid itu kita telah belanja RM9.45 Juta manakala pada tahun 2016 peruntukan kita yang diperuntukkan RM3 Juta, saya kira jumlah yang terlalu rendah tetapi kita akan lihat bagaimana dengan peruntukan ini kita dapat satu



program-program baik pulih yang terbaik. Dan cuma pada tahun 2016, seperti mana yang saya sebutkan tadi sebelum ini tidak ada peruntukan baik pulih surau yang diusulkan kepada Kerajaan Negeri yang sebahagian besarnya baik pulih itu melalui peruntukan-peruntukan yang diminta terus melalui Lembaga Zakat Selangor. Tetapi pada tahun ini kita ada sedikit peruntukan surau sejumlah RM500 Ribu. Berkaitan dengan pembinaan masjid Taman Putera, masih tiada maklum balas dan saya sedia maklum ada beberapa permintaan-permintaan daripada Balakong yang saya sudah terima, surat-surat tersebut sejak tahun lepas lagi saya kira daripada permohonan-permohonan itu, naik baik pulih kecil sejumlah 4 buah masjid pembaikan kecil surau-surau sejumlah 13 buah surau, dan pembaikan kecil SRA dan KAFA sebanyak 5 buah KAFA dan SRA. Yang ini saya kira pihak Balakong ada juga menerima surat. Yang mana saya utara, saya utara surat ini kepada Jabatan Agama Islam Negeri Selangor yang juga diberi perhatian. Sebagaimana yang saya sebutkan tadi, untuk baik pulih surau pada tahun lepas memang tiada peruntukan. Pada tahun ini ada RM500.000,00 saya rasa satu jumlah yang besar dengan surat-surat permohonan kebanyakan ADUN yang begitu banyak sekali. Saya akan lihat bagaimana kita dapat gunakan peruntukan ini selain daripada permohonan-permohonan yang mungkin kita boleh lanjutkan kepada Lembaga Zakat Selangor untuk membantu dalam baik pulih yang boleh dirancang. Seterusnya

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Balakong, minta Sijangkang.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE:** Minta penjelasan sedikit. Apa Yang Berhormat EXCO, jadi maksud Yang Berhormat EXCO, jadi pada masa akan datang sekiranya ada apa-apa permohonan daripada pihak surau, kami terus minta mereka mohon dengan pihak Zakat untuk kerja-kerja untuk baik pulih. Adakah itu cara yang lebih sesuai?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih Balakong, jika dulu kita tiada peruntukkan untuk baik pulih surau daripada Kerajaan Negeri tetapi pada tahun ini ada RM500,000.00 di peruntukan. So, baik pulih surau boleh dihantar sama ada ke Lembaga Zakat Selangor secara *direct* ataupun untuk membuat permohonan baik pulih pada Kerajaan Negeri. Kita akan cuba selaraskan ya daripada mengikut kreativiti-kreativiti yang dipohon tersebut. Seterusnya Batang Kali ada membangkitkan dengan KAFA dan juga SRA dan mencadangkan supaya Kerajaan Negeri memberi peruntukkan yang sama rata di antara KAFA dan SRA, Kalau kita lihat sendiri pembangunan SRA ini ialah pembangunan di bawah Kerajaan Negeri. KAFA adalah bangunan adalah pembangunan yang inisiatif sahaja pada masyarakat ataupun rakyat tempatan. Dan juga dikatakan bahawa ramai ibu bapa KAFA dan SRA mengenakan yang tinggi dan buku-buku yang mahal. Sepatutnya yuran dan buku itu diberikan secara percuma. Untuk makluman Batang Kali bahawa Kerajaan Negeri pada hari ini sudah memberikan buku-buku teks yang percuma, sama ada kepada pelajar-pelajar di Sekolah Rendah Agama ataupun di Sekolah-sekolah KAFA, cuma yuran yang saya kira juga ada cadangan daripada Kerajaan Negeri sendiri supaya yuran-yuran itu tidaklah terlampau. Walau bagaimanapun, saya rasakan bahawa pada hari ini keperluan untuk kewangan sistem ini sangat tinggi dan

sudah tentulah perlu penambahan di sana sini. Secara asalnya Kerajaan Negeri menetapkan yuran tahun yang sangat minimum kesemua Kafa dan SRA mengikut lokaliti-lokaliti seperti berikut:-

sedikit perincian, kita bagi 3 kawasan iaitu bandar, pinggir bandar dan luar bandar.

Bagi bayaran kokurikulum kita kenakan RM18 di kawasan bandar, pinggir bandar RM15.00, luar bandar RM13.00.

Bagi bayaran kokurikulum Amal Islamik. Kita kena, kita cadangan RM12.00 kawasan bandar, pinggir bandar RM10.00 dan luar bandar RM8.00.

Bayaran Keceriaan dan Kebersihan: kawasan bandar RM6.00, pinggir bandar RM5.00 dan luar bandar RM 3.00.

Bayaran kebajikan, bandar RM4.00, pinggir bandar RM3.00 dan luar bandar RM 2.00.

Bayaran Tambahan Pengurusan Pentadbiran, bandar RM18.00, pinggir bandar RM15.00 dan luar bandar RM13.00.

Ini menjadi perbezaan mengikut kategori ini, bandar RM50.00, pinggir bandar RM30.00 dan luar bandar RM39.00. Jadi saya kira ini bukan begitu tinggi walaupun mungkin di kawasan-kawasan tertentu sosial ekonomi yang rendah daripada keluarga juga agak membebankan.

Seterusnya Selat Kelang juga membangkitkan berkaitan dengan integriti supaya dicadangkan berkaitan dengan integriti dimasukkan dalam khutbah Jumaat. Sebenarnya khutbah integriti ataupun berkaitan dengan rasuah ini telah pun menjadi sebahagian daripada khutbah Jumaat yang mana juga sudah diarahkan kepada masjid-masjid di seluruh Negeri Selangor untuk membacakan khutbah ini sebagai satu ikatan kepada masyarakat. Seterusnya Sungai Air Tawar berkaitan dengan elaun Guru Kafa ditambah kepada RM1,500 dan elaun tersebut salah satu daripada cadangannya adalah untuk diberikan sekali gus RM1,500 kepada semua tetapi kita melihat supaya ada sedikit dilihat sebagai satu keadilan kepada guru-guru yang baru masuk ataupun guru yang sudah berkhidmat lebih daripada 10 tahun ataupun 15 tahun. Sebab itulah kita mengambil keputusan kenaikan-kenaikan itu berkaitan dengan berlandaskan kepada tahun perkhidmatan. Dan saya kira pada tahun itu pada inilah keputusan yang kita akan laksanakan tetapi mungkin kita akan lihat pada masa akan datang. Kemudian kita....

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Tuan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Adakah ada keperluan supaya elaun ini diganti kepada gaji kerana bila gaji nanti maka para guru ini mungkin dapat membuat pinjaman, menjadi penjamin dan sebagainya, terima kasih.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Terima kasih Sungai Air Tawar ini yang baru nak saya sebutkan berkaitan dengan elaun guru KAFA ditambah, digantikan kepada gaji bulanan yang mana sebenarnya untuk urusan perkhidmatan guru-guru KAFA ini melibatkan jumlah yang agak besar kerana kita mempunyai jumlah guru-guru KAFA melebihi daripada 6,900 orang dan kita juga melihat kepada faktor perjawatan yang pada ini kita sedia maklum jawatan ini dibekukan tetapi kepada jawatan tetap dan dengan adanya jumlah yang besar guru-guru KAFA ini saya kira akan memakan jumlah peruntukan yang sangat besar dan saya kira dengan taraf guru-guru KAFA pada ini sebagai sambilan dengan mempertimbangkan soal masa perkhidmatan mereka saya kira bukan dalam masa terdekat kerana banyak perkara-perkara yang perlu kita lihat kerana kalau kita lihat lebih kurang kita belanjakan RM135 juta dalam masa setahun untuk pembayaran elaun guru-guru KAFA sahaja. Saya sangat berterima kasih kepada JAKIM yang memberikan peruntukan dalam RM30 juta setahun itu tetapi harus diingat pembayaran elaun ini bukan sahaja datang dari JAKIM bahkan sebahagian besar daripada Kerajaan Negeri. Satu daripada ZAKAT yang lebih kurang dalam RM28 juta sumbangan setiap tahun. Daripada peruntukan Kerajaan Negeri hampir RM60 juta setiap tahun, hampir RM80 juga setiap tahun jadi saya kira pada masa ini kekuatan kita, kemampuan kita adalah untuk membayar elaun dalam bentuk elaun ini bukan gaji kepada guru-guru KAFA ini. Seterusnya berkaitan dengan penceramah bebas sama ada mendapat tauliah untuk memberikan ceramah dan sebagainya di peringkat Jabatan Agama Islam Negeri dan melalui unit-unit yang ada di peringkat daerah, Pejabat Agama Islam Daerah dan juga sentiasa memberikan mengadakan pemantauan untuk melihat penceramah-penceramah. Penceramah itu supaya sudah tentu punyalah di Selangor ini adalah penceramah-penceramah bertauliah supaya akhirnya tauliah yang diberikan itu adalah tauliah yang membina kepada pembangunan Islam itu sendiri. Disentuh juga oleh Sungai Air Tawar larangan berpolitik di dalam masjid edaran surat akhbar Selangor Kini dalam masjid seperti mana kalau kita ingat lagi yang disebutkan lagi oleh Sungai Air Tawar itu adalah yang berbau politik yang saya kira mungkin tidak sah kesahannya sebagai yang berkaitan pun itu boleh kita lihat cuma yang saya tidak mahu apabila yang memang ia adalah program-program yang politik sifatnya. Politik diajar di dalam Islam dan saya kira itu bukan satu kesalahan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Kuliah atau pendidikan tetapi yang kita tidak mahu adalah politik yang kepartian.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, minta laluan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sijangkang, Kota Anggerik minta laluan, sila Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Surat khabar Selangor Kini adalah hanya surat khabar yang dibenarkan adalah diterbitkan oleh Kerajaan Negeri dan ia bukan

surat khabar politik saya tidak faham Sungai Air Tawar melihat sebagai media politik. Kalau Utusan Malaysia memang jelas politik, minta penjelasan jadi kalau inilah tempat untuk mengedarkan Selangor Kini yang boleh diedarkan di surau-surau, masjid untuk orang ramai jadi saya rasa tidak menjadi kesalahan untuk Selangor Kini diedarkan di surau-surau dan masjid. Ia macam mana boleh Sungai Air Tawar melihat sebagai media politik.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Terima kasih Kota Anggerik, sebab itu tadi pun saya sebutkan ia berbau politik dan bukan politik dan kita akan lihat cuma apa yang saya khuatir apabila isu politik kepartian yang berlaku sebagai contoh saya nak mengambil Sambutan Maulud 24 Januari 2016 yang bersamaan 14 Rabiulakhir. Biasanya kita sambut pada 12 Rabiulawal pada tahun lepas 24 Disember ialah nak sambut bila-bila masa pun boleh tapi bagi saya ini sudah di luar daripada sambutan Maulud. Ini berlaku apabila sambutan Maulud pada 24 Januari dilakukan dengan yang saya kira maksudnya cukup jelas. Perasmian dilakukan di suatu tempat berarak ke masjid dengan sepanduk-sepanduk yang cukup jelas melambangkan kepartian yang berlaku di Masjid Jumboriah PJS. Kerjasama dengan JPP dirasmikan oleh MP Tanjong Karang di Bangunan UMNO bergerak ke masjid. Sepanduk jelas UMNO saya kira ini satu perkara yang cukup mengecewakan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Mohon penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA:** Taman Medan juga melihat perkara yang ini melalui gambar-gambar yang telah diposkan di dalam ini dan didapati penjelasan yang diberikan oleh pihak masjid menyatakan ianya meraikan kesemua pihak sedangkan JPP adalah NGT yang tidak ada diiktiraf, kewujudannya tidak diiktiraf kerana dia mencabar kewibawaan Kerajaan Negeri Selangor yang sah. Jadi bagaimana tindakan terhadap perbuatan ini.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Saya juga berasa cukup kecewa kerana apabila kita lakukan pemilihan, pemilihan ahli jawatankuasa masjid kita mengharapkan pemilihan yang berlaku secara profesional dan apabila wujud lantikan-lantikan, yang saya kira mirip kepada parti politik yang tidak dapat membezakan antara saranan Duli Yang Maha Mulia Tuanku jangan membawa politik kepartian di dalam masjid berlaku. Saya kira walaupun lantikan belum mendapat watak lagi dan ini boleh berlaku juga saya kira ini sesuatu yang sangat mendukacitakan. Sebenar di peringkat JAIS sudah panggil dalam program Islah dan kita akan mengambil tindakan-tindakan yang sepatutnya diberikan kepada mereka.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Tuan Speaker mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sungai Air Tawar.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Ia mengenai dengan politik tadi bahawa saya bawa juga akhbar Selangor Kini ia sebagai bukti bahawa kadangkala saya nyatakan memang ada kebaikan. Saya rasa dalam 80% mengenai dengan program-program yang dinyatakan di Negeri Selangor tetapi juga ada diselitkan perkara-perkara yang menyentuh tentang dan juga politik ini bukan daripada ADUN atau pimpinan di Negeri Selangor, ini pimpinan di negeri lain, skandal Najib muncul yang dinyatakan oleh Tuanku. Ini masalah globalisasi dan juga masalah sama rata di dunia yang lain tetapi kenapa benda macam ini bawa ke sini. Banyak perkara lain yang boleh dinyatakan oleh surat khabar Selangor Kini, sedikit sebanyak menyentuh juga dengan politik.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Oklah Sungai Air Tawar kita akan lihat benda itu tetapi kalau yang ini Sungai Air Tawar nak ambil boleh ambil kalau tidak pun tak apa kita tetap akan meneruskan meletakan di masjid sebagai sumber media kepada masyarakat.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mencelah.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Oklah yang ini

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Batang Kali minta mencelah, sila.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Saya belum.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya minta sedikit sahaja tak ada apa-apa pun cuma saya tentang surat khabar ini buatlah cuma jangan berpolitik di dalam surat khabar waktu dalam tempat kita mengedar kurang baik tempat masjid. Kalau boleh taruklah di luar masjid dekat pintu pagar itu ke, jangan dekat tangga, tangga dekat tempat-tempat orang nak solat. Ini yang tidak elok kalau kita bercakap benar dalam surat khabar itu tak apa. Benda-benda yang tidak elok-elok duduk dalam masjid dan jadi ini yang kita nak tegur, benda tak elok ini.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Di mana Selangor Kini yang tidak elok.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Saya tengah bercakap ini, mana peraturan. Nak masuk peraturan tak.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok Batang Kali.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Batang Kali, saya ingat saya dah faham.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Silakan Sijangkang.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Mungkin Batang Kali nak menyatakan bahawa masuk ke masjid dengan sepanduk yang jelas kepartian itu lebih baik daripada Selangor Kini.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Kalau boleh kita sama-sama macam itu, jangan sebabkan kita ini seorang sahaja boleh, orang lain tidak boleh itu sebab kita selalu berlagu. Jadi kalau tempat itu kalau kita onsider *district* untuk semua kita buat undang-undang Selangor boleh buat undang-undang "*district all parti no entree at all*".

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Saya ingat sudah adalah arahan.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Bila ada, tidak ada arahan itulah buat sekarang ini bila Selangor Kini melambak-lambak di kaki-kaki di dalam-dalam masjid.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Ok, Terima kasih Batang Kali.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Ini saya cakap.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Baik.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sudah difahami Batang Kali, silakan Sijangkang.

**Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF:** Tuan Speaker.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Isu yang seterusnya yang dibawa oleh Sri Serdang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Belum jawab lagi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF:** Dia nak pergi isu seterusnya nak pergi.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sijangkang nak menjawab Batang Kali tadi.

**Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF:** Isu tadi sebelum isu seterusnya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Benarkan Dengkil, sila.

**Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF:** Saya nak nasihatkanlah Kerajaan Negeri surat khabar ini edar tidak salah tapi *contentnya* itu memang Yang Berhormat EXCO tadi kata politik berbau kepartian ini kita halang sama sekali. Tetapi kalau *contentnya* tidak benar menimbulkan hasutan, fitnah Tabung Haji bankrap, skandal Najib itu semua tidak dibuktikan dan ianya tidak wajar dimasukkan di dalam masjid tempat kita mengimarahkan, tempat kita beribadat, tempat kita bersatu, perpaduan umah, pembangunan umah ini bawa cerita fasal apa nama skandal Tabung Haji bankrap.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Boleh kita buat macam roket, roket dia pun ada parti juga macam.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Ok, saya silakan Sijangkang membuat penjelasan.

**Y.B. TUAN SHAHRUM B. MOHD SHARIF:** Saya minta kerajaan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Cukup Dengkil, Sijangkang memberi penjelasan. Sijangkang memberi penjelasan Sijangkang memberi penjelasan. Lepas itu pindah ke tajuk lain lepas itu.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Maksud saya tadi ialah yang kita tak nak begitu jelas, kepartian buat sepanduk sampai, saya ingat itu benda yang tidak seharusnya berlaku tetapi ini yang berlaku lagi di Negeri Selangor.

**Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN:** Bukan bankrap tapi peringatan.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Maksud

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sijangkang, Kota Anggerik minta penjelasan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Bukan Tabung Haji bankrap, kalau diurus dengan baik duit Tabung Haji tolong 1MDB jadi bankraplah Tabung Haji. Itu peringatan Kerajaan Negeri kepada Tabung Haji.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Cara itu boleh mempengaruhi dan menghasut. Perkara mengenai Tabung Haji, bila efeknya bila nyatakan Tabung Haji ini bankrap ramai pendeposit keluar dan akhirnya ramai di antara mereka tidak boleh pergi haji itu adalah fitnah.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Itu tandanya prihatin kita kepada Tabung Haji sebab diurus dengan baik, jangan jadi bankrap.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Selama ini memang diurus dengan baik cuma dia orang kata tidak baik.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sijangkang, teruskan.

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK:** Kota Anggerik naik haji pun pakai Tabung Haji.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sijangkang, teruskan.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Itu Sungai Air Tawar nanti boleh bawa pembuktian berapa ramai yang keluar daripada Tabung Haji yang tutup akaun. Seterusnya seperti yang dibincangkan yang dibawa oleh Sri Serdang yang berkaitan dengan Tahfiz Vokasional memakmurkan Tahfiz Vokasional.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sudah pindah tajuk lain dah ini.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan sedikit lagi belum boleh keluar.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Hulu Kelang.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB:** Minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO pertama telah dijelaskan bahawa politik adalah sebahagian daripada ajaran Islam tidak ada masalah, kedua tidak boleh berpolitik kepartian sama ada penceramah itu ada tauliah ataupun tidak ada tauliah, betul. Ketiga ahli politik tidak akan diberikan tauliah, penjelasan.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS B. HAIRI:** Ahli politik tidak diberi tauliah, yang ini saya kena semaklah ya Hulu Kelang. Isu seterusnya adalah yang berkaitan dengan di bawah oleh Sri Serdang Maahad Tahfiz Integrasi Vokasional yang dicadangkan untuk dibangunkan di Seri Serdang dan beberapa daerah yang lain. Sebenarnya Kerajaan Negeri Selangor pada hari ini kita lebih menumpukan kepada pembangunan Integrasi Tahfiz Selangor yang mungkin seperti yang saya jawab pagi tadi juga sebahagian telah memikirkan berkaitan dengan Maahad Integrasi Tahfiz Teknologi dan Vokasional dan pada hari ini kita untuk daerah Petaling kita belum putus lagi dan hasrat kita untuk mewujudkan Maahad Tahfiz Integrasi di setiap daerah kalau pada hari ini kita ada 4 buah kita ada beberapa lagi pembangunan yang akan dilakukan di Negeri Selangor dan *Insyah-Allah* kita akan lihat keperluan-keperluan berkaitan dengan Maahad Integrasi Tahfiz dan Vokasional dan Teknologi. Saya kira itu beberapa perkara yang saya nak sebutkan yang berkaitan dengan isu yang dibahaskan oleh Ahli Dewan Negeri. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Terima kasih Yang Berhormat Sijangkang. Silakan Yang Berhormat Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang membangkitkan tentang isu PBT khususnya Seri Andalas, Damansara Utama, Bukit Gasing, Semenyih, Balakong, Rawang. Untuk menjawab soalan daripada Kinrara dan Balakong tentang keselamatan pegawai-pegawai penguatkuasaan PBT. Kerajaan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM270,096.00 kepada kesemua PBT bagi pembelian senjata Taser X2. Sehingga kini hanya 4 PBT iaitu MBPJ, MDKS, MPSB dan MDHS telah mendapat kelulusan PDRM bagi memiliki senjata Taser X2 yang lain masih tunggu kelulusan untuk kita gunakan senjata tersebut untuk menjaga keselamatan semasa mereka menjalankan tugas masing-masing. Beberapa ADUN Yang terhormat juga mencadangkan hukuman yang lebih berat untuk kita menghukum mereka yang membuang sampah haram di merata tempat. Saya secara dasarnya bersetuju dan kita akan bawa cadangan ini untuk berbincang balik kerana kita masih dalam peringkat terakhir dalam mendraf pendrafan enakmen pengurusan sisa pepejal Selangor dan saya akan bagi beberapa contoh kerana saya ada draf di sini untuk



kesalahan-kesalahan yang am iaitu kalau mengikut seksyen 6(1) (a) Kehendak bagi lesen mengusahakan atau menyediakan apa-apa perkhidmatan pengurusan sisa pepejal seseorang yang melanggar sub seksyen 1 melakukan satu kesalahan dan boleh apabila disabitkan didenda tidak kurang daripada RM25,000 dan tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya dalam hal kesalahan yang berterusan. Itu bermakna kalau seseorang kontraktor yang memberikan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal tanpa lesen mereka boleh dihukum di bawah seksyen ini dan juga seksyen yang saya ingin memberi contoh kepada Yang Berhormat adalah Seksyen 24(1) merosak atau membinasakan tong sampah di tempat, merosak, membakar, memecah, mengecat, menconteng, membinasakan, mengalihkan, mengubah atau menyalahgunakan mana-mana tong sampah di tempat awam mana-mana orang yang melanggar sub seksyen 1 dan 2 adalah melakukan kesalahan apabila disabit didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh yang tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya. Kalau Yang Berhormat ada cadangan yang lain boleh kemukakan kepada kita dan kita akan membincang sebelum kita membentangkan dalam dewan ini.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Mencilah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Seri Andalas minta mencilah.

**Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM:** Terima kasih kepada EXCO telah lama kita tunggu untuk adakan undang-undang baru ataupun enakmen baru sekarang cadangan ataupun jawatankuasa akan ditubuhkan tetapi saya ingat ini sudah lama dah yang kita bawa di dalam Dewan ini tiap-tiap kali sampah jadi isu besar di dalam Dewan. Tapi oklah terimalah yang kita akan adakan tetapi saya ingin *you* kena bagi satu tempoh. EXCO Yang Berhormat adakah dalam sidang akan datang kita akan tengok enakmen ini ataupun sidang kedua ataupun akhir tahun ini kita akan tengok macam mana keadaan sebab ini ada banyak yang *legality* yang kita kena buat. Saya harap ini akan *materialised* ataupun jangkaan saya KPI EXCO nanti kita akan adakan kalau beberapa bulan dari sekarang kita akan nampak ini.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Seri Andalas. Kita jangka kita akan bentangkan ke dalam Dewan yang mulia ini pada sidang yang akan datang. Saya harap Yang Berhormat setuju dengan enakmen tersebut. Kota Damansara. Ok. Rawang juga membangkitkan isu dewan balai yang masih dimiliki secara tidak sah oleh parti politik. Pada dasarnya PBT dan juga pejabat daerah perlu mengambil balik premis tersebut untuk kegunaan orang awam tapi mungkin ada isu dan rumit, saya akan melihat dengan sendiri, saya harap Yang Berhormat Rawang boleh bagi saya tentang maklumat tersebut di mana tempat itu dan parti mana yang masih enggan untuk menyerahkan balik kepada Kerajaan Negeri. Dan kita akan mengambil tindakan lebih tegas terhadap mereka.

Saya juga ingin memberi maklumat tentang maklum balas tentang isu kenaikan elaun Ahli Majlis PBT. Kerajaan Negeri memahami asas untuk cadangan kenaikan

ini akibat kekangan kos sara hidup yang semakin meningkat serta bebanan tugas dan peranan penting yang dimainkan oleh Ahli Majlis. Kerajaan Negeri berpandangan bahawa kenaikan ini tidak selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kos mengurus di PBT. Namun Kerajaan Negeri bersedia meneliti perkara ini dan ia juga berdasarkan kemampuan dan prestasi kewangan PBT masing-masing pada tahun yang akan datang. Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Bukit Gasing tentang beberapa isu tempatan di kawasan MBPJ satu tentang isu restoran. MBPJ telah melaksanakan tindakan penguatkuasaan kepada pemilik premis perniagaan untuk menyediakan tong sampah dan mematuhi syarat kebersihan sebelum lesen perniagaan dikeluarkan atau diperbaharui. Sebanyak 2187 premis perniagaan telah diperiksa dan 888 notis telah dikeluarkan untuk pemilik yang mematuhi 6 syarat kebersihan yang telah ditetapkan dari jumlah itu 40% premis telah membuat penambahbaikan selebihnya lesen perniagaan pada tahun 2016 hanya boleh diperbaharui setelah tindakan penambahbaikan diambil. Tindakan ke atas premis perniagaan yang tidak

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Saya minta penjelasan saja. Saya bangkitkan isu ini sebagai satu contoh *enforcement* yang konsisten apabila nak *renew* lesen *enforcement* pergi cek kalau tak ada tong sampah dia nak *renew* lesen dia minta kedai sediakan tong sampah baru *renew* lesen tetapi kalau setakat sekali setahun atau dua kali setahun di mana pemeriksaan dibuat operator restoran itu tidak mengikut undang-undang sepenuhnya sebab dia tahu *enforcement* hanya datang sekali skala so apa yang diperlukan bukan sahaja di kawasan saya rasa di seluruh Negeri Selangor ialah *enforcement* yang lebih konsisten setiap bulan, setiap dua minggu dan apabila *enforcement* selalu melawat premis tersebut kita akan dapati mereka akan belajar bahawa tak boleh buang beg sampah sahaja di luar restoran kena masukkan dalam tong sampah. *We need to form the good habit.* Yang masih lagi berkurangan di negeri Selangor dan siapa yang *I think* semua Ahli Yang Berhormat di sini boleh nampak sendiri di kawasan masing-masing di seluruh negeri Selangor banyak kedai, banyak restoran di kawasan komersial yang tidak menggunakan tong sampah dengan betul. Mc Donald, Ayamasa jenama yang baik pun meletakkan sampah dalam beg plastik hitam di depan premis Restoran Subway sama baris dengan pejabat saya walaupun jenama Amerika sepatutnya mengikut standard yang tertinggi pun tidak membuang sampah di dalam tong sampah. Jadi pemeriksaan yang lebih kerap diperlukan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat. Kita akan meningkatkan tentang pemeriksaan tersebut tapi tak mungkin kita boleh menjalankan satu demi satu memang tak cukup tenaga kerja tapi kekerapan itu perlu dipertingkatkan untuk kita memastikan semua premis makanan mereka mengikut apa yang ditetapkan oleh PBT tersebut. Tentang *billboard* di kawasan MBPJ yang tidak dikenakan TOL saya tak pasti adakah isu ini secara umumnya kerana maklumat yang didapatkan daripada MBPJ sebanyak 262 *billboard*

di tanah kerajaan telah disahkan TOL hanya *billboard* di tanah persendirian dikecualikan TOL. Ini adalah angka yang saya maklumkan kepada Yang Berhormat. Dan ketiga tentang pemantauan kontraktor adakah satu sistem pemantauan kontraktor dan pembersihan dilaksanakan. Adakah semakan dipantau dulu sebelum pemberian dibuat. Memang mengikut kontrak yang telah ditawarkan kepada kontraktor memang semakan dan pemantauan perlu dibuat sebelum bayaran dibuat. Dan jikalau kontraktor tidak mematuhi skop kerja dia NDC akan dikeluarkan dan kalau 3 NDC dikeluarkan dan kontraktor itu akan dipatahkan ataupun dihentikan dengan serta-merta. Dan saya juga ingin memberi maklumat tentang apa yang dibangkitkan oleh Seri Andalas tentang menjalankan satu undang-undang yang lebih ketat dan hukuman yang berat ke atas mereka yang mabuk dan membuat kacau gangguan di kawasan tempat awam. Dan untuk maklumat Yang Berhormat Seri Andalas undang-undang semasa yang mengawal isu ini adalah ada 2. 1 di bawah Seksyen 21 kesalahan kecil iaitu Akta 336 iaitu seseorang yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda tidak lebih RM25,000 penjara tidak melebihi 14 hari. Ini satu Akta saya mahu Yang Berhormat duduk dulu biar saya jawab dulu. Yang akta kedua di bawah undang-undang kecil di peringkat PBT itu di bawah akta persekutuan federal Akta 336 ini di bawah peringkat PBT kita hanya menggunakan undang-undang kecil taman 2005 Seksyen 9 pengusiran dari taman itu yang PBT boleh gunakan kalau dia mabuk, buat kacau di taman kita boleh usir dia keluar itu sahaja.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER:** Sambung esok. Yang Berhormat sekalian, jam menunjukkan jam 4.30 petang dan saya tangguhkan Dewan sehingga esok Jumaat 1 April 2016 jam 9.30 pagi. Saya ulang jam 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 4.30 petang)**